10 Asas Ibadat

Sebahagian daripada Kitab 40 Asas dalam Agama

Karya al-Imam Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali (W505 H)

Terjemahan dan suntingan
Ustaz Mohd Juzaili bin Juhan
Ustaz Azhar bin Yahya

Diterbitkan oleh
Jabatan Mufti Negeri Selangor

10 Asas Ibadat

Pengenalan Kitab

Ihya' Ulumuddin adalah karya hebat dari tinta Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali Rahimahullah. Kitab setebal lima jilid tersebut telah diringkaskan oleh beliau di dalam pelbagai kitab antaranya ***Al-Arbain Fi Usul Al-Din.*** Rakaman hebat yang telah diwariskan oleh Hujjatul Islam ini adalah satu tulisan yang nampak kecil tetapi ia merupakan satu gugusan matan yang merupakan rangkuman falsafah dan rahsia ibadah dengan perlaksanaan pengabdian berlandaskan syariat. Kalimat-kalimat hebat yang telah disusun dengan pena syariat yang berlatarkan kehambaan yang amat tinggi daripada seorang Murshid sepanjang zaman.

10 asas agama dalam perkara ibadah ini telah dipetik daripada 40 asas agama yang terdapat dalam karya asal Al-Arbain Fi Usul Al-Din telah dirakamkan di dalam buku ini. Sebelum penghasilan buku ini, telah dihasilkan buku fasa pertama iaitu 10 ASAS 'AQIDAH yang memfokuskan perbahasan berkaitan asas 'aqidah.

Buku ini tidak menghuraikan secara mendalam mengenai fiqh ibadah yang melibatkan sah, batal, rukun, syarat dan sebagainya. Tetapi lebih kepada perbahasan ibadah secara umum dan memfokuskan kepada rahsia dan falsafah ibadah dan juga amalan seharian sebagai seorang hamba Allah. Imam Al-Ghazali telah berjaya memaparkan rahsia dan falsafah ibadah untuk menghidupkan rohani kepada sesuatu ibadah. Paparan beliau mengenai rahsia di sebalik amalan harian ini juga telah mampu mewujud dan menimbulkan rasa kehambaan dalam melayari kehidupan harian.

Justeru ianya akan menghasilkan pengabdian yang total dan sempurna zahir dan batinnya. Mudah-mudahan usaha kerdil ini mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT.

ISBN 978-967-5996-37-5

9 789675 996375

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ١

Dengan Nama Allah
Yang Maha Pemurah
lagi Maha Penyayang.

10 Asas Ibadah

Sebahagian daripada kitab
40 Asas Dalam Agama

Karya al-Imam Hujjatul Islam
Abu Hamid al-Ghazali (wafat 505 Hijrah)

Jabatan Mufti Negeri Selangor

10 Asas Ibadah

al-Imam Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali

Terjemahan dan suntingan

Ustaz Azhar Yahya & Ustaz Mohd Juzaili Juhan

© Hak Cipta Terpelihara

Jabatan Mufti Negeri Selangor

Tidak dibenar mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dengan apa-apa cara untuk sebarang tujuan komersial tanpa mendapat keizinan bertulis daripada penterjemah atau Jabatan Mufti Negeri Selangor. Namun untuk kepentingan dakwah dan ilmu yang tiada kepentingan komersial amat dialu-alukan.

ISBN 978-967-5996-37-5

Cetakan pertama 2013, 5000 naskhah
Cetakan kedua 2014, 3500 naskhah
Cetakan ketiga 2017, 5000 naskhah
Cetakan keempat 2019, 3000 naskhah
Cetakan kelima 2020, 3500 naskhah

Terbitan

Jabatan Mufti Negeri Selangor
Tingkat 7 & 8, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah, 40000,
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Isi Kandungan

Kata-Kata Aluan

Segala puji dan syukur dilimpahkan kehadrat Allah S.W.T. yang sentiasa melimpahkan *taufik* dan hidayah-Nya sehingga kita dapat melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai khalifah di muka bumi ini. Selawat dan salam sentiasa dipanjangkan, Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga, para sahabat, *tabi'in* serta generasi seterusnya yang mengikuti jejak langkah Baginda S.A.W. sehingga ke akhir zaman.

Islam merupakan satu-satunya agama yang diredhai Allah S.W.T., ia merangkumi tiga aspek penting iaitu Aqidah, Syariah dan Akhlak. Tiga aspek ini saling memerlukan antara satu sama lain bagi menjadikan kehidupan seseorang insan mukmin itu sempurna dalam mengejar kebaikan di dunia mahupun akhirat.

Ibadah merupakan bukti zahir seorang muslim yang sejati, asas yang penting ini mestilah diambil dari sumber yang penuh autoriti serta dilaksana dengan penuh ketepatan, kerana jika asasnya goyah maka apa yang berdiri di atasnya juga pasti akan goyah.

Memperbahaskan persoalan ibadah bukan sahaja melibatkan perkara sah, batal, syarat serta rukun, bahkan perlu memperhalusinya lagi dengan rahsia dan

falsafah di sebalik ibadah tersebut. Buku ini telah memaparkan dengan baik rahsia serta falsafah di sebalik ibadah. Gabungan antara ketepatan ibadah zahir kemudian dirangkumi dengan ketulusan serta rahsia dalaman ibadah tersebut menghasilkan kesempurnaan ibadah.

Atas dasar itulah Jabatan Mufti Negeri Selangor menerbitkan buku kecil yang bertajuk 10 ASAS IBADAH karangan Imam al-Ghazali RH, 10 asas ini merupakan bahagian kedua daripada 40 asas yang disebut di dalam kitab asal Imam al-Ghazali RH.

Akhir kata, semoga buku ini akan memberikan sebanyak mungkin manfaat, dijadikan panduan oleh guru-guru *takmir* di Selangor khususnya dalam memberikan penerangan kepada masyarakat awam tentang ibadah, seterusnya semoga ia menjadi rujukan kepada masyarakat Islam dalam memahami rahsia fiqh yang berasaskan mazhab Syafi'i daripada tokoh mazhab Syafi'i iaitu Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali Rahimahullah.

Wallahu Ta'ala A'lam

Sekian, Wassalam.

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
SSIS., DPMS., PPT.
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

Pendahuluan

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ۝١

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Selawat dan salam kepada Junjungan Besar al-Amin Muhammad ibn Abdullah.

Rakaman hebat yang telah diwariskan oleh Hujjatul Islam Imam al-Ghazali ini adalah satu tulisan yang nampak kecil tetapi ia merupakan satu gugusan matan yang merupakan rangkuman falsafah dan rahsia ibadah dengan perlaksanaan pengabdian berlandaskan syariat. Kalimat-kalimat hebat yang telah disusun dengan pena syariat yang berlatarkan kehambaan yang amat tinggi daripada seorang *Murshid* sepanjang zaman.
10 asas agama dalam perkara ibadah ini telah dipetik daripada 40 asas agama yang terdapat dalam karya asal telah dirakamkan di dalam buku ini. Sebelum penghasilan buku ini, telah dihasilkan buku fasa pertama iaitu 10 ASAS ‘AQIDAH yang memfokuskan perbahasan berkaitan asas ‘aqidah.

Buku ini tidak menghuraikan secara mendalam mengenai fiqh ibadah yang melibatkan sah, batal, rukun,

syarat dan sebagainya. Tetapi lebih kepada perbahasan ibadah secara umum dan memfokuskan kepada rahsia dan falsafah ibadah. Imam Al-Ghazali telah berjaya memaparkan rahsia dan falsafah ibadah untuk menghidupkan rohani kepada sesuatu ibadah. Ini akan menghasilkan pengabdian yang total dan sempurna zahir dan batinnya.

Buku ini asalnya merupakan sebahagian buku silibus kajian untuk pelajar Master di APIUM. Kedua-dua penterjemah merupakan bekas pelajar di peringkat Master di APIUM. Selain berguru dengan Sohibus Sa'adah Dr. Fauzi Hamad, penterjemah juga telah melakukan diskusi berkenaan buku ini dengan Prof. Dr. Jamal Faruq al-Daqqaq al-Hasani. Pensyarah di Universiti Al-Azhar Kaherah.

Mudah-mudahan usaha kerdil ini mendapat keberkatan dan rahmat Allah S.W.T..

Ustaz Juzaili Bin Juhan
Pegawai Syariah,
Bank Islam Malaysia Berhad.

Ustaz Azhar Bin Yahya
Pengarah Kanan,
Sektor Pembangunan Ummah dan Wanita,
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Pengenalan Kitab

Islam merupakan agama yang diredhai di sisi Allah S.W.T. yang merangkumi tiga aspek utama iaitu Aqidah, Syari'ah dan Akhlaq. Pemahaman, penghayatan dan pengamalan Islam sebagai *al-Din* telah pun sempurna sejak tiga kurun terawal Islam walaupun terdapat perbezaan darjat keilmuan di kalangan sahabat, *tabi'in*[1] dan *tabi' tabi'in*.[2] Sebahagian di kalangan mereka mempunyai kepakaran khusus serta kecenderungan dalam keilmuan dan penulisan.

Justeru, terdapat penulisan dalam bidang akidah, fiqh dan asas fiqh, hadis dan ilmu hadis serta karya-karya dalam bidang akhlak yang membincangkan tentang proses pembersihan jiwa dari pada sifat-sifat yang tercela di samping proses menghiasi jiwa dengan sifat-sifat yang terpuji.

Antara karya terbaik dalam bidang akhlak yang dihasilkan oleh ulamak pada penghujung kurun ke yang

---

[1] Jamak bagi *tabi'*, mereka ialah orang yang bertemu dengan para sahabat tetapi tidak bertemu dengan Rasulullah S.A.W. dalam keadaan beriman dan kekal imannya sehingga mati. *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah,* al-Mufti al-Sayid Muhammad 'Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, hal. 50.

[2] Golongan selepas *tabi'in*. Rujukan yang sama.

ke-5 hijrah ialah kitab *Ihya’ Ulum al-Din* yang dikarang oleh al-Imam Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali. Disebabkan kitab tersebut sangat besar dari segi saiznya dan kadangkala menimbulkan kesukaran kepada sebahagian penuntut ilmu amnya untuk mendapatkannya menyebabkan al-Imam al-Ghazali menulis pula kitab *al-‘Arba’in fi Usul al-Din* (40 Asas Dalam Agama) sebagai rumusan dan intipati kepada kitab Ihya’ Ulumiddin.

Kitab 40 Asas Dalam Agama ini, walaupun dari segi saiznya lebih kecil namun terhimpun di dalamnya 40 asas dalam aspek aqidah, rahsia ibadat, akhlak tercela yang wajib dibersihkan serta akhlak terpuji yang wajib dilaksanakan bagi mendapat kejayaan di akhirat serta keredhaan Allah S.W.T..

Penerbitan ini menumpukan kepada 10 Asas ibadah dari kesemua 40 Asas Agama. Buku ini juga telah dibuat nilai tambah oleh penterjemah dengan mensyarahkan *istilahat* yang sukar dan sedikit syarah pada struktur ayat yang sukar. Disamping pemaparan matan hadis beserta sedikit *takhrij* perawi hadis.

Buku ini merupakan buku yang berasaskan metodologi falsafah dalam penulisannya. Maka bahasanya, sememangnya tinggi sastera dan falsafahnya. Justeru, penterjemah telah cuba sehalus mungkin memaparkan buku ini untuk dijadikan santapan minda masyarakat awam.

Biografi Imam al-Ghazali

Nama dan keturunannya:

Beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Tusi dilahirkan di al-Tus yang terletak di Khurasan[3] pada tahun 450 Hijrah. Ayah beliau bekerja sebagai tukang pintal benang untuk dibuat kain dan menjualnya di kedainya di al-Tus. Ayah beliau telah mewasiatkan kepada al-Ghazali dan abangnya Ahmad untuk terus menuntut ilmu daripada kawannya.

Pendidikannya :

Imam al-Ghazali telah mempelajari ilmu fiqh sejak dari kecil di al-Tus daripada gurunya Imam Ahmad al-

[3] Khurasan ialah satu wilayah yang kini meliputi kawasan Afghanistan, Turkmenistan, Tajikistan, Uzbekistan serta sebahagian kecil Iran dan Khirgiztan. al-Tus pula kini terletak di utara Iran yang bersempadan dengan Uzbekistan. Bumi Khurasan ini telah pernah melahirkan ulama-ulama besar seperti Imam al-Bukhari, Abu Laits al-Samarqandi, Imam Muslim, Imam Nasa'i, Imam Tirmidzi, Imam Nakha'i, Ibnu Sina, al-Farabi, al-Biruni, Ibnu Rusyd, Umar Khayyam, Sheikh Farid Al-Din Attar, Syeikh Bahaudin al-Naqsyabandi, Al-Khazini dan ramai lagi. *Mu'jam Buldan* 2/350

Razikani, kemudian bermusafir ke Jurjan untuk mengambil ilmu daripada Imam Abi Nasr al-Isma'ili kemudian kembali semula ke al-Tus.

Kemudian beliau telah pergi ke Naisabur untuk berguru dengan Imam al-Haramayn Abu Ma'ali al-Juwaini (wafat 478 H) sehingga menguasai ilmu fiqh mazhab Syafi'i berserta perselisihan pandangan *fuqaha'*, ilmu-ilmu asas agama, usul al-fiqh, mantiq serta falsafah dan memahaminya dengan baik kemudian menyanggah segala kebatilan ahli falsafah.

Beliau mengarang banyak kitab dalam setiap cabang ilmu dan karya-karya yang dihasilkannya sangat baik. Beliau seorang yang sangat cerdik, mempunyai pandangan yang mendalam, kuat hafazannya dan menyelami makna-makna secara terperinci sebagaimana diakui oleh gurunya Imam al-Juwaini.

Imam al-Ghazali kekal berada di Naisabur sehinggalah gurunya Imam al-Haramain al-Juwaini wafat pada tahun 478 Hijrah. Kemudian beliau telah berpindah belajar di Mukhayyam al-Sultani yang diasaskan oleh Nizam al-Muluk[4] sehingga tahun 484 Hijrah. Setelah itu

---

[4] Nama sebenar beliau adalah al-Hasan bin Ali al-Tufiy (408-485H), seorang Menteri yang berilmu, tinggi budi pekertinya. Seawal dilantik oleh Amir Syakib Arsalan sebagai Menteri beliau telah menonjolkan kecemerlangan pentadbirannya selama sepuluh tahun sehinggalah kematiannya dan digantikan oleh anakandanya. Kematiannya ditangisi masyarakat yang pernah di bawah pentadbirannya.

beliau dilantik untuk mengajar sehingga di amanahkan sebagai Rektor di Madrasah al-Nizamiyyah di Baghdad.

Pada tahun 488 Hijrah, beliau meninggalkan Baghdad untuk mengerjakan haji dan kemudian menuju ke Syam dan menetap di sana selama 10 tahun. Kebanyakan masanya dihabiskan untuk beruzlah, *mujahadah nafs*, menyucikan hati dengan berzikir. Kemudian setelah itu beliau pulang ke al-Tus untuk menyambung uzlahnya di sana selama setahun.

Setelah mendapat desakan daripada pemimpin dan orang ramai agar beliau kembali mengajar, beliau telah pergi ke Naisabur untuk mengajar di Madrasah Nizamiyyah pada bulan Zul Qa'idah tahun 499 Hijrah. Namun beliau tidak lama berada di Naisabur untuk mengajar di sana. Beliau telah kembali ke rumahnya di al-Tus dan mengajar ilmu di sana.

Beliau banyak menghabiskan masanya dengan mengkhatamkan al-Quran, berdampingan dengan ulamak tasawuf, mengajar ilmu, sentiasa melaksanakan solat dan puasa sunat. Antara perkara terakhir yang sering dilakukan ketika hayatnya ialah membaca hadis-hadis Nabi dan melazimi ulamak hadis serta meneliti kitab sahih al-Bukhari dan Muslim

Imam al-Ghazali telah wafat pada hari Isnin, 14 Jamadil Akhir tahun 505 Hijrah. Semoga rohnya dirahmati Allah.

Karya penulisannya :

Imam al-Zabidi telah menghitung karya-karya yang dihasilkan oleh Imam al-Ghazali iaitu lebih daripada 70 kitab. Sebanyak 23 daripada kitab tersebut telah dicetak.

Antara karya penulisan beliau yang terkenal ialah:

- *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*
- *al-Munqidh Min al-Dalal*
- *Bidayah al-Hidayah*
- *Minhaj al-'Abidin*
- *Maqsad al-Asna*
- *Misykah al-Anwar*
- *Ihya' 'Ulumiddin.*

Pujian dan sanjungan Ulamak terhadapnya :

Kebanyakan para ulamak meletakkan Imam al-Ghazali sebagai *mujaddid*[5] kurun kelima hijrah. Imam Murtadha

---

[5]*Mujaddid* : pembaru, adalah seseorang yang dihantar oleh Allah untuk memulihkan pengamalan agama yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah di kemuncak setiap kurun Hijrah. Fungsi mujaddid ini ialah untuk memulihkan kembali Islam, menghilangkan unsur-unsur yang telah ditokok tambah dan mengembalikannya kepada keadaan asli. Ini disebut dalam hadis: *"Allah akan mengutus kepada umat ini di setiap awal kurun seorang yang akan memperbaharui (atau memulihkan) urusan agama"* (Sunan Abu Daud) *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah,* al-Mufti al-Sayid Muhammad 'Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, hal. 195.

al-Zabidi menyebutnya di dalam kitabnya *“Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bi Syarh Ihya ‘Ulum al-Din”* pada juzuk pertama, halaman 35.

Selain itu, Syeikh Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi ada menyebut di dalam karyanya *“Rijal al-Fikr wa al-Dakwah fi al-Islam”* :

> *“Tidak syak lagi bahawa Imam al-Ghazali antara tonggak dan teras bagi Islam, beliau juga merupakan tokoh pemimpin pemikiran dan tokoh pembaharuan dan tajdid yang mempunyai kelebihan yang besar dalam membangkitkan roh agama, menggerakkan pemikiran berteraskan Islam, berdakwah kepada hakikat Islam dan akhlaknya serta menentang sebarang serangan pemikiran…”*

❋❋❋

Dengan Nama Allah

Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Muqaddimah Imam al-Ghazali Rahimahullah

Segala puji bagi Allah, yang mentadbir sekalian alam dan selawat serta salam buat Nabi Muhammad serta seluruh ahli keluarganya.

Amma ba'd,

Boleh jadi kamu (para pembaca) akan mengatakan (memberi pandangan) bahawa ayat-ayat yang saya bawakan pada paparan (di dalam kitab ini) merangkumi (perbahasan) yang pelbagai dari segi ilmu-ilmu dan amalan-amalan, justeru (akan menimbulkan beberapa persoalan iaitu :)

- Adakah boleh hanya dengan membezakan maksudnya (ayat-ayat tersebut) dan huraian terhadap jumlah ayat-ayat tersebut secara terperinci dan mendalam dapat menjadikan seseorang itu berfikir terhadap setiap sesuatu daripada ayat-ayat tersebut seterusnya menjadikannya mengetahui secara terperinci pintu-pintu kebahagiaan dalam ilmu dan amal ?

- Adakah boleh seseorang itu mendapat dengan mudah kunci-kunci kebahagiaan dengan cara mujahadah dan berfikir ?

Maka, saya menjawab (persoalan tersebut) ; Ya, perkara tersebut adalah mungkin. Hal ini kerana penulisan kitab ini terbahagi kepada sejumlah tujuan ilmu-ilmu dan amalan-amalan. Amalan pula terbahagi kepada amalan zahir dan batin manakala amalan batin pula terbahagi kepada amalan penyucian (*tazkiyah*) serta amalan menghiaskan jiwa.

Oleh itu, (kitab ini mengandungi) empat bahagian iaitu (pertamanya) ilmu-ilmu, (keduanya) amalan-amalan zahir dan (ketiganya) akhlaq tercela yang wajib bagi seseorang itu membersihkan daripadanya dan (keempatnya) akhlaq terpuji yang wajib bagi seseorang itu menghiasi dengannya.

Setiap bahagian merujuk kepada sepuluh asas dan nama bagi pembahagian ini ialah : *"Kitab al-Arba'in fi Usuliddin*" (Kitab 40 Asas dalam Agama). Barangsiapa yang mahu menulisnya (bahagian-bahagian tersebut) secara berasingan, maka bolehlah berbuat demikian kerana sesungguhnya (kitab ini) merangkumi intipati ilmu-ilmu al-Quran.[6]

---

[6] Buku kecil ini hanya memfokuskan kepada 10 Asas-asas Ibadah sahaja daripada 40 Asas-asas Dalam Agama.

Bahagian Pertama :

Perbahasan yang menyatakan sejumlah ilmu-ilmu dan asas-asas dalam Aqidah

- Asas 1 : Zat Allah (*al-Zat*)
- Asas 2: Allah Maha Suci (*al-Taqdis*)
- Asas 3 : Allah Maha Berkuasa (*al-Qudrah*)
- Asas 4 : Allah Maha Mengetahui (*al-'Ilm*)
- Asas 5 : Allah Maha Berkehendak (*al-Iradah*)
- Asas 6 : Allah Maha Mendengar dan Melihat (*al-Sami' al-Basir*)
- Asas 7 : Allah Maha Berkata-kata (*al-Kalam*)
- Asas 8 : Perbuatan Allah dan perlakuan makhluk (*al-Af'al*)
- Asas 9 : Hari Akhirat (*al-Yaum al-Akhir*)
- Asas 10 : Kenabian (*al-Nubuwwah*)

***Semua 10 asas 'aqidah ini telah dipaparkan di dalam buku yang pertama. Namun paparan ini sebagai satu kesinambungan dengan 10 asas kedua iaitu 10 asas ibadah.**

Bahagian Kedua :

Asas-asas agama pada amalan-amalan zahir

- Asas 1 : Solat
- Asas 2 : Zakat dan sedekah
- Asas 3 : Puasa
- Asas 4 : Haji
- Asas 5 : Bacaan al-Quran
- Asas 6 : Berzikir kepada Allah
- Asas 7 : Mencari yang halal
- Asas 8 : Melaksanakan hak-hak orang Islam
- Asas 9 : Menyeru kepada perkara yang makruf
- Asas 10 : Mengikut akan Sunnah Nabi S.A.W.

Asas Pertama
SOLAT

Asas Pertama
SOLAT

Usul Pertama : Solat[7]

Firman Allah S.W.T. di dalam surah Taha ayat 14.

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِذِكۡرِيٓ ﴿١٤﴾

Maksudnya : "*Dan dirikanlah solat bagi mengingati Aku*"

Nabi S.A.W. bersabda :

اَلصَّلاَةُ عِمَادُ الدِّيْنِ

Maksudnya : "*Solat itu merupakan tiang agama*." Riwayat al-Baihaqi daripada Ibnu Umar, juga diriwayatkan oleh al-Tabarani dan al-Dailami.

---

[7] Solat daripada sudut bahasa Arab bermaksud mendoakan kebaikan. Solat daripada sudut *syara'* bermaksud : sejumlah perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan *Takbiratul Ihram* dan disudahi dengan salam dengan syarat-syarat tertentu.
Ia dinamakan '*solat*' kerana mengandungi doa, doa adalah sebahagian daripada solat namun dinamakan pada keseluruhannya, dengan menyebut sebahagian tetapi dimaksudkan dengannya keseluruhan (اطلاقا لاسم الجزء على الكل) *Al-Mu'tamad* 1/149)

Ketahuilah sesungguhnya kamu ketika dalam solat sedang bermunajat kepada Tuhanmu, maka hendaklah kamu perhatikan bagaimana kamu melaksanakan solat.
Dan kamu hendaklah memelihara tiga perkara agar kamu termasuk di kalangan orang yang menjaga dan mendirikan solat. Hal ini kerana Allah S.W.T. memerintahkan dengan arahan mendirikan (*iqamah*) sebagaimana firman Allah S.W.T. di dalam surah Taha ayat 14 dan firmanNya

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرْكَعُوا۟ مَعَ ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya *Dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.*

(Surah *al-Baqarah* : 43)

Dalam dua ayat ini Allah S.W.T. tidak menggunakan lafaz "solatlah!" (*sholli*) atau "solatlah kamu semua!" (*shollu*).

Allah S.W.T. turut memuji akan orang-orang yang memelihara solat melalui firmanNya :

ج وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۖ وَهُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ

يُحَافِظُونَ ﴿٩٢﴾

Maksudnya : *Dan orang-orang yang beriman kepada Hari Akhirat, mereka beriman kepada al-Quran, dan mereka tetap mengerjakan dan memelihara solatnya .*

(Surah al-An'am : 92)

Pemerhatian Pertama :

Memelihara perkara-perkara berkaitan bersuci (*taharah*).

Memelihara dengan menyempurnakan wuduk sebelum mendirikan solat. Penyempurnaan wuduk ialah dengan melaksanakan kesemua perkara sunat wuduk dan zikir-zikir yang diriwayatkan pada setiap perbuatan wuduk.

Di samping itu, berwaspada terhadap kebersihan dan kesucian pakaian, badan dan air yang digunakan untuk berwuduk dengan berhati-hati tanpa membuka ruang was-was kerana syaitan akan meragukan manusia dalam bersuci yang akan menyebabkan manusia ketinggalan banyak masa dalam beribadah.

Dan ketahuilah bahawa yang dimaksudkan dengan kesucian pakaian ialah kesucian lapisan luaran, kemudian kesucian badan ialah lapisan yang hampir dengan teras manakala kesucian hati ialah kesucian inti yang menjadi teras dalaman.

Kesucian hati daripada najis-najis (kotoran) akhlak yang tercela adalah merupakan kesucian yang lebih penting

sebagaimana kami akan sebutkan pada Bahagian Ketiga.[8]

Walau bagaimanapun, tidaklah jauh (untuk dikatakan) bahawa penyucian zahir turut memberi kesan bagi memancarkan cahaya penyucian ke atas hati. Hal ini berlaku apabila kamu melebihkan basuhan pada anggota wuduk ketika berwuduk, kamu akan dapat merasakan kebersihan pada zahir kamu dan pada masa yang sama hati turut berasa lapang dan suci yang tidak dirasai sebelumnya.

Hal ini disebabkan rahsia perhubungan antara alam nyata dengan alam *malakut*.[9] Sesungguhnya zahir

---

[8] Maksudnya ialah bahagian ketiga di dalam perbahasan kitab asal *Al-Arbain Fi Usuliddin* yang di terbitkan menjadi sebuah buku sambungan daripada buku ini iaitu 10 Asas Penyucian Hati.

[9] Menurut Al-Ghazali dari semua realiti yang ada, secara bentuk ada dua bahagian iaitu; empirikal atau alam inderawi (*'alam al-syahadah)* dan metafizik atau alam mata hati (*'alam al-malakut atau 'alam al-ghaib)*. Kita boleh membandingkan antara dua alam ini seperti kulit dengan isinya, bentuk luar sesuatu dengan ruhnya, kegelapan dengan cahaya, atau kerendahan dengan ketinggian. Alam malakut disebut alam atas, alam ruhani dan alam nurani, sementara alam syahadah adalah alam bawah, alam jasmani, dan alam gelap. Lihat dalam *Misykat al-Anwar,* dalam *Majmu'ah Rasail (*Beirut: Dar al-Fikr, 1996), hlm. 273. Lihat juga *Mu'jam al-Ta'rifat*, al-Jurjaniy,Tahqiq Muhammad Sadiq al-Minsyawiy, Darul Fadilah, halaman 192.
Kesimpulannya, alam malakut ialah alam yang hanya dapat dilihat dengan mata hati atau alam metafizik. Tidak dapat diduga dengan panca indera manusiawi.

anggota badan adalah sebahagian daripada alam nyata manakala hati adalah sebahagian daripada alam *malakut* pada asal fitrahnya. Namun apabila lemahnya hati ketika berhubungan dengan alam nyata ini adalah ibarat seperti seseorang yang bersifat pelik daripada kebiasaannya.

Dan sebagaimana turun dan naiknya pengetahuan hati dapat memberi kesan kepada anggota badan, maka demikian juga perihal peningkatan amalan anggota badan dapat meningkatkan cahaya sehingga sampai ke dalam hati. Oleh yang demikian, diperintahkan terhadap umat Islam untuk solat sedangkan solat adalah merupakan pergerakan anggota yang merupakan sebahagian daripada alam nyata. Justeru Nabi S.A.W. menjadikan solat yang diperintahkan untuk dikerjakan di dunia sebagai sebahagian daripada perkara dunia. Nabi S.A.W. bersabda :

حُبِّبَ إِلَيَّ مِنْ دُنْيَاكم ثلاث...

Maksudnya : "*Aku sangat mencintai daripada perkara dunia kamu ini tiga perkara*...[10]"Hadis riwayat al-Nasaie dan al-Hakim daripada hadis Anas dengan Isnad yang baik. Namun al-'Uqailiy mendhaifkannya.

Maka tidaklah pelik sekiranya limpahan daripada penyucian zahir memberi kesan terhadap batin. Hal ini

---

[10].Tiga perkara tersebut di sebutkan di dalam hadis *riwayat* al-Nasaie sebagai : النِّسَاءُ وَالطِّيبُ وَجُعِلَ قُرَّةُ عَيْنِى فِى الصَّلاَةِ iaitu " *kecintaan terhadap wanita, wangian dan dijadikan solat sebagai penyejuk mata*".

kerana di dalam keajaiban ciptaan Allah ini terdapat perkara yang lebih pelik daripada hal ini.

Perkara ini boleh diketahui melalui pengalaman. Sesungguhnya orang yang sedang berjimak dengan isterinya dan ketika itu memandang pada warna putih bercahaya atau merah sehingga gambaran tersebut menguasai dalam dirinya maka warna kulit anak yang dilahirkan kebiasaannya akan cenderung kepada warna yang mendominasinya.

Dan sesungguhnya janin ketika melakukan pergerakan pada peringkat awal di dalam perut ibu, keadaanya cenderung kepada yang baik sekiranya ibu ketika itu melihat perkara-perkara yang baik sehingga gambaran tersebut menguasai hatinya.

Oleh sebab itu, Nabi S.A.W. telah memerintahkan kepada mereka yang ingin menggauli isterinya untuk menghadirkan di dalam hatinya keinginan kepada keelokan anak yang akan dilahirkan dan meminta kepada Allah akan perkara tersebut. Maka bacalah doa ;

اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا

Maksudnya : "*Ya Allah Ya Tuhan kami, jauhkanlah kami daripada syaitan dan jauhkanlah syaitan daripada rezeki yang telah Engkau berikan kepada kami*." Hadis riwayat Jamaah daripada Ibnu Abbas.

Sehinggalah Allah melimpahkan asas-asas keelokan ke atas roh yang diciptakanNya ketika tersebarnya benih ke dalam tempat penanaman melalui perantaraan keelokan yang menguasai hati orang yang menanamnya. Sebagaimana Allah melimpahkan cahaya melalui perantaraan cermin yang setentang dengan matahari ke atas sebahagian anggota badan yang setentang dengan cermin.

Justeru, kita sekarang sedang mengetuk pintu yang agung untuk mengetahui keajaiban ciptaan Allah di alam *mulk* dan *malakut*.[11] Dan perkara keajaiban yang paling dekat ialah rahsia *syafaat* di akhirat, maka hendaklah kita mendekatkan diri kita dengan keajaiban tersebut.
Maka, tujuan kami sekarang adalah untuk menyebutkan amalan-amalan dan bukannya sekadar pengetahuan-pengetahuan sahaja. Dan sesungguhnya kita telah dapat

---

[11] *Alam Mulk* ialah alam yang dapat dilihat dengan mata atau pancaindera fizikal. Ia merangkumi alam yang dapat dilihat dengan mata fizikal manusia dan juga alam yang dapat diterokai dengan penggunaan alatan. Maka ianya melebar luas meliputi seluruh alam semesta yang berfizik meskipun jauhnya hingga ke bilangan Metagalaxy, Teragalaxy dan sebagainya, sehingga sampai kepada yang tanpa batas (*infinity*). Alam Mulk ini juga hanya boleh berinteraksi dengan roh jasadi. Keseluruhan *Alam Mulk* ini ialah alam yang di bawah pentadbiran Allah. Manakala *Alam Malakut* ialah alam yang hanya dapat dilihat dengan mata hati atau alam metafizik. Tidak dapat diduga dengan panca indera manusiawi. (lihat huraian lebih dalam di nota kaki halaman 23)

menghidu (menghayati) sedikit daripada rahsia-rahsia bersuci secara zahir.

Sekiranya kamu telah bersuci dan telah melebihkan basuhan pada anggota wuduk melebihi had basuhannya namun kamu tidak merasa sedikit pun kesucian pada hati kamu sebagaimana yang telah sifatkannya, maka ketahuilah bahawa terdapat kotoran yang terpalit pada hati kamu adalah daripada kekerohan syahwat terhadap dunia dan kesibukan terhadap perkara keduniaan membuatkan hati merasai keletihan sehingga tidak dapat merasai kehalusan dan sesuatu yang halus itu sifatnya tersembunyi.

Hanya tinggal kekuatan hati tersebut sahaja untuk mengetahui perkara-perkara yang zahir sahaja seandainya hati itu masih lagi mempunyai kekuatan.

Oleh yang demikian, hendaklah kamu sibuk dalam urusan untuk membersihkan hati dan menyucikannya. Hal ini kerana perkara tersebut adalah menjadi keutamaan ke atas kamu daripada perkara-perkara lain yang sedang kamu lakukan.

Pemerhatian Kedua :

Kamu hendaklah menjaga akan perkara-perkara sunat solat, amalan-amalannya yang zahir, zikir-zikirnya dan tasbih-tasbihnya sehinggalah kamu melakukan di dalam

solat kesemua perkara-perkara sunat, adab dan pergerakan sebagaimana telah kami himpunkannya dalam kitab *Bidayah al-Hidayah*.[12]

Sesungguhnya bagi setiap sesuatu perkara sunat tersebut mempunyai rahsia dan memberi kesan pada hati sebagaimana telah kami tegaskan dalam perbahasan kesan bersuci bahkan kesannya kepada hati lebih kuat dan sampai berbanding kesan amalan bersuci. Perkara ini telah dihuraikan dengan panjang lebar.

Sekiranya kamu melakukan semua perkara tersebut kamu akan mendapat manfaat sekalipun kamu tidak mengetahui rahsia-rahsianya sebagaimana orang yang meminum ubat mendapat faedah daripada perbuatan minumnya sekalipun dia tidak mengetahui kandungan campuran ubatan tersebut dan perincian kesesuaian ubat tersebut terhadap penyakitnya.

---

[12] Kitab *Bidayah al-Hidayah* adalah merupakan ringkasan atau pati kepada kitab induk *Ihya' Ulumuddin*. Kitab ini merupakan kitab tasawwuf yang terdiri daripada beberapa bahagian perbahasan. Kitab ini dimulakan dengan pendahuluan daripada Imam Ghazali yang dituju khusus kepada para penuntut ilmu agar tidak terpedaya dengan syaitan yang selalu berusaha menyesatkan anak Adam. Bahagian pertama yang dibincangkan dalam kitab ini ialah tentang adab-adab melaksanakan ketaatan yang kemudiannya disusuli dengan cara-cara meninggalkan maksiat dan adab-adab bermuamalah dangan Khalik dan makhluk.
Kitab ini umpama manual amalan harian dalam kehidupan seseorang muslim. Ia bertindak sebagai bekalan kepada kita sepanjang perjalanan dunia dan akhirat.

Dan ketahuilah, bahawa solat itu adalah suatu bentuk yang diciptakan oleh Yang Maha Pencipta sebagaimana bentuk-bentuk haiwan contohnya. Maka roh solat ialah niat, ikhlas dan menghadirkan hati. Badannya pula ialah amal perbuatan solat. Anggota asasnya pula ialah rukun-rukunnya manakala anggota badannya yang sempurna ialah juzuk-juzuk sunat (*Ab'adh dan Hai'ah*) daripada rukun solat.

Maka, ikhlas dan niat di dalam solat berfungsi seperti roh dalam badan. Berdiri dan duduk dalam solat berfungsi seperti badan. Ruku' dan sujud berfungsi seperti kepala, tangan dan kaki. Kesempurnaan pada ruku' dan sujud ialah dengan *toma'ninah* dan memperelok pergerakan berfungsi seperti kesempurnaan anggota, bentuknya dan warnanya. Zikir dan tasbih yang mengisi dalam solat berfungsi seperti alat pancaindera yang mengisi bahagian kepala dan anggota-anggota seperti mata, telinga dan lain-lain. Mengetahui makna-makna zikir dan menghadirkan hati ketika berzikir berfungsi seperti kekuatan pancaindera yang mengisi alat pancaindera seperti kekuatan pendengaran, penglihatan, menghidu, merasa, sentuhan terhadap sesuatu perkara.

Ketahuilah, bahawa perbuatan mendekatkan diri dengan solat adalah ibarat seperti seorang *khadam* kepada sultan yang cuba mendekatkan dirinya dengan sultan dengan memberikan hadiah *wasifah* iaitu hamba perempuan kepada sultan.

Dan ketahuilah bahawa hilangnya niat dan ikhlas daripada solat, ibarat seperti hilangnya roh daripada hamba perempuan tersebut. Hadiah yang diberikan kepada sultan yang merupakan mayat yang busuk adalah suatu penghinaan kepada sultan dan melayakkan darah pemberi hadiah ditumpahkan.

Dan hilangnya ruku' dan sujud adalah ibarat seperti hilangnya anggota. Hilangnya zikir-zikir ibarat seperti hilangnya mata daripada hamba perempuan tersebut dan terpotongnya hidung dan telinganya. Tidak menghadirkan hati dan lalainya hati dalam mengetahui makna-makna al-Quran, zikir-zikir ibarat seperti hilangnya pendengaran dan penglihatannya walaupun mempunyai kelopak mata dan telinga. Oleh itu, jelaslah bagi kamu bahawa sekiranya seseorang itu menghadiahkan hamba perempuan dengan sifat-sifat kekurangan tersebut kepada sultan, maka bagaimana nasibnya nanti di hadapan sultan itu.

Dan ketahuilah bahawa pandangan ulamak yang *faqih* bahawa solat yang kurang dari segi lafaznya dan sunat-sunatnya adalah sah, namun ia adalah ibarat seperti pandangan seorang doktor terhadap hamba perempuan yang terpotong hujung anggotanya bahawa dia masih hidup dan bukannya mayat.

Sekiranya keadaan tersebut sudah memadai sebagai hadiah untuk mendekatkan diri seseorang kepada sultan

dan mendapat kemuliaan daripadanya, maka ketahuilah bahawa solat yang ada sifat kekurangan itu boleh juga mendekatkan diri seseorang kepada Allah S.W.T. dan meraih kemuliaan.

Sekiranya diragui bahawa hadiah tersebut akan ditolak dan dihina (oleh Sultan), maka tidaklah jauh gambarannya sepertimana ibadah solat iaitu solat itu kadangkala akan ditolak oleh Allah kepada orang yang melakukan solat sepertimana dicampakkan kain yang basah sebagaimana disebut dalam hadis.[13]

Maka ketahuilah bahawa asas kepada solat ialah mengagungkan (*al-ta'zim*) dan memberi penghormatan (*al-ihtiram*). Justeru, mengabaikan adab-adab solat adalah menyalahi konsep mengagungkan dan memberi penghormatan.

---

[13] Hadis yang dikeluarkan oleh al-Tabarani di dalam kitab *Mu'jam al-Awsat* daripada hadis Anas dengan sanad yang dhaif, juga dikeluarkan oleh al-Tayalisi dan al-Baihaqi dalam kitab *al-Shu'ab* daripada hadis Ubadah bin al-Somit : "…*barangsiapa yang solat bukan pada waktunya, dan tidak menyempurnakan wudhunya, ruku'nya, sujudnya, dan tidak khusyu', maka solat itu akan naik dalam keadaan hitam gelap. Lalu solat itu berkata : Semoga Allah mensia-siakan kamu sebagaimana kamu mensia-siakan aku sehinggalah kepada suatu keadaan yang Allah kehendaki lalu solat tadi dilipat sebagaimana dilipat baju yang rosak kemudian dicampakkan ke dalam ke wajah orang yang melakukan solat itu*."

Penjagaan ketiga :

Hendaklah kamu menjaga akan roh solat iaitu ikhlas dan menghadirkan hati dalam keseluruhan pergerakan solat serta menjadikan hati dalam keadaan solat itu memahami makna-makna di dalam solat.

Maka, janganlah kamu sujud dan ruku' melainkan ketika itu hati dalam keadaan *khusyu'* dan *tawadhu'* bertepatan mengikut pergerakan zahir kamu. Hal ini kerana yang dikehendaki dalam solat ialah tunduk hati bukannya tunduk anggota badan sahaja.

Oleh itu, janganlah kamu berkata : " اللهُ أَكْبَرْ " (*Allah Maha Agung*) sedangkan di dalam hati kamu terdapat sesuatu yang lebih agung daripada *Allah S.W.T.*.

Janganlah kamu berkata : " وَجَّهْتُ وَجْهِيْ " (*Aku menghadapkan wajahku kepadaNya*) melainkan setelah hati kamu benar-benar menghadap Allah dan menolak perkara-perkara selain Allah (dari dalam hati kamu).

Janganlah kamu berkata :" اَلْحَمْدُ لله " (*segala puji bagi Allah*) (surah al-Fatihah : 2) melainkan hati kamu dilimpahi dengan rasa kesyukuran nikmatNya kepada kamu dan seronok dengan berita-berita gembira.

Janganlah kamu berkata : " وَاِيَّاكَ نَسْتَعِيْن " (*dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan*) (surah al-

Fatihah : 5) melainkan kamu benar-benar merasakan *dhaif* dan lemah serta mengakui bahawa kamu serta orang lain tidak memiliki apa-apa kekuasaan pun terhadap segala sesuatu.

Demikian juga dilakukan pada keseluruhan zikir dan amalan. Dan huraian tentang perkara ini adalah panjang lebar. Kami telah huraikannya di dalam kitab *al-Ihya'*, maka hendaklah kamu berusaha bersungguh-sungguh untuk mengembalikan hati kamu kepada (hakikat) solat sehinggalah hati kamu tidak lalai sejak daripada permulaan solat sehinggalah akhirnya. Hal ini kerana sesungguhnya tidak akan dicatat solat bagi seseorang itu melainkan apa yang telah difahaminya daripada solat yang dilakukan.

Sekiranya kamu memang berkeuzuran untuk menghadirkan hati ketika solat -dan aku melihat kamu memang seperti begitu- justeru perhatikan dahulu: sekiranya kadar kelalaian dalam solat itu sampai kepada kadar 2 rakaat, maka kamu tidak perlu mengulangi solat tersebut sebaliknya fahamilah bahawa perkara-perkara *nafilah* [14] (sunat) boleh menampung perkara-perkara fardhu. Oleh itu, hendaklah kamu menunaikan solat sunat dua rakaat dengan menghadirkan hati di dalamnya

---

[14] *Nafilah* : Terdapat hadis maknanya : "Kekurangan fardhu boleh ditampung oleh perkara-perkara sunat." Hadis riwayat Ashab al-Sunan dan Imam al-Hakim dan beliau mensahihkannya.

bagi menampung kadar dua rakaat solat yang kamu lalai.

Justeru, setiap kali bertambahnya kelalaian kamu (dalam rakaat solat) maka tambahlah (bilangan solat) sunat sehinggalah dapat menghadirkan hati kamu dalam solat. Contohnya 10 rakaat (solat sunat) bagi menampung kadar 4 rakaat yang merupakan solat fardhu kamu.

Antara rahmat Allah S.W.T. ke atas kamu ialah menerima daripada kamu tampungan solat fardhu dengan solat sunat. Maka inilah asas-asas dalam penjagaan solat.

❋❋❋

Asas Kedua

ZAKAT

dan

SEDEKAH

Asas Kedua
ZAKAT dan SEDEKAH

Usul Kedua : **Zakat[15] dan Sedekah**

Firman Allah S.W.T. di dalam surah *al-Baqarah* ayat 261;

مَّثَلُ ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمۡوَٰلَهُمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنۢبَتَتۡ سَبۡعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنۢبُلَةٖ مِّاْئَةُ حَبَّةٖۗ

[15] Zakat dari sudut bahasa ialah : *al-numuwwu*(pertumbuhan), *al-ziyadah*(pertambahan), *al-barakah*(keberkatan) dan *al-kathrah* (banyak).

Perkataan zakat juga disebut sedekah kerana ia menjadi faktor pertumbuhan dan keberkatan. Ini kerana harta akan berkembang disebabkan keberkatannya apabila ia dikeluarkan, juga disebabkan doa dari si penerimanya.

Perkataan zakat juga digunakan untuk makna *al-tathir* yang bermaksud penyucian. Iaitu yang membersihkan dirinya dari dosa dan noda. Perkataan zakat juga digunakan untuk makna memuji/pujian. Jadi, zakat membersihkan orang yang mengeluarkannya dari dosa dan memujinya ketika dipersaksikan baginya di hadapan Allah dengan iman yang benar.

Zakat dari sudut *syara'* ialah kata nama bagi perbuatan mengambil bahagian tertentu, dari harta tertentu dengan sifat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu. *Muhgni Al-Muhtaj*: 1/368; *Al-Majmu'* : 5/295 ; *Al-Hawi* : 4/3 *Qalyubi* dan *Mahalli* 2/2.

Maksudnya : “*Perumpamaan orang yang mengeluarkan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebutir benih yang tumbuh mengeluarkan 7 tangkai dan pada setiap tangkai terdapat 100 biji*.”

Dan Nabi S.A.W. telah bersabda :

هَلَكَ الأَكْثَرُونَ إِلاَّ مَنْ قَالَ بِالْمَالِ هَكَذَا وَهَكَذَا

Maksudnya : “*Binasalah kebanyakan orang kecuali mereka yang berkata dengan harta (akan disedekahkan) demikian dan demikian*…”Hadis riwayat Imam Ahmad di dalam kitab Musnadnya.

Maka ketahuilah bahawa mengeluarkan harta pada perkara kebaikan adalah merupakan salah satu daripada rukun agama. Rahsia diperintahkan dengan mengeluarkan harta pada suatu jumlah tertentu adalah berkaitan dengan kepentingan negara, masyarakat dan bertujuan untuk mencukupkan keperluan dan mengatasi kefakiran.

Sesungguhnya harta itu menjadi sesuatu yang disukai oleh manusia dan pada masa yang sama mereka diperintahkan untuk mencintai Allah dan mendakwa bahawa kecintaan itu adalah merupakan keimanan.

Justeru, dijadikan penyerahan harta itu sebagai ukuran terhadap kecintaan mereka dan ujian kepada kebenaran terhadap dakwaan kecintaan mereka. Sesungguhnya segala yang disukai akan diserahkan semuanya demi

yang paling dicintai di dalam hati. Maka dalam hal ini, manusia terbahagi kepada tiga peringkat :

Peringkat pertama : Golongan yang kuat
Peringkat kedua : Golongan pertengahan
Peringkat ketiga : Golongan yang lemah

Peringkat Pertama : Golongan Yang Kuat

Mereka ialah golongan yang meng*infaq*kan keseluruhan harta yang mereka miliki dan tidak menyimpan sesuatu untuk mereka. Maka mereka membenarkan apa yang telah mereka janjikan kepada Allah iaitu kecintaan sebagaimana yang dilakukan oleh Abu Bakar al-Siddiq ketika beliau mendatangkan keseluruhan hartanya lalu Rasulullah S.A.W. berkata:

" مَاذَا أَبْقَيْتَ لِنَفْسِكَ " ؟ فقَالَ: اللهَ وَرَسُولَهُ،

"*Apa yang kamu tinggalkan untuk diri kamu?*" Abu Bakar r.a menjawab : "Allah dan RasulNya."
Lalu Nabi bertanya kepada Umar r.a :
"*Apa yang kamu tinggalkan untuk diri kamu*?"
Umar menjawab :
"Sama seperti itu" iaitu sama seperti apa yang telah saya berikan.
Lalu Nabi S.A.W. bersabda :

بَيْنَكُمَا مِثْلُ مَا بَيْنَ كَلِمَتَيْكُمَا

"*Di antara kamu berdua terdapat perbezaan (darjat) sepertimana perbezaan yang terdapat pada kedua-dua*

ucapan kamu." Hadis dikeluarkan oleh Imam Abu Daud, Tirmizi dan al-Hakim dan beliau mensahihkannya daripada hadis Ibnu Umar.

Peringkat Kedua : Golongan Pertengahan

Mereka adalah golongan yang tidak mampu untuk mengosongkan tangannya daripada harta secara sekaligus, namun mereka memegangnya bukan untuk menikmatinya sebaliknya adalah untuk meng*infaq*kan apabila terdapatnya orang yang memerlukannya.

Mereka adalah golongan yang berasa cukup daripada apa yang dibelanjakan untuk diri mereka dengan apa yang dapat menguatkan diri mereka untuk beribadah. Apabila orang yang memerlukan meminta (sedekah), mereka bersegera untuk menutup kekurangan dan keperluan orang yang meminta (dengan bersedekah). Mereka tidak menghadkan untuk bersedekah hanya pada kadar wajib dengan pengeluaran zakat, bahkan tujuan utama mereka dalam menyimpan harta adalah untuk memenuhi segala keperluan (orang yang meminta).

Peringkat Ketiga : Golongan Yang Lemah

Mereka adalah golongan yang hanya menghadkan sedekah dengan mengeluarkan zakat yang wajib. Mereka tidak menambah dan tidak mengurangi daripada sedekah tersebut.

Maka inilah darjat kedudukan mereka yang bersedekah. Setiap golongan mengeluarkan sedekah berdasarkan kadar kecintaan mereka kepada Allah. Dan aku tidak melihat kamu mampu untuk bersedekah sebagaimana darjat di peringkat yang pertama dan kedua, tetapi berusahalah sehingga melebihi darjat yang ketiga dan sampai kepada tingkatan akhir kedudukan golongan pertengahan (dalam bersedekah), maka tambahlah dalam bersedekah di samping mengeluarkan zakat yang wajib walaupun hanya sedikit. Sesungguhnya, mengeluarkan zakat yang wajib semata-mata adalah merupakan had golongan yang bakhil (kedekut).

Firman Allah S.W.T. :

إِن يَسْـَٔلْكُمُوهَا فَيُحْفِكُمْ تَبْخَلُوا۟ وَيُخْرِجْ أَضْغَـٰنَكُمْ ﴿٣٧﴾

Maksudnya : (Tabiat kamu wahai manusia) *jika Tuhan meminta kepada kamu harta benda kamu serta mendesak kamu memberikanNya, nescaya kamu akan berlaku bakhil kedekut, dan kebakhilan itu akan melahirkan kemarahan dan kebencian kamu*.

(Surah Muhammad : 37)

Ayat tersebut bermaksud kamu menyelidikinya dengan mendalam lalu kamu bersifat bakhil kepada mereka.

Maka berusahalah bersungguh-sungguh agar tidak terlepas daripada kamu suatu masa pun melainkan

kamu bersedekah dengan sesuatu di samping mengeluarkan zakat yang wajib walaupun sekadar cebisan roti. Maka, dengan perbuatan tersebut kamu diangkat daripada kedudukan golongan kedekut.

Sekiranya kamu tidak memiliki sesuatu harta, maka bukanlah sedekah itu semuanya dengan harta sebaliknya setiap percakapan yang baik, menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika diperlukan, menziarahi orang sakit, mengiringi jenazah bahkan kamu melakukan sesuatu perkara yang mampu dari segi kedudukan, jiwa dan percakapan bertujuan untuk mengubati hati seorang muslim, maka akan dicatat kesemuanya yang dilakukan sebagai sedekah.

Peliharalah ketika melakukan ibadah zakat, solat dan sedekah kamu akan lima perkara :

Pertama : Merahsiakan

Sesungguhnya terdapat dalam hadis:

إِنَّ صَدَقَةَ السِّرِّ تُطْفِيءُ غَضَبَ الرَّبِّ

Maksudnya : "*Bahawa sedekah yang dirahsiakan dapat memadamkan kemurkaan Allah*." Riwayat Imam Tirmizi dan beliau berkata : (hadis) hasan.

وَالَّذِيْ يَتَصَدَّقُ بِيَمِيْنِهِ بِحَيْثُ لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ هُوَ اَحَدُ السَّبْعَةُ اللَّذِيْنَ يُظِلُّهُمْ اللّٰهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ

Maksudnya : "*Dan orang yang bersedekah dengan tangan kanannya sehingga tangan kirinya tidak mengetahuinya, maka dia termasuk di kalangan salah seorang daripada 7 golongan yang Allah naungi mereka pada hari yang tidak ada naungan melainkan naunganNya*." Hadis Muttafaqun 'alaih (riwayat Imam Bukhari dan Muslim dalam Sahihnya.)

Dan sesungguhnya Allah telah berfirman :

وَإِن تُخۡفُوهَا وَتُؤۡتُوهَا ٱلۡفُقَرَآءَ فَهُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۚ

Maksudnya : "*Dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang fakir, maka hal itu lebih baik bagi kamu.*"

(*al-Baqarah* : 271)

Dan dengan melakukan sedemikian, kamu dapat membebaskan diri daripada sifat riya'. Sesungguhnya sifat riya' dapat menguasai jiwa seseorang dan membinasakannya. Sifat riya' di dalam hati boleh bertukar kepada gambaran seekor ular -apabila seseorang itu diletakkan dalam kuburnya- maka dia akan kesakitan disebabkan ular tersebut.

Manakala sifat bakhil (kedekut) boleh berubah kepada gambaran kala jengking. Tujuan sebenar dalam setiap sedekah yang dikeluarkan ialah bersih daripada kotoran sifat bakhil. Apabila sifat bakhil bergabung dengan sifat riya’ dalam hati seseorang seolah-olah dia menjadikan kala jengking sebagai makanan kepada ular. Sekalipun dia selamat daripada kala jengking tetapi menambahkan kekuatan ular.

Justeru, setiap sifat daripada sifat-sifat yang merosakkan hati itu hanyasanya menjadi makanannya dan kekuatannya adalah dengan menurut kehendaknya.

Kedua : Berwaspada daripada penyakit *al-Mannu* (mengungkit sedekah yang diberikan)

Dan hakikatnya ialah kamu memandang diri kamu sebagai orang yang melakukan kebaikan kepada orang fakir dan mempunyai kelebihan ke atasnya. Dan tanda-tandanya ialah kamu mengharapkan penghargaan daripadanya atau kamu mencacinya kerana dia tidak menunaikan hak kamu dan membantu musuh-musuh kamu dengan celaan yang lebih daripada keadaan sebelum kamu bersedekah. Maka hal ini menunjukkan bahawa kamu menganggap diri kamu mempunyai kelebihan ke atasnya.

Justeru, bagi mengubatinya (penyakit ini) ialah dengan kamu mengetahui (sedar diri) bahawa dia (yang meminta

sedekah itu) yang melakukan kebaikan kepada kamu dengan menerima hak Allah daripada kamu.

Sesungguhnya antara rahsia zakat ialah membersihkan hati dan menyucikannya daripada kotoran sifat bakhil dan kedekut. Oleh itu, zakat dapat menjadi sebagai pencuci iaitu dengan berzakat akan tercapai penyucian. Seolah-olah zakat itu seperti pencuci kepada najis. Oleh sebab itu, Rasulullah S.A.W. S.A.W. dan ahli keluarga Baginda tidak boleh mengambil zakat.
Sabda Nabi S.A.W. maksudnya :

اِنَّهَا أَوْسَاخُ أَمْوَالَ النَّاسَ

Maksudnya : "*Sesungguhnya zakat itu adalah kotoran daripada harta manusia*."[16]

Dan apabila orang fakir mengambilnya (sedekah) daripada kamu bererti dia membersihkan harta kamu, maka baginya kelebihan ke atas kamu. Tahukah kamu, sekiranya seorang tukang bedah membedah kamu secara percuma dan mengeluarkan dari dalam badan kamu darah yang ditakuti akan memudaratkan

---

[16] Hadis yang hampir sama dalam riwayat Imam Muslim:

اِنَّمَا هِيَ أَوْسَاخُ النَّاسَ

"*Sesungguhnya sedekah itu adalah kotoran manusia*."
Bermaksud sedekah adalah untuk membersihkan harta, walau bagaimanapun dari aspek lain adalah merupakan hak kepada orang fakir dan suci baginya.

kehidupan kamu di dunia, adakah kemuliaan itu pada diri kamu atau pada dirinya?
Maka orang yang mengeluarkan dari dalam hati kamu kotoran bakhil dan bahayanya untuk kehidupan akhirat adalah lebih utama untuk kamu melihatnya sebagai lebih mulia.

Ketiga : Hendaklah kamu mengeluarkan sedekah daripada harta yang paling baik dan bagus.

Firman Allah S.W.T. :

وَيَجۡعَلُونَ لِلَّهِ مَا يَكۡرَهُونَ

Maksudnya : *dan mereka mengadakan bagi Allah apa yang mereka sendiri tidak menyukainya*;

(al-Nahl : 62)

Firman Allah S.W.T. :

وَلَا تَيَمَّمُواْ ٱلۡخَبِيثَ مِنۡهُ تُنفِقُونَ وَلَسۡتُم بِـَٔاخِذِيهِ ۚ

Maksudnya : *dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu*).

(*al-Baqarah* : 267)

Sabda Nabi S.A.W. :

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لاَ يَقْبَلُ إِلاَّ طَيِّباً

Maksudnya : "*Sesungguhnya Allah itu baik, tidak menerima (sedekah) melainkan daripada yang baik dan elok*." Hadis riwayat Imam Tirmizi dengan lafaz :إن الله طيب يحب الطيب bermaksud : *sesungguhnya Allah itu baik dan suka akan perkara yang baik.*

(*al-Tayyib*) bermaksud halal. Sesungguhnya tujuan dalam bersedekah ini adalah untuk menzahirkan darjat kecintaan. Seseorang itu akan mengutamakan orang yang dicintainya dengan memberi sesuatu yang paling berharga bukannya sesuatu yang paling buruk.

Keempat : Hendaklah kamu memberi sedekah dengan wajah yang menggembirakan.

Kamu hendaklah seronok ketika bersedekah bukannya menampakkan kebencian. Sabda Rasulullah S.A.W. :

سَبَقَ دِرْهَمٌ مِائَةَ أَلْفِ دِرْهَمٍ

Maksudnya : "*Satu dirham boleh mendahului 100,000 dirham*." Dikeluarkan oleh Imam al-Nasaie dan Ibnu Hibban dalam Sahihnya daripada hadis Abu Hurairah R.A.

Maksud yang dikehendaki daripada hadis ini ialah satu *dirham* yang diberikan dengan wajah yang senang, hati yang tenang dan daripada harta yang paling baik dan

bagus lebih *afdhal* daripada pemberian 100,000 *dirham* yang diiringi dengan kebencian.

Kelima : Hendaklah kamu memilih tempat yang dapat mensucikan sedekah kamu.

Iaitu bersedekah kepada orang yang bertaqwa dan berilmu yang dapat menggunakan harta tersebut untuk membantunya melakukan ketaatan kepada Allah S.W.T. dan bertaqwa kepadaNya atau kepada orang soleh yang menyara keluarganya yang mempunyai pertalian silaturahim.

Sekiranya tidak terhimpun sifat-sifat ini (dalam diri orang yang hendak disedekahkan) maka sucikanlah harta sedekah itu dengan memberikannya kepada salah satu daripadanya (sifat-sifat yang disebutkan tadi).

Memelihara kebaikan adalah asas segala perkara. Tidaklah dunia ini melainkan sekadar apa yang mencukupi untuk hidup bagi seseorang hamba dan menjadi bekalan bagi mereka menuju hari akhirat. Oleh itu, agihkanlah habuan daripada dunia ini kepada orang yang sedang musafir menuju hari akhirat yang menjadikan dunia ini sebagai tempat daripada tempat-tempat persinggahan perjalanan.

Nabi S.A.W. bersabda :

لاَ تَأْكُلُ اِلَّا طَعَام تَقِيٌّ وَلَا يَأْكُلَ طَعَامَكَ اِلَّا تَقِيٌّ

Maksudnya : "*Janganlah kamu makan melainkan makanan daripada orang yang bertaqwa dan janganlah makanan kamu dimakan melainkan orang yang bertaqwa*." Hadis dikeluarkan oleh Imam Abu Daud dan Tirmizi dan beliau berkata : Hadis Hasan.

❋ ❋ ❋

Asas Ketiga
PUASA

Asas Ketiga
PUASA

Usul Ketiga : Puasa[17]

Rasulullah S.A.W. telah bersabda bahawa Allah S.W.T. telah berfirman di dalam hadis *qudsi* :

كُلُّ حَسَنَةٍ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا ،إِلَى سَبْعِمِائَةِ ضِعْفٍ ،والصَّوْمَ فَإِنَّهُ لِي، وَأَنَا أَجْزِى بِهِ

Maksudnya : *"Setiap amalan kebaikan (yang dilakukan) akan dibalas dengan 10 ganjaran sehingga sampai kepada 700 kali ganda, kecuali amalan puasa, kerana sesungguhnya amalan puasa adalah untuk Aku maka Akulah yang akan menganjarinya."* Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

---

[17]Perkataan الصِيام dan الصَوْم membawa makna dari sudut bahasa: Menahan dari sesuatu. Puasa menurut syarak: Menahan diri dari sesuatu yang ditentukan (perkara yang membatalkan) dalam masa yang ditentukan (dari terbit fajar sehingga terbenam matahari), oleh orang yang ditentukan (iaitu *mukallaf* dengan disertai niat), maka berpindahlah puasa daripada maknanya menurut bahasa kepada maknanya yang ditetapkan oleh syarak. *Al-Mu'tamad* 2/155

Rasulullah S.A.W. juga pernah bersabda :

لِكُلِّ شَيْءٍ بَابٌ وَ بَابُ ٱلْعِبَادَةُ الصِّيَام

Maksudnya : *“Bagi setiap sesuatu mempunyai pintu dan pintu bagi ibadah ialah puasa.”* Dikeluarkan oleh Ibn Mubarak di dalam kitab *Az-Zuhd* dengan sanad yang *dhaif*.

Sesungguhnya amalan puasa mempunyai keistimewaan yang khusus berbanding amalan lain adalah disebabkan oleh dua perkara :

Pertamanya :

Amalan puasa dapat menahan nafsu yang merupakan amalan rahsia yang tidak diketahui oleh sesiapa pun melainkan Allah S.W.T. sahaja manakala amalan solat, zakat dan lain-lain tidak seperti amalan puasa.

Keduanya :

Amalan puasa dapat mengekang musuh Allah kerana sesungguhnya syaitan adalah musuh (bagi manusia) dan musuh (syaitan) tidak akan kuat melainkan dengan pengantaraan syahwat. Justeru dengan berlapar seseorang itu dapat mematahkan keseluruhan syahwatnya yang menjadi alat bagi syaitan untuk

menggoda manusia. Oleh yang demikian, Baginda Nabi S.A.W. telah bersabda :

إِنَّ الشَّيْطَانَ يَجْرِى مِنَ ابْنِ آدَمَ مَجْرَى الدَّمِ فَضَيِّقُوْا مَجَارِيْهِ بِالْجُوْعِ

Maksudnya : *"Sesungguhnya syaitan itu bergerak di dalam badan anak adam melalui saluran darahnya, maka sempitkanlah laluan syaitan itu dengan berlapar."* Hadis ini *muttafaq 'alayh* tanpa perenggan (فَضَيِّقُوْا مَجَارِيْهِ بِالْجُوْعِ)

Dan itulah rahsia sabda Rasulullah S.A.W. :

إِذَا دَخَلَ رَمَضَانُ فُتِّحَتْ أَبْوَابُ الْجِنَان وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ النَّيْرَان وَصُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ, وَنَادَى مُنَادٍ, يَا بَاغِيَ الْخَيْرِ هَلُمَّ وَيَا بَاغِيَ الشَّرِّ أَقْصِرْ

Maksudnya: *"Apabila telah masuk bulan Ramadhan maka dibukakan segala pintu syurga dan dikunci pintu-pintu neraka serta dibelenggu syaitan-syaitan, kemudian terdapat suara yang yang menyeru: Wahai orang yang inginkan kebaikan ayuhlah (mengerjakan amalan kebaikan), wahai orang yang inginkan kejahatan berhentilah (melakukan amalan kejahatan)."* Hadis diriwayatkan Tirmizi dan Imam Al-Hakim dan disahihkan dengan syarat Bukhari dan Muslim.

Dan ketahuilah bahawa amalan puasa sekiranya dilihat pada aspek kedudukannya mempunyai 3 peringkat

manakala pada aspek rahsia-rahsianya mempunyai 3 peringkat.

Adapun peringkat-peringkat kedudukannya :

Serendah-rendahnya ialah berpuasa hanya sekadar di bulan Ramadhan manakala;
yang paling tinggi kedudukannya ialah puasa nabi Allah Daud a.s iaitu berpuasa sehari dan berbuka sehari.

Di dalam khabar yang sahih[18], puasa Nabi Allah Daud lebih *afdhal* berbanding dengan puasa sepanjang tahun dan rahsianya ialah sesiapa yang berpuasa sepanjang tahun telah menjadikan puasa baginya sebagai adat kebiasaan maka dia tidak dapat merasai apabila berpuasa nafsunya dapat dipatahkan dan dalam hatinya tidak berasa dibersihkan dan pada syahwatnya tidak bersama dilemahkan. Hal ini kerana sesungguhnya jiwa hanya akan terkesan apabila dilakukan sesuatu secara berkala ke atasnya dan jiwa tidak akan berkesan sekiranya sesuatu perkara itu menjadi suatu adat kebiasaan.

---

[18] Antara hadis tersebut ialah hadis *riwayat* Bukhari:
أَحَبُّ الصِّيَامِ إِلَى اللَّهِ صِيَامُ دَاوُدَ ، كَانَ يَصُومُ يَوْمًا وَيُفْطِرُ يَوْمًا
Puasa yang paling disukai Allah ialah puasa Nabi Daud, adalah Baginda berpuasa sehari dan berbuka sehari.

Pandangan ini boleh difahami dengan dekat melalui analogi bahawa para doktor perubatan melarang seseorang memakan ubat sepanjang masa. Bahkan mereka (doktor) berkata :

"*Sekiranya seseorang itu selalu melazimi makan ubat (waktu sakit dan sihat), maka ubat itu tidak akan bermanfaat baginya pada waktu dia sakit nanti kerana campuran ubat itu sudah menjadi kebiasaanya menyebabkan dia tidak terkesan dengannya*."

Ketahuilah bahawa cara perubatan jiwa adalah hampir sama dengan cara perubatan badan dan inilah rahsia sabda Baginda Nabi S.A.W. kepada 'Abdullah bin 'Amru bin al-'As R.A. ketika beliau bertanyakan Rasulullah S.A.W. tentang berpuasa. Rasulullah S.A.W. bersabda :

صُمْ يَوْمًا وَأَفْطِرْ يَوْمًا قال قُلْتُ فَإِنِّى أُطِيقُ أَفْضَلَ مِنْ ذَلِكَ, قَالَ رَسُولُ اللَّهِ –صلى الله عليه وسلم– « لاَ أَفْضَلَ مِنْ ذَلِكَ »

Maksudnya : *"Berpuasalah sehari dan berbukalah sehari. Abdullah bin 'Amru bin al-'As berkata; Aku mahukan puasa yang lebih afdhal daripadanya. Rasulullah S.A.W. membalas; "Tidak ada puasa yang lebih afdhal daripadanya."* Hadis *Muttafaq 'Alayh*.

Oleh yang demikian, ketika diberitahu kepada Rasulullah S.A.W. bahawa sesungguhnya si fulan itu berpuasa sepanjang tahun, lalu Rasulullah S.A.W. berkata :

فقال : لاَ صَامَ وَلاَ أَفْطَرَ

Maksudnya : “*Dia tidak (dikira) berpuasa dan tidak berbuka*.”Hadis riwayat Muslim, An-Nasaie dan Abi Daud.

Sebagaimana Saiyyidah ‘Aishah pernah berkata kepada seorang lelaki yang membaca Al-Quran dengan cepat, katanya ;

اِنْ هَذَا مَا قَرَأَ اْلقُرآنَ وَ لاَ سَكَتَ

“*Sesungguhnya dia tidak membaca al-Quran dan tidak pula berdiam*.”

Adapun **peringkat pertengahan** dalam berpuasa ialah berpuasa sebanyak satu pertiga daripada satu tahun sama ada berpuasa Isnin dan Khamis dan ditambah bersamanya puasa bulan Ramadhan maka sesungguhnya kamu akan berpuasa dalam setahun selama 4 bulan 4 hari dan ini melebihi daripada satu pertiga. Walau bagaimanapun seseorang itu perlu meninggalkan berpuasa (sunat Isnin dan Khamis) pada salah satu hari daripada hari-hari *tasyrik* kemudian menggantikannya dengan tiga hari lain kerana kemungkinan dia perlu meninggalkan berpuasa (sunat Isnin Khamis) sekiranya puasa tersebut jatuh pada dua hari raya (Eidul Fitri dan Eidul Adha), maka dia hanya perlu untuk menambahkan satu hari lagi berpuasa sunat bagi mencukupkan jumlah berpuasa sebanyak 4 bulan 4 hari. Sekiranya kamu meneliti secara mendalam perkiraan ini kamu akan mengetahui tentangnya.

Oleh itu, tidak seharusnya seseorang itu mengurangi kadar amalan puasanya daripada kadar yang telah disebutkan di atas kerana sesungguhnya puasa itu dapat meringankan nafsu dan ganjaran pahala daripada amalan puasa sangat banyak.

Adapun rahsia-rahsia amalan puasa mempunyai 3 peringkat :

Peringkat yang paling rendah :

Seseorang itu hanya berpada dengan menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa iaitu makan dan minum namun tidak menahan anggota daripada perkara-perkara yang makruh. Ini adalah merupakan tingkatan puasa orang awam.

Peringkat yang kedua :

Seseorang itu menahan diri daripada perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa iaitu makan dan minum serta menahan anggota badan daripada perkara-perkara yang makruh seperti menjaga lidahnya daripada mengumpat, menjaga matanya daripada melihat perkara-perkara yang meragukan dan demikian dilakukan kepada seluruh anggota badannya.

Peringkat ketiga :

Seseorang itu menahan dirinya daripada perkara-perkara yang membatalkan puasanya, menahan anggota badannya daripada perkara-perkara yang makruh serta memelihara hatinya daripada memikirkan perkara-perkara yang melalaikan serta was-was sebaliknya menumpukan hatinya kepada mengingati Allah S.W.T. Dan inilah tingkatan puasa golongan yang lebih khusus daripada orang-orang yang khusus berpuasa iaitu tingkatan darjat kesempurnaan dalam berpuasa.

Kemudian, perbahasan tentang amalan puasa mempunyai penutupnya agar lebih lengkap iaitu hendaklah seseorang yang berpuasa itu berbuka dengan makanan yang halal dan bukannya dengan makanan yang syubhat.

Selain itu, janganlah terlalu banyak makan dan berlebihan meskipun pada makanan yang halal, semata-mata ingin menggantikan semula bahagian yang terlepas pada siang hari dengan menghimpunkan hidangan bagi dua kali makan pada satu hidangan lalu dimakan kesemuanya. Hal ini hanya akan memberatkan perutnya, menguatkan syahwatnya, membatalkan rahsia berpuasa dan faedahnya, membawa kepada sikap malas untuk menunaikan *tahajjud* bahkan barangkali dia tidak dapat bangun sebelum waktu subuh. Kesemua ini merupakan

kerugian yang amat besar bahkan tidak sepadan dan selari dengan faedah amalan puasa.

❋❋❋

Asas Keempat

HAJI

Asas Keempat
HAJI

Usul Keempat: Haji[19]

Firman Allah S.W.T.;

وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلۡبَيۡتِ مَنِ ٱسۡتَطَاعَ إِلَيۡهِ سَبِيلاًۚ

Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan Ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah Iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadaNya.

Surah Aali Imran ayat 97

Nabi S.A.W. telah bersabda :

مَنْ مَاتَ وَلَمْ يَحُجَّ فَلْيَمُتْ إِنْ شَاءَ يَهُودِيًّا وَإِنْ شَاءَ نَصْرَانِيًّا

Maksudnya : "*Barangsiapa yang mati dalam keadaan belum lagi menunaikan haji, maka matinya sekiranya*

---

[19] Definisi Haji, *al-haj* dari sudut bahasa arab ialah : *al-qasdu* (menuju) atau menuju ke tempat yang dimuliakan, manakala dari perspektif syarak ialah: menuju ke Kaabah untuk tujuan *nusuk* (mengerjakan haji) atau menuju ke Makkah bagi tujuan yang khusus dalam masa yang khusus. *Al-Mu'tamad* 2/255

dikehendaki Allah mati sebagai orang Yahudi ataupun sebagai orang Nasrani." Hadis ini dikeluarkan oleh Ibnu 'Adi dan Tirmizi.

Nabi S.A.W. telah bersabda :

بُنِيَ الإِسْلاَمُ عَلَى خَمْسٍ....

Maksudnya : "*Islam itu terbina di atas lima perkara*…"*Muttafaqun 'Alaih* daripada riwayat Ibnu Umar R.A.

Perbahasan haji yang merupakan amalan zahir telah kami sebutkan di dalam kitab *al-Ihya'*. Dan kami menegaskan sekarang kepada kamu tentang adab-adabnya secara mendalam dan rahsia-rahsianya yang tersembunyi.

Adab-adab Haji Terdapat Tujuh Perkara :

Pertama : Hendaklah ketika kamu memilih teman yang soleh dalam perjalanan mengerjakan haji dan bekalan yang baik dan halal. Hal ini kerana bekalan yang halal akan menerangi hati dan teman yang soleh pula akan mengingatkan kamu akan kebaikan dan menegah kamu daripada melakukan kejahatan.

Kedua : Hendaklah mengosongkan tangannya daripada harta perniagaan agar tidak bercabang pemikirannya dan tidak terbahagi keinginannya serta tidak bersih niatnya untuk melakukan ziarah serta haji.

Ketiga : Hendaklah melapangkan makanan (berkongsi) dan memperelokkan percakapan bersama-sama dengan teman dan pemilik (pemandu) kenderaan sewaan yang dinaikinya untuk permusafiran.

Keempat : Hendaklah meninggalkan perbuatan *al-Rafath* iaitu perkataan yang keji, *al-Jidal* iaitu perdebatan dan bercakap berlebih-lebihan tentang perkara keduniaan bahkan hanya menghadkan lidahnya kepada berzikir dan membaca al-Quran.

Kelima : Dituntut untuk menaiki *zamilah* (unta) iaitu kenderaan tanpa membawa barangan yang banyak dan dalam keadaan diri yang tidak terurus, rambut yang kusut, tanpa berhias bahkan dalam keadaan seperti orang miskin sehingga tidak dilihat termasuk dalam golongan orang mewah.

Keenam : Hendaklah turun dari tunggangan sekali sekala memberi kerehatan kepada tunggangan dan melegakan hati orang yang menyewanya dan meringankan anggota-angota dengan pergerakan. Dan janganlah dibebankan tunggangan dengan apa yang ia tidak mampu. Sebaliknya berlembutlah terhadap tunggangan seboleh mungkin.

Ketujuh : Hendaklah rela hati dengan apa yang telah dibelanjakan dan apa yang ditempuhi daripada kepayahan dan kerugian serta berpandangan bahawa

semua itu mempunyai kesan dalam mendapat haji yang diterima serta diharapkan pahalanya.

Rahsia Haji

Haji mempunyai rahsia yang banyak maka kami menyimpulkannya kepada dua aspek :

Pertama : Pengganti Konsep *al-Rahbaniyyah*

Sesungguhnya haji diletakkan bagi menggantikan konsep *al-Rahbaniyyah* (kerohanian) yang terdapat dalam agama-agama lain sebagaimana terdapat dalam hadis.[20]

Maka Allah S.W.T. menjadikan haji sebagai pengganti konsep kerahiban bagi umat Muhammad S.A.W. maka Allah memuliakan rumahNya (Baitullah), Dia menyandarkan Baitullah kepada diriNya, meletakkan Baitullah sebagai tempat yang dituju bagi hamba-

---

[20] سئل رسول الله عن الرهبانية والسياحة فقال : "أبدلنا الله بها الجهاد والتكبير على كل شرف"

Maksudnya : Rasulullah S.A.W. telah ditanya tentang konsep kerahiban dan pelancongan lalu Baginda bersabda : "*Allah menggantikannya dengan jihad dan bertakbir atas setiap sesuatu yang mulia*" (Hadis *riwayat* Abu Daud daripada Abi Umamah.

hambaNya, menjadikan apa yang berada di sekeliling Baitullah mulia kerana ia RumahNya bagi mengagungkan perintahNya.

Allah menjadikan ‘Arafah sebagai medan lapang bagi tanah haram (dimuliakan). Allah mengukuhkan lagi kemuliaan tempat tersebut (tanah haram) dengan mengharamkan memburu binatang buruan dan mencabut atau menebang pokok.

Allah menetapkan (peraturan) sepertimana menghadiri istana raja kepada para penziarah yang bertandang ke sana daripada segenap pelusuk dunia dengan datang dalam keadaan rambut yang tidak terurus dan berdebu[21] dengan penuh *tawadhu’* kepada Tuhan sekalian alam, tunduk kepada keagunganNya, merendah diri kerana kemuliaanNya beserta pengakuan terhadap kesucianNya yang tidak memerlukan rumah untuk melindungiNya atau memerlukan tempat agar dengan demikian dapat memantapkan lagi penghambaan dan *ubudiyah* mereka (kepadaNya).

Oleh sebab itu, Allah membebankan mereka dengan amalan-amalan asing yang tidak bersesuaian dengan tabiat dan akal manusia agar mereka dapat melaksanakan hukum semata-mata pengabdian (kepadaNya) dan melakukan perintahNya tanpa mempunyai sebab-sebab lain yang mendorong mereka.

---

[21] Kiasan kepada keadaan yang zuhud dan merendah diri.

Inilah rahsia yang agung dalam memperhambakan diri (kepada Allah). Oleh sebab itu, Nabi S.A.W. berdoa :

لَبَّيْكَ بِحَجَّةٍ حَقّاً تَعَبُّدًا وَرَقًّا

Maksudnya :"*Aku menyahut seruanMu dengan ibadah haji yang penuh dengan pengabdian dan penghambaan yang sebenarnya*." Dikeluarkan oleh al-Bazzar dan al-Dar al-Quthniy di dalam *al-'Ilal.*

Kedua : Musafir Haji Umpama Perjalanan Akhirat.

Sesungguhnya permusafiran haji ini diletakkan sebagai perumpamaan perjalanan akhirat.

Maka hendaklah orang yang ingin melakukan setiap amalan daripada amalan-amalan haji mengingat akan perihal-perihal akhirat yang seiring dengan amalan haji.

Maka sesungguhnya pada ibadah haji itu terdapatnya peringatan bagi orang yang ingin mengambil peringatan dan pengajaran bagi orang yang ingin mengambil pengajaran dan perhatian (dalam urusan agamanya).

Justeru, ambillah peringatan sejak bermulanya perjalanan kamu tatkala kamu berpisah dengan ahli keluarga kamu seperti perpisahan dengan ahli keluarga kamu ketika datangnya *sakaratul maut* (kematian).

Ketika berpisahnya daripada negara seperti keluarnya kamu daripada dunia ini. Ketika menaiki tunggangan unta seperti menaiki tunggangan jenazah.

Ketika (badan) diselimuti dengan pakaian ihram seperti kain kafan yang akan menyelubunginya.

Ketika masuk di tempat miqat seperti keluarnya daripada dunia menuju ke miqat hari kiamat.

Ketakutan terhadap perompak jalanan adalah seperti soalan malaikat Munkar dan Nakir.[22]

Binatang buas yang berada di pedalaman seperti kala jengking dan ular di dalam kubur.

Terpisah dan bersendirian kamu daripada ahli keluarga dan kaum kerabat seperti kerisauan dan bersendirian dalam kubur.

Ucapan talbiah adalah seperti jawapan kepada seruan Allah pada hari kebangkitan.

[22] Dua malaikat yang akan menyoal di dalam kubur.

Demikian juga terdapat peringatan bagi kesemua amalan (haji). Hal ini kerana setiap amalan mempunyai rahsia dan di bawahnya terdapat perkara simbolik yang hanya akan disedari oleh hamba Allah mengikut kadar kesediaannya untuk mengambil perhatian dengan kesucian hatinya dan secukup kemahuannya terhadap perkara-perkara penting dalam agama.

❋ ❋ ❋

Asas Kelima

BACAAN AL-QURAN

Asas Kelima

BACAAN AL-QURAN

Usul Kelima: Bacaan al-Quran

Nabi S.A.W. telah bersabda :

أَفْضَلُ عِبَادَةِ أُمَّتِيْ قِرَاءَةُ الْقُرْآن

Maksudnya :"*Sebaik-baik ibadah umatku ialah membaca al-Quran*." Hadis riwayat Abu Na'im daripada hadis Nu'man bin Basyir dengan sanad yang daif.

Sabdanya lagi :

لَوْ كَانَ الْقُرْآنُ فِي إِهَابٍ مَا مَسَّتْهُ النَّارُ

Maksudnya : "*Seandainya al-Quran itu berada pada kulit seseorang, nescaya tidak akan disentuh oleh api neraka*." Hadis dikeluarkan oleh al-Tabarani dan Ibnu Hibban di dalam kitab *al-Dhu'afa'* daripada hadis Sahl bin Sa'd. Dikeluarkan oleh Imam Ahmad dan al-Darimi daripada hadis 'Uqbah bin 'Amir.

Sabdanya lagi :

ماَ مِنْ شَفِيْعٍ أَفْضَلَ مَنْزِلَةً عِنْدَ اللهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنَ الْقُرْآنِ لاَ نَبِيٌّ وَلاَ مَلَكٌ وَلاَ غَيْرُهُ

Maksudnya : “*Tidak ada pemberi syafaat yang lebih baik kedudukannya di sisi Allah pada hari kiamat daripada al-Quran, bukan Nabi, malaikat dan lain-lainnya*.” Hadis riwayat ‘Abdul Malik bin Hubaib daripada riwayat Sa’id bin Salim secara Mursal dan diriwayatkan oleh Muslim daripada hadis Abi Umamah sepertinya.

Dan sabdanya lagi, bahawa Allah telah berfirman di dalam hadis *qudsi* :

مَنْ شَغَلَتْهُ قِرَاءَةُ ٱلْقُرْآنِ عَنْ دُعَائِيْ وَمَسْأَلَتِيْ أَعْطَيْتُهُ أَفْضَلَ ثَوَابِ الشَّاكِرِيْن

“*Barangsiapa yang disibukkan dengan bacaan al-Quran daripada berdoa dan meminta kepadaKu, nescaya aku akan berikan kepadanya sebaik-baik pahala orang yang bersyukur.*” Hadis riwayat Tirmizi dan berkata Tirmizi : *Hasan Gharib* dan diriwayatkan oleh Ibnu Shahin dengan lafaz yang dinyatakan oleh penulis (Imam al-Ghazali).

Dan ketahuilah bahawa bagi bacaan al-Quran ada adab-adab zahir dan rahsia-rahsianya yang tersembunyi.

Terdapat 3 adab-adab zahirnya :

Pertama : Membacanya Dengan Penuh Penghormatan Dan Keagungan.

Kamu tidak akan dapat melazimi penghormatan dengan hati sekiranya kamu tidak melazimi penghormatan dengan keadaan zahir kamu. Sesungguhnya kamu telah

mengetahui tentang bagaimana perhubungan antara hati dengan anggota badan dan bagaimana cahaya-cahaya zahir ini boleh meningkatkan cahaya di dalam hati.

Keadaan penghormatan zahir ialah :

Hendaklah kamu duduk dalam keadaan suci, tenang, menghadap kiblat tanpa duduk dalam keadaan :

- Antara mengiring dan berbaring
- Duduk sambil mengangkat kedua kaki sambil tangan mengikat pada kedua-dua lutut
- Tidak dalam keadaan berbaring untuk tidur

Hendaklah duduk sebagaimana kamu duduk di hadapan guru al-Quran (*al-Muqri*'). Kamu membacanya dengan *tartil*[23], *tafkhim*[24] dan menyebut huruf satu demi satu tanpa bercampur aduk.

---

[23]*Tartil* adalah perlahan-lahan dan tidak tergesa-gesa. Diantaranya, memperhatikan potongan ayat, permulaan dan kesempurnaan makna, sehingga seorang pembaca akan berpikir terhadap apa yang sedang ia baca. Allah S.W.T. berfirman,

وَرَتِّلِ ٱلۡقُرۡءَانَ تَرۡتِيلًا ﴿٤﴾

"*Dan bacalah Al-Qur'an itu dengan perlahan-lahan*."

(Surah al-Muzammil ayat 4).

[24] *Tafkhim* menurut bahasa, bererti menebalkan. Menurut istilah tajwid : Gambaran tentang tebalnya bunyi huruf, seakan-akan bunyi tersebut bagaikan memenuhi semua rongga mulut sedangkan *Tarqiq* adalah lawan *Tafkhim* iaitu menipiskan suara.

Berkata Ibnu Abbas r.a :
Maksudnya : “Aku membaca (surah) *idza zulzilat* dan (surah) *al-Zalzalah* dengan penuh *tadabbur* [25] (memahami dan menghayati maknanya) lebih aku suka daripada membaca surah *al-Baqarah* dan *Aali Imran* dengan cepat dan tergesa-gesa.”

Keduanya : Hendaklah kamu menzahirkan rasa rindu (terhadap al-Quran) pada sebahagian waktu tertentu sehingga pada waktu yang paling *afdhal*.

Dengan membaca al-Quran padanya (waktu tersebut) di dalam solat terutamanya di masjid dan pada waktu malam kerana hati pada waktu malam lebih jernih kerana berasa lapang.

Sesungguhnya, sekalipun kamu bersendirian pada siang hari namun pergerakan ulang alik orang lain dan kesibukan mereka dalam pekerjaan akan mengganggu dan menyibukkan hati kamu terutamanya jika kamu turut diminta untuk melakukan urusan dan pekerjaan. Justeru bagaimana kamu hendak membacanya (al-Quran).

---

[25] Memerhati rentetan di sebalik sesuatu iaitu hampir dengan berfikir tetapi berfikir ialah pertimbangan dalam pandangan berasaskan dalil manakala tadabbur ialah pertimbangan pandangan terhadap kesan dan akibat. *al-Ta’rifat al-Fiqhiyyah,* al-Mufti al-Sayid Muhammad ‘Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, hal. 55.

Sekiranya (kamu membaca al-Quran dalam keadaan) berbaring tanpa bersuci tidaklah hilang kemuliaannya kerana sesungguhnya Allah S.W.T. memuji kepada semua golongan di dalam firmanNya :

ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَـٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمۡ

Maksudnya: *(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring*.

Surah *Aali Imran* 191.

Walau bagaimanapun, apa yang telah kami sebutkan adalah tentang (galakan) penambahan kepada yang lebih mulia.

Sekiranya kamu di antara orang yang mahukan akhirat, maka janganlah kamu bermudah-mudah meninggalkan kemuliaan tersebut.

Sesungguhnya berkata Saidina 'Ali r.a :
Maksudnya : "*Barangsiapa yang membaca al-Quran sedangkan dia dalam keadaan berdiri di dalam solat maka baginya 100 kebaikan (pahala) bagi setiap huruf. Barangsiapa yang membaca al-Quran di luar solat dan dia dalam keadaan bersuci maka baginya 25 kebaikan dan barangsiapa yang membaca al-Quran tanpa berwuduk maka baginya 10 kebaikan*."

Ketiga : Kadar bacaan al-Quran.

Terdapat tiga tahap :

Tahap yang paling rendah ialah seseorang yang mengkhatamkan al-Quran dalam tempoh sebulan sekali.

Tahap yang paling tinggi ialah mengkhatamkan al-Quran bagi setiap 3 hari sekali.
Sabda nabi S.A.W. :

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ فِي أَقَلَّ مِنْ ثَلاَثٍ لَمْ يَفْقَهْهُ

Maksudnya : "*Barangsiapa yang membaca (mengkhatamkan) al-Quran kurang daripada 3 hari(terlalu cepat) nescaya dia tidak dapat memahaminya (al-Quran)*." Hadis riwayat Ashab al-Sunan daripada hadis Abdullah bin Umar. Berkata Imam Tirmizi : hadis ini hasan sahih.

Tahap pertengahannya (antara rendah dan tinggi) ialah mengkhatamkan al-Quran dalam seminggu sekali. Adapun mengkhatamkan al-Quran pada setiap hari dan selainnya adalah tidak dilarang.

Berwaspadalah daripada membiarkan akal kamu berfikir dan mengatakan :
"*sesuatu kebaikan dan manfaat itu sekiranya semakin banyak dilakukan semakin bermanfaat*".

Hal ini kerana akal kamu tidak dapat mencapai rahsia-rahsia yang berkaitan dengan urusan ketuhanan. Hanyasanya yang dapat mencapainya ialah dengan kekuatan keNabian. Maka hendaklah kamu mengikut Nabi S.A.W.. kerana sesungguhnya perkara-perkara khusus yang tertentu tidak akan dapat diketahui dengan *qiyas*.[26]

Atau tidakkah kamu melihat bagaimana kamu dituntut untuk melakukan solat sunat sedangkan kamu ditegah daripada melakukannya pada keseluruhan siang dan kamu juga diperintahkan untuk meninggalkannya (solat sunat) selepas solat subuh, selepas solat asar, ketika matahari sedang terbit dan ketika matahari sedang terbenam dan sedang tergelincir. Dan kesemua (waktu ini) sampai kepada kadar satu pertiga daripada waktu siang.

Justeru, bagaimana (kamu hendak fikirkan rahsia-rahsia ketuhanan) sedangkan kesan kesalahan terzahir pada kiasan kamu ini. Sesungguhnya (kiasan yang salah itu) ibarat seperti kata-kata seseorang:

---

[26] *Qiyas* dari segi bahasa bermaksud persamaan dan penentuan iaitu suatu gambaran tentang menentukan sesuatu perkara berdasarkan sesuatu yang hampir sama sepertinya. Dari segi istilah syara' : Di dalam kitab *al-Ta'rifat* : "Suatu pernyataan tentang makna yang diistinbatkan daripada nas disebabkan mempunyai hukum yang sama terhadap perkara yang telah dinaskan kepada perkara yang tidak ada nas iaitu menghimpunkan antara perkara usul dan cabang dalam hukum."

“*Ubat adalah bermanfaat untuk pesakit, maka sekiranya lebih banyak ubat yang diambil nescaya lebih banyak manfaatnya*.”
Dan kamu juga mengetahui bahawa (mengambil) ubat dengan banyak kemungkinan boleh membunuh (seseorang).

Terdapat 5 rahsia-rahsia tersembunyi (batin) :

Pertama : Hendaklah kamu merasakan pada permulaan bacaan (al-Quran) kamu akan keagungan *al-Kalam* (firman Allah) dengan menghayati keagungan Allah yang Maha Berkata-kata.

Maka hadirkanlah di dalam hati kamu (kehebatan) *‘Arasy*, *Kursi*, langit dan bumi serta segala isinya daripada malaikat, jin, manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sumber galian. Hendaklah kamu ingat bahawa pencipta bagi kesemuanya itu adalah Satu (Allah). Kesemua ciptaan itu berada di dalam kekuasaanNya dan silih berganti disebabkan kemuliaan dan rahmatNya.

Dan hendaklah kamu apabila mahu membaca firmanNya (al-Quran) maka lihatlah melaluinya (al-Quran) akan sifat zatNya dan ketahuilah keindahan ilmuNya dan kebijaksanaanNya.

Dan kamu mengetahui bahawa sebagaimana tidak boleh menyentuh zahir mushaf al-Quran melainkan orang yang bersuci zahirnya. Maka al-Quran tidak boleh disentuh oleh orang yang tidak bersuci.

Demikian juga hakikat makna al-Quran dan batinnya tidak boleh disentuh oleh batin hati melainkan apabila batin hatinya suci daripada najis dan kotoran batin.

Antara contoh yang mengagungkan al-Quran seperti ini ialah ‘Ikrimah. Apabila dibentangkan al-Quran kadangkala dia pengsan lalu beliau berkata :
“*Ini adalah kalam Tuhanku, ini adalah kalam Tuhanku*.”

Dan ketahuilah, bahawa kalaulah bukan kerana cahaya kalamNya yang hebat dan keagungannya(al-Quran) yang ditutup dengan pakaian huruf nescaya tidak akan mampu kekuatan manusia untuk mendengarnya(al-Quran) kerana keagunganNya dan kekuasaanNya dan cahayaNya.

Kalaulah bukan kerana Allah yang menetapkan pendengaran Nabi Allah Musa a.s nescaya Nabi Musa a.s tidak mampu untuk mendengarnya(firman Allah S.W.T.) secara langsung tanpa pakaian huruf dan suara-suara sebagaimana bukit tersebut juga tidak mampu

menanggung permulaan *tajalli*[27] Allah sehingga bukit itu hancur musnah (menjadi rata).

Kedua : Hendaklah kamu membacanya dengan *tadabbur*[28] maknanya sekiranya kamu di kalangan ahlinya.

Setiap apa yang berlalu pada lisan kamu dalam keadaan kamu lalai maka ulangilah (dalam membacanya). Janganlah kamu mengiranya sebagai amalan kamu kerana *tartil*[29] pada zahir adalah untuk mengukuhkan *tadabbur*.

Berkata Saidina Ali r.a :Maksudnya : "*Tidak ada kebaikan pada ibadah yang tidak ada kefahaman*

---

[27] Kalimat *"tajalli"* (menzahirkan kebesarannya) telah digunakan oleh al-Quran dalam surah al-A'raaf ayat 143;

قَالَ لَن تَرَىٰنِي وَلَٰكِنِ ٱنظُرۡ إِلَى ٱلۡجَبَلِ فَإِنِ ٱسۡتَقَرَّ مَكَانَهُۥ فَسَوۡفَ تَرَىٰنِيۚ فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُۥ لِلۡجَبَلِ جَعَلَهُۥ دَكّٗا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقٗاۚ

Allah berfirman: "Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke Gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, nescaya Engkau akan dapat melihatKu", setelah Tuhannya "Tajalla" (menzahirkan kebesaranNya) kepada Gunung itu, (maka) "TajalliNya" menjadikan Gunung itu hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pengsan.

[28] Lihat mukasurat 72.

[29] Lihat mukasurat 71.

padanya. Dan tidak ada kebaikan pada bacaan (al-Quran) yang tidak ada tadabbur padanya.”

Dan waspadalah kamu daripada keasyikan bilangan khatam yang kamu lakukan. Sesungguhnya jika kamu mengulangi satu ayat dalam satu malam lebih baik bagi kamu daripada melakukan 2 kali khatam.

Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. membaca :

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَـٰنِ ٱلرَّحِيمِ ١

Lalu Baginda mengulanginya sebanyak 20 kali.” Diriwayatkan oleh Abu Dzar al-Harawiy di dalam *Mu’jam* beliau daripada hadis Abu Hurairah dengan sanad yang daif.

Berkata Abu Zar r.a :
Maksudnya : “*Rasulullah S.A.W. bangun malam mengimami solat kami. Kemudian apabila sampai pada suatu ayat, Baginda mengulanginya berkali-kali* :
Firman Allah :

إِن تُعَذِّبۡهُمۡ فَإِنَّهُمۡ عِبَادُكَۖ

"*Jika Engkau menyeksa mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana Sesungguhnya mereka adalah hamba-hambaMu*.

Surah Al-Maidah ayat 118

Tamim al-Dari bangun di tengah malam hanya membaca firman Allah S.W.T. :

أَمۡ حَسِبَ ٱلَّذِينَ ٱجۡتَرَحُواْ ٱلسَّيِّـَٔاتِ أَن نَّجۡعَلَهُمۡ كَٱلَّذِينَ

ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ

Maksudnya: *Patutkah orang-orang yang melakukan kejahatan menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman dan beramal soleh.*

Surah al-Jatsiyah ayat 21

Sa'id bin Jubair bangun di tengah malam hanya membaca firman Allah S.W.T. :

وَٱمۡتَـٰزُواْ ٱلۡيَوۡمَ أَيُّهَا ٱلۡمُجۡرِمُونَ ﴿٥٩﴾

Maksudnya: *dan (sebaliknya dikatakan kepada orang-orang yang kafir): "Berpisahlah kamu pada hari ini, hai orang-orang yang berdosa, (dari bercampur gaul dengan orang-orang yang beriman).*

Surah Yaasin ayat 59

Barangkali keadaan yang paling layak bagi kamu ialah apa yang diucapkan oleh sebahagian golongan al-*'Arifin*[30] ketika mereka berkata : "*Aku mengkhatamkan*

---

[30] *al-'Arif* mengikut istilah *tasawwuf* oleh Ibnul Qayyim al-Jauziyyah di dalam kitab *Madarijus Salikin* ialah : Seseorang yang mengenali Allah S.W.T. sehingga mencapai kedudukan persaksian kepada keagungan Zat, Sifat-sifat, Nama-nama dan Perbuatan Allah di dalam hubungannya dengan Allah. Ikhlas pada maksud dan niatnya

(al-Quran) sebanyak sekali pada setiap Jumaat. Dan aku khatam sebanyak sekali pada setiap bulan. Dan aku khatam sebanyak sekali pada setiap tahun. Dan aku khatam sejak 30 tahun lalu namun masih belum selesai setelah itu."

Demikian adalah bergantung kepada tahap *tadabbur*. Hal ini kerana hati pada sebahagian waktu tidak dapat melakukan *tadabbur* dalam tempoh yang lama. Maka jadikanlah untuk *tadabbur* yang panjang satu khatam yang khusus.

Ketiga : Hendaklah kamu memetik buah-buah makrifah daripada dahannya ketika kamu *tadabbur* (al-Quran) dan mengambil faedah dari tempat-tempatnya.

---

untuk Allah. Kemudian terlucut dari akhlaknya segala yang meluka dan merosakkan. Kemudian suci dari segala kotoran dan perlanggaran. Kemudian dia bersabar dengan segala ketetapan Allah sama ada yang berupa kenikmatan atau kesusahan. Kemudian dia menyeru di atas petunjuk agamanya dan tanda-tanda kebenarannya(agama). Kemudian dia menyeru semata-mata untuk kembali kepada Allah dan RasulNya. Tidak disebabkan mana-mana tokoh, sama ada cita rasanya, kebaikannya, keserupaannya dan pertuturannya. Tiada sebarang perkara yang dia lebihi timbangannya daripada apa yang datang daripada Allah dan RasulNya sebagai sebaik-baik pujian. Semua ini adalah sifat yang layak dengan penyandang nama *al-Arif* yang tulen. Perbincangan mengenai kalimah dan gelaran al 'Arifin ini dibahaskan dengan panjang lebar oleh Dr. Rafiq al-'Ajamiy di dalam kitabnya *Mausu'ah Mustolahat al-Tasawwuf al-Islamiy,* halaman 591-596.

Janganlah kamu mencari ubat penawar racun sebagaimana kamu mencari daripadanya permata-permata. Dan janganlah mencari permata-permata sebagaimana kamu mencari daripadanya kasturi dan gaharu. Hal ini kerana setiap buah mempunyai dahan. Setiap permata mempunyai sumber galiannya.

Hanyasanya yang dapat memudahkan bagi kamu ialah dengan mengetahui 10 aspek yang telah kami ringkaskan padanya bahagian-bahagian al-Quran iaitu 10 sumber galian.

Justeru, (antara galian tersebut ialah) perkara dalam al-Quran yang berkaitan dengan Allah S.W.T., sifat-sifatNya dan perbuatanNya maka ambillah faedah daripadanya pengetahuan tentang kemuliaan dan keagungan.

Perkara yang berkaitan dengan petunjuk ke jalan yang lurus maka ambillah faedah daripadanya pengetahuan tentang rahmat, kasih sayang dan hikmah.

Perkara yang berkaitan dengan kebinasaan musuh-musuh (Allah) maka ambillah faedah daripadanya pengetahuan tentang kekuatan, kemegahan, kegagahan dan keangkuhan.

Perkara yang berkaitan dengan perihal nabi-nabi maka ambillah faedah daripadanya pengetahuan tentang kebaikan, nikmat, kelebihan dan pemurah.

Dan demikianlah pada setiap aspek (dalam al-Quran) mempunyai faedah yang layak baginya. Maka janganlah kamu memandang kepadanya dengan sebelah mata. Dan untuk menghuraikan tentangnya adalah panjang.

Keempat : Hendaklah kamu membuang akan halangan-halangan untuk faham iaitu penutup yang menghalang daripada pemahaman.

Firman Allah S.W.T. :

إِنَّا جَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَن يَفْقَهُوهُ وَفِيٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرًا ۖ

Maksudnya : *Sesungguhnya (disebabkan bawaan mereka yang buruk itu) Kami jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, menghalang mereka daripada memahaminya, dan (Kami jadikan) pada telinga mereka penyumbat (yang menyebabkan mereka pekak).*

Surah al-Kahfi ayat 57

Dan Rasulullah S.A.W. bersabda :

لَوْ لاَ اَنَّ الشَّيَاطِيْنَ يُحْرَمُوْنَ عَلَى قُلُوْبِ بَنِي آدَمَ لَنَظَرُوْا اِلَى مَلَكُوْتِ السَّمَاءِ

Maksudnya : "*Kalaulah bukan kerana syaitan yang mengelilingi hati anak Adam nescaya mereka dapat melihat (alam) malakut di langit*." Dikeluarkan oleh Imam Ahmad daripada Abu Hurairah

Dan ketahuilah bahawa makna-makna al-Quran adalah sebahagian daripada alam *malakut* (*ghaib*). Hanyasanya huruf-hurufnya sahaja daripada *alam syahadah* (nyata).

Penutup (hati) yang diuji ke atas orang bertaqwa yang dahagakan kebenaran terbahagi kepada dua jenis.

1. Adapun sesuatu yang diuji dengannya kepada golongan yang lemah Iman adalah disebabkan hijab (penutup) keraguan dan keingkaran.

2. Adapun sesuatu yang diuji dengannya kepada golongan yang hidup semata-mata kerana dunia adalah disebabkan hijab (penutup) syahwat yang tersemat di dalam hati.

Maka demikian adalah jelas bahkan tidak tersembunyi keadaannya sebagai penghalang daripada memahami kehalusan al-Quran dan memetik cahaya-cahayanya. Oleh sebab itu, ramai di kalangan manusia dihalang (untuk menikmatinya).

Adapun hamba-hamba yang lari daripada jalan Allah, maka mereka dihijabkan dengan dua jenis penutup (hati) yang lain iaitu :

Pertamanya : **Was-was.**

Was-was yang mendatangkan keraguan agar mengubah hati kepada berfikir terhadap niat. Bagaimana keadaan niat pada permulaan, adakah masih kekal niat tersebut hingga sekarang, adakah niat itu ikhlas ketika ini?

Ini tetap akan berlaku meskipun dalam solat. Begitu juga was-was yang mengubah hati kepada keraguan untuk membetulkan tempat keluar (*makhraj*)[31] huruf dan rasa syak terhadapnya serta mengulanginya kerana ragu-ragu. Ini semua boleh berlaku di dalam solat dan selainnya.

Justeru, bagaimana untuk melihat rahsia-rahsia alam *malakut* (*ghaib*) oleh hati yang dihalang dan hanya sekadar ingin mengetahui keadaan dua bibir, bagaimana menutup kedua-duanya, manakala sibuk mengetahui tentang pergerakan lidah dan lelangit, bagaimana pergerakan angin yang terhasil daripada perletakan lidah pada lelangit? Ini bermakna (hanya menumpukan kepada) proses untuk menyebut huruf dan membetulkan sebutannya.

---

[31] Tempat keluarnya huruf-huruf Hijai'iyyah melalui perantaraan suara dan dengannya mampu menzahir dan membezakan antara satu huruf dengan yang lain. Lihat - *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah,* al-Mufti al-Sayid Muhammad 'Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, hal. 198. Tempat keluar suara huruf-huruf al-Quran juga terbahagi kepada 5 anggota umum iaitu dua bibir, lidah, kerongkong, rongga dan pangkal hidung.

Jenis kedua : ***Taqlid*[32] kepada zahir makna al-Quran dan bersikap jumud terhadapnya.**

Ini adalah penghalang yang besar terhadap kefahaman. Tidaklah yang saya maksudkan dengannya *taqlid* yang batil seperti *taqlid* orang yang melakukan *bid'ah*, bahkan tidak juga dimaksudkan *taqlid* kepada kebenaran. Sesungguhnya kebenaran yang dibebankan kepada manusia untuk berpegang dengannya mempunyai darjat-darjatnya dan prinsip zahir iaitu seperti kulit contohnya serta bahagian dasar batin iaitu isinya.

Sabda Nabi S.A.W. :

اِنَّ لِلْقُرْأنَ ظَاهِرًا وَبَاطِنًا, وَحْدًا وَ مُطْلَقًا

Maksudnya : "*Sesungguhnya al-Quran itu mempunyai zahir dan batin serta batasan dan tempat untuk melihatnya*." Hadis riwayat Ibnu Hibban dalam Sahihnya daripada Ibnu Mas'ud.

Maka orang yang jumud terhadap zahir al-Quran beranggapan sesungguhnya tidak ada disebaliknya (al-Quran) tempat naik untuk melihat sesuatu disebaliknya.

---

[32] *Taqlid* (atau taklid) bermaksud : seseorang mengambil atau menerima sesuatu pandangan pihak lain tanpa mengetahui penghujahan dan dalilnya. *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah,* al-Mufti al-Sayid Muhammad 'Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, hal. 60.

Bagaimana hendak digambarkan? Bahkan untuk didedahkan kepada manusia pelbagai rahsia.

Sesungguhnya manusia dibebankan untuk berpegang dengan aqidah bahawa Allah S.W.T. dapat dilihat. Namun untuk melihat terdapat secara zahir dan tersembunyi. Barangsiapa yang berpegang dengan keyakinan bahawa melihat Allah adalah suatu yang munasabah seperti melihat sesuatu yang menjadi kebiasaan manusia di alam (nyata) ini, justeru bagaimana seseorang akan dapat mengungkap rahsia yang difirmankan Allah S.W.T. (dalam sebahagian ayat 143 surah al-A'raf) yang manusia tidak mampu melihatNya..

وَلَمَّا جَآءَ مُوسَىٰ لِمِيقَـٰتِنَا وَكَلَّمَهُۥ رَبُّهُۥ قَالَ رَبِّ أَرِنِىٓ أَنظُرۡ إِلَيۡكَ ۚ <u>قَالَ لَن تَرَٰنِى</u>

Maksudnya : *dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu, dan Tuhannya berkata-kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaKu (ZatMu Yang Maha Suci) supaya Aku dapat melihatMu". Allah berfirman:* ***<u>"Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu.</u>***

Surah al-A'raf ayat 143

Bagaimana hendak difahami(tanpa *tadabbur*) bahawa melihat Allah adalah terhalang dalam kehidupan dunia ini melalui mata yang bergantung kepada pemerhatian arah dan tempat. Bagaimana hendak diketahui (tanpa *tadabbur*) firman Allah S.W.T. :

لَّا تُدْرِكُهُ ٱلْأَبْصَٰرُ وَهُوَ يُدْرِكُ ٱلْأَبْصَٰرَ ۖ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya : *ia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata.*

Surah Al-An’am ayat 103

Beserta firman Allah :

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

“…*pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri; melihat kepada Tuhannya*”.

Surah al-Qiyamah ayat 22 dan 23

Dan cukuplah bagi kamu contoh yang satu ini. Kami bukanlah mahu mendedahkan kepada kamu lebih daripada ini dan kami tidak bermaksud dalam (menghuraikan) asas ini melainkan sekadar untuk mengisyaratkan kepada asas-asas rahsia agar membuatkan orang yang bersiap sedia baginya merinduinya.

Kelima : Hendaklah tidak hanya berpada dengan memetik cahaya-cahaya bahkan menambah untuk mengambil perihal-perihal dan kesan-kesannya.

Kesemua ini adalah dengan, tidaklah kamu membaca satu ayat (al-Quran) melainkan kamu menghayati sifat-sifatnya, Maka, hendaklah bagi setiap kefahaman itu mempunyai satu keadaan dan perasaan :

Ketika menyebut tentang rahmat dan keampunan maka bergembiralah seolah-olah kamu sedang terbang kerana keseronokan.

Ketika menyebut kemurkaan dan balasan yang dahsyat maka hendaklah berasa lemah seolah-olah kamu akan mati dengan segera.

Ketika menyebut Allah, nama-namaNya dan keagunganNya, maka hendaklah kamu merendahkan diri dan merasakan diri kerdil sepertimana kamu merasakan kecil pada pandangan Yang Maha Agung.

Ketika menyebut tentang orang kafir yang mengatakan sesuatu yang mustahil kepada Allah sama ada mempunyai anak dan isteri, maka hendaklah kamu berasa patah hati dan merendahkan suara kamu seolah-olah berasa malu. Demikianlah pada setiap bahagian daripada bahagian yang sepuluh. Sekiranya ingin menyebutkannya adalah panjang.

Justeru, zahirkanlah kesan (penghayatan) tersebut kepada anggota badan kamu dengan menangis disebabkan kesedihan, berpeluh dahi kerana malu, menggigil dan gementar ketika berasa kehebatan dan keagungan (Allah), berasa senang pada anggota badan, lidah dan suara ketika gembira manakala berasa berat padanya ketika berasa takut.

Apabila kamu melakukan demikian, kamu telah menyertai untuk mendapatkan bahagian al-Quran dengan keseluruhan anggota kamu. Dan telah melimpah kesan-kesan al-Quran terhadap alam kamu yang tiga yakni alam *malakut* [33] , *alam jabarut* [34] dan *alam syahadah* [35] .Dan ketahuilah bahawa kamu sedang melalui ketiga-tiga alam itu maka dalam diri kamu terdapat satu bahagian daripada setiap alam tersebut.

Dan ketahuilah bahawa semata-mata cahaya makrifah sahajalah yang dapat melimpahkan dari alam *malakut* ke

---

[33] Alam *Malakut* ialah alam yang hanya dapat dilihat dengan mata hati atau alam metafizik. Tidak dapat diduga dengan panca indera manusiawi. Lihat juga perbahasan di halaman 23.

[34]Alam Keagungan iaitu alam nama-nama dan sifat-sifat Allah dan sebahagian ulamak mengatakannya alam *awsat*(pertengahan) iaitu alam di antara alam *mulk* dan *malakut*. *Mu'jam al-Ta'rifat*, al-Jurjaniy, Tahqiq Muhammad Sadiq al-Minsyawiy, Darul Fadilah, halaman 66. Lihat juga perbahasan di halaman 23.

[35]Alam yang dapat diketahui dengan pancaindera dan disebut juga sebagai alam *mulk*. Lihat juga perbahasan di halaman 26.

dalam rahsia hati. Hal ini kerana hati juga adalah sebahagian daripada alam *malakut*.

Adapun kesan-kesan hati dari segi gerun, takut, gembira, merasai kehebatan dan perihal-perihal yang lain maka sesungguhnya perihal tersebut telah masuk dari *alam jabarut*. Dan tempat masuknya ialah dada yang merupakan *alam jabarut* yang merupakan satu alam lain daripada alam-alam kamu. Kami gelarkannya dengan dada sebagaimana alam pertama (*malakut*) digelarkan dengan hati kerana *alam jabarut* suatu alam di antara alam *malakut* dan *alam syahadah* sebagaimana dada adalah di antara hati dan anggota badan.
Adapun tangisan, teriakan, mengigil dan gementar itu datang daripada *alam syahadah* dan tempat turunnya ialah anggota badan kerana anggota badan adalah dari *alam syahadah*.

Tidaklah saya melihat kamu memahami tentang hati selain daripada hanya seketul daging yang halus bentuknya, memahami dada hanyalah sekadar tulang yang meliputi badan. Sesungguhnya kamu tidak mengetahui tentangnya melainkan hanya kulit dan lapisan luarannya sahaja. Maka kamu amat jauh untuk mengetahui tentang hakikatnya. Sesungguhnya perkara ini (hati dan dada sebagaimana kefahaman kamu) juga terdapat pada binatang dan orang mati. Justeru, tidak akan turun kepada binatang dan orang mati akan cahaya-cahaya makrifah dan ilmu-ilmu serta kesan-kesannya daripada rasa gerun, sanjungan dan gembira.

Sesungguhnya jika kamu mahu menyedut sesuatu daripada *rauh*(cahaya makrifah dan ilmu serta kesannya) rahsia ini (dan saya tidak melihat kamu mahukannya). Sesungguhnya syaitan telah mengikat hati kamu dengan tali syahwat, maka hendaklah kamu mendalami perbahasan bab Tauhid dari awal kitab *al-Tawakkal* jika kamu mengkehendakinya (di dalam kitab *al-Ihya'*).

Dan ketahuilah bahawa al-Quran adalah seperti matahari, limpahan rahsia-rahsia makrifah daripadanya ke dalam hati adalah seperti limpahan cahaya matahari ke bumi. Perjalanan kesan-kesan ketakutan, kegerunan, kehebatan dan sekalian perihal di dalam dada adalah seperti perjalanan kepanasan matahari ke dalam isi bumi mengikut akan sinaran cahayanya. Sesungguhnya rasa takut itu adalah kesan cahaya makrifah.

Firman Allah S.W.T. :

إِنَّمَا يَخْشَى ٱللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ ٱلْعُلَمَٰٓؤُا۟ ۗ

Maksudnya : *Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu*.

Surah Fathir ayat 27

Maka tersebarnya pergerakan dan perubahan kepada anggota badan daripada tangisan, peluh, menggigil dan gementar adalah berpunca daripada kesan-kesan takut

dan sekalian perihal-perihal (dalam hati) sepertimana pergerakan *juzuk-juzuk* bumi dengan pergerakan naik wap air, pemanasan *juzuk-juzuk* bumi disebabkan peningkatan kepanasan matahari. Maka pergerakan adalah mengikut kepanasan, kepanasan adalah mengikut cahaya, cahaya mengikut kedudukan pertentangan antara bumi dan matahari.

Justeru, berusahalah bersungguh-sungguh untuk menghadap wajah hatimu ke arah matahari al-Quran dan mendapatkan cahayanya. Demikian juga sekiranya kamu tidak mampu untuk berbuat demikian maka dengarkanlah seruan dari sebelah kanan bukit. Sekiranya kamu dapati terdapatnya api pada sebelah (kiri) bukit tersebut, maka ambillah sedikit daripadanya untuk menyalakan pelita. Sekiranya minyak pelita kamu suci pelita itu akan menyala sekalipun tidak menyentuh api tersebut. Apabila pelita tersebut yang mempunyai minyak menyentuh api akan bertambah cahayanya dan kamu dapati pada api itu dapat memberi petunjuk. Dan api itu bagi dari kamu adalah seperti matahari yang menyebarkan sinaran dan cahayanya. Dan Allah yang memberi hidayah kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan keampunan Allah Maha Luas.

❋❋❋

Asas Keenam

BERZIKIR KEPADA ALLAH

Asas Keenam
BERZIKIR KEPADA ALLAH

Usul Keenam
Berzikir Mengingati Allah Pada Setiap Keadaan

Firman Allah S.W.T. :

وَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya : "*Dan Ingatlah kamu akan Allah dengan sebanyak-banyaknya, moga kamu tergolong di kalangan orang yang berjaya*."

Surah al-Jumu'ah ayat 10.

Dan Allah juga berfirman kepada Nabi-Nya S.A.W. : Maksudnya :

وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلًا ﴿٨﴾

Dan sebutlah (dengan lidah dan hati) akan nama Tuhanmu (terus menerus siang dan malam), serta tumpukanlah (amal ibadatmu) kepadanya dengan sebulat-bulat tumpuan.

Surah al-Muzammil ayat 8.

Sabda Nabi S.A.W. :

لَذِكْرُ اللهِ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ أَفْضَلُ مِنْ خَطْمِ السُّيُوفِ فِي سَبِيْلِ اللهِ وَمِنْ إِعْطَآءِ الْمَالِ سَحاً

Maksudnya : "*Berzikir mengingati Allah pada waktu pagi dan petang lebih baik daripada hentaman pedang (berperang) di jalan Allah dan mengeluarkan harta dengan penyodok(banyak)…*" Berkata al-'Iraqi : Diriwayatkan kepada kami daripada hadis Anas dengan sanad yang *dhaif* dan hadis ini dikenali daripada kata-kata Ibnu Umar r.a sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Abdul Bar di dalam kitab al-Tamhid.

Nabi S.A.W. bersabda :

أَلاَ أُنَبِّئُكُمْ بِخَيْرِ أَعْمَالِكُمْ وَأَزْكَاهَا عِنْدَ مَلِيكِكُمْ وَأَرْفَعِهَا فِي دَرَجَاتِكُمْ وَخَيْرٌ لَكُمْمِنْ إِعْطَاءِ الذَّهَبِ وَالْوَرِقِ وَمِنْ أَنْ تَلْقَوْا عَدُوَّكُمْ فَتَضْرِبُوا أَعْنَاقَهُمْ وَيَضْرِبُوا أَعْنَاقَكُمْ ». قَالُوا وَمَا ذَاكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ « ذِكْرُ اللَّهِ »

Maksudnya : "*Mahukah aku beritakan kepada kamu tentang amalan yang paling baik bagi kamu, amalan yang paling suci di sisi tuhanmu, amalan yang paling tinggi dari segi kedudukan darjat kamu dan amalan yang lebih baik bagi kamu daripada bersedekah mengeluarkan wang dan emas, amalan yang lebih baik bagi kamu daripada kamu bertemu dengan musuh-*

musuh (di medan perang) lalu kamu memenggal leher mereka dan mereka turut memenggal leher kamu? Berkata para sahabat : Apakah amalan itu wahai Rasulullah S.A.W. ? Nabi berkata : *Zikir kepada Allah*. Hadis riwayat Tirmizi, Ibnu Majah, al-Hakim dan beliau mensahihkan sanad-sanadnya daripada hadis Abi Darda'.

Nabi S.A.W. bersabda :

وقال رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبَقَ الْمُفَرِّدُونَ, سَبَقَ الْمُفَرِّدُونَ. فقيل ومنهم يا رَسُولُ اللَّهِ ؟ فقال الْمُسْتَهْتَرُونَ بذِكْرِ اللَّهِ وَضَعَ ذِكْرُ الله عَنْهُمْ أَوْزَارَهُمْ فَوَرَدُوا الْقِيَامَةِ خِفَافًا

Maksudnya : "*Telah mendahului kamu golongan al-mufarridun.*
Lalu ditanya kepada Nabi : Siapakah mereka wahai Rasulullah S.A.W. ?
Lalu Nabi berkata : *Golongan yang sentiasa melazimi zikir mengingati Allah tanpa jemu (al-Mustahtarun), mereka menjadikan zikir mengingati Allah sebagai penghapus dosa-dosa mereka. Justeru mereka memperolehi ganjaran amalan zikir pada hari kiamat sebagai meringankan (azab)*." Hadis riwayat Tirmizi, al-Hakim daripada Abi Hurairah, manakala al-Tabarani daripada Abi Darda' dan Imam Muslim meriwayatkanya dengan lafaz yang hampir sama maknanya.

Dan ketahuilah, sesungguhnya telah tersingkap di kalangan ahli *basirah* (golongan yang dekat dengan

Allah melalui amalan-amalan soleh dengan ikhlas dan istiqamah) bahawa zikir mengingati Allah adalah amalan yang paling *afdhal*.

Namun bagi amalan zikir ini juga mempunyai 3 lapisan, sebahagiannya lebih dekat dengan inti daripada sebahagian yang lain. Dan amalan zikir ini mempunyai inti disebalik 3 lapisan kulit. Hanyasanya kelebihan lapisan kulit ini adalah menjadi jalan untuk sampai kepada intinya.

Justeru, kulit **lapisan pertama** iaitu yang paling atas daripadanya ialah zikir dengan lidah sahaja.

Dan kulit **lapisan yang kedua** ialah zikir dengan hati apabila hati memerlukan kepada pengawasan (*muraqabah*) sehingga boleh menghadirkan hati ketika berzikir

Dan kulit **lapisan yang ketiga** ialah zikir yang menjadi kukuh di dalam hati dan menguasai hatinya. Sehingga sukarnya mengalihkan perhatian hati tersebut kepada perkara-perkara lain, sebagaimana sukarnya usaha menjadikan hati tersebut mantap dan sentiasa bersamanya..

Dan kulit **lapisan keempat** yang dipanggil *"Lubab"* ataupun intipati. Mensebatikan zikir kepada Allah di dalam hati. Sehingga mampu menyembunyi dan menghapuskan zikir itu. Inilah intipati yang dicari.

Perkara ini hanya akan tercapai dengan tidak menoleh kepada zikir ataupun hati, akan tetapi *fana'* iaitu tenggelam secara menyeluruh. Sehinggakan jika di dalam proses tersebut muncul kembali perhatian kepada zikir, maka ianya adalah suatu penghalang kepada gerakerja *fana'*.

Inilah yang disebut oleh golongan *'Arifin* sebagai *fana'* iaitu tenggelam secara menyeluruh. Sehinggakan dia tidak merasakan sesuatu daripada anggota-anggota tubuhnya, dan dia tidak merasakan perkara-perkara di luar dirinya. Bahkan dia lenyap daripada semua itu dan semua itupun lenyap dari dirinya dan ia pergi menuju Tuhannya.

Jika terlintas baginya di tengah-tengah proses itu bahawa dia *fana'* dari dirinya secara menyeluruh, maka hal sedemikian juga adalah satu kekotoran dan kekerohan.

Akan tetapi yang sempurna adalah *fana'* dari dirinya dan juga dari juga *fana'* dari ke*fana'*an. Sesungguhnya *fana'* dari ke*fana'*an merupakan kemuncak *fana'*.

Kadangkala disangka oleh ahli fiqh[36] sebagai bencana yang tidak masuk aqal. Perkara yang sebenarnya

---

[36] Dalam membahaskan usul zikir dan di beberapa tempat lain, Imam Al-Ghazali banyak mengkritik golongan "ahli feqh semata-

tidaklah begitu. Bahkan keadaan mereka terhadap kekasihnya ini, dalam banyak keadaan adalah sama seperti keadaanmu terhadap apa yang kami cintai. Seperti pangkat, harta atau kekasih.

Sesungguhnya, keadaan kamu juga boleh tenggelam di dalam lamunan disebabkan oleh kemarahan yang dahsyat kerana mengingati musuhmu.
Begitu dahsyatnya kamu hanya memikirkan apa yang kamu suka dan mahukan, sehinggakan bagimu tidak ada lagi ruang bagi sesuatu yang lain sama sekali.
Kamu diajak untuk berbincang, namun kamu tidak dapat menanggapinya lagi oleh kerana permusuhanmu. Sehinggakan orang lain melintasimu, namun kamu seakan tidak dapat melihatnya, padahal kedua belah matamu terbuka.
Ada yang berbicara di sisimu, namun tidak mampu kamu dengari, padahal telingamu tidaklah tuli. Ketika tenggelam di dalam lamunan kemarahan tersebut, kamu lupa dari segala sesuatu dan lupa bahawa kamu sedang tenggelam dalam lamunan kemarahan.

Sesungguhnya orang yang sedang menumpukan perhatian kepada ketenggelamannya, bererti dia tidak akan mengambil kisah dengan orang lain yang sedang tenggelam.

---

mata”. Yang tidak meletakkan sentuhan tasauf dan kerohanian di dalam pandangan dan fatwa mereka.

Mereka menamakan keadaan ini dengan “ *fana’* ”, walaupun seseorang dan bayangannya masih ada. Kerana sesungguhnya seseorang dan bayangannya, bahkan semua kewujudan yang dapat ditangkap oleh pancaindera, tidak memiliki wujud *Hakiki*.

Wujud yang *Hakiki* hanya ada di alam *“amr”* iaitu alam urusan Allah S.W.T. dan alam *Malakut*. Hati berada di alam *“amr” .*

Firman Allah S.W.T..

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِ ۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja".

Surah al-Isra’ ayat 85.

Adapun hati dalam dalam bentuk fizikal adalah dari Alam *Khalq* iaitu alam kejadian (alam fizik). Yang dimaksudkan dengan *al-Qalbu Al-Lathifiyyah* ini ialah hati spiritual yang berkemampuan untuk mengetahui, mengingati dan menanggapi cahaya ketuhanan.

Dan ianya pasti bukan hati *lahiriah* iaitu hati yang zahir, yang berada di alam kejadian. Hati ini tidak berkemampuan untuk menanggapi. Namun jangan pula

difahami sebagai *qadim*nya Roh dan baharunya hati, bahkan kedua-duanya adalah baharu. Yang dimaksudkan dengan alam *khalq* adalah yang dilingkupi oleh ruang dan kuasa, iaitu yang bersifat fizikal. Yang dimaksudkan dengan alam *amr* ialah alam yang tidak dapat ditembusi oleh ukuran.

Alam fizik tidak mempunyai wujud yang *Hakiki*. Akan tetapi hubungannya dengan alam itu adalah seperti bayangan dari tubuh manusia. Bayangan manusia bukanlah hakikat dari manusia itu sendiri. Seseorang tidaklah mempunyai hakikat wujud, akan tetapi ia adalah bayangan hakikat. Namun semuanya adalah termasuk ciptaan Allah S.W.T..

Firman Allah S.W.T. ;

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَظِلَٰلُهُم بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْآصَالِ ۩ ﴿١٥﴾

Dan kepada Allah jualah sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk menurut, sama ada dengan sukarela atau dengan terpaksa; dan (demikian juga) bayang-bayang mereka; pada waktu pagi dan petang.

Surah ar-Ra'du ayat 15.

Sujudnya alam *amr* kepada Allah S.W.T. adalah dengan kemahuan sendiri, sedangkan sujudnya bayangan adalah terpaksa. Dibawahnya ada suatu rahsia bahkan

ada banyak rahsia. Permulaannya bergerak seperti orang-orang gila dan bodoh, lebih-lebih lagi pada akhirnya. Maka hendaklah kita melaluinya.

Sesungguhnya kami telah memberitahumu pemahaman tentang apa yang dimaksudkan oleh kaum sufi mengenai *fana'*. Oleh itu, jauhilah sikap *ghibah* (mengumpat) dan pendustaan terhadap apa yang belum kamu mengetahuinya dengan sempurna.

Sebagaimana firman Allah S.W.T. ;

بَلۡ كَذَّبُواْ بِمَا لَمۡ يُحِيطُواْ بِعِلۡمِهِۦ وَلَمَّا يَأۡتِهِمۡ تَأۡوِيلُهُۥۚ

Bahkan mereka pula terburu-buru mendustakan Al-Quran yang fahaman mereka tidak dapat meliputi segala isi pengetahuannya, ..

Surah Yunus ayat 15

Firman Allah S.W.T. ;

وَإِذۡ لَمۡ يَهۡتَدُواْ بِهِۦ فَسَيَقُولُونَ هَٰذَآ إِفۡكٞ قَدِيمٞ ١١

Dan setelah mereka tidak dapat menerima petunjuk Al-Quran itu, (Mereka memusuhinya) lalu mereka mencacinya dengan berkata: "Al-Quran ini ialah rekaan dusta yang sudah lama".

Surah al-Ahqaaf ayat 11

Maka apabila kamu dapat memahami *fana'* dalam apa yang disebutkan, maka ketahuilah, bahawa ia

merupakan awal jalan menuju ke syurga Allah S.W.T.. Sesungguhnya hidayat itu diperolehi selepas itu. Yang dimaksudkan dengan hidayat itu adalah petunjuk Allah. Sebagaimana yang ditunjukkan oleh Ibrahim Khalilullah ;

وَقَالَ إِنِّي ذَاهِبٌ إِلَىٰ رَبِّي سَيَهْدِينِ ﴿٩٩﴾

Dan Nabi Ibrahim pula berkata: "Aku hendak (meninggalkan kamu) pergi kepada Tuhanku, ia akan memberiku petunjuk (ke jalan yang benar).

Surah as Shaffat ayat 99.

Maka urusan yang pertama ialah pergi menuju Allah, kemudiannya pergi (menerokai) di dalam (kenikmatan *fana'* kepada) Allah. Itulah *fana'* dan tenggelam dengannya.

Tetapi, tenggelam ini jika kali pertama berlaku ianya seperti kilat yang menyambar. Sedikit sahaja orang yang tetap dan terus menerus seperti itu. Namun apabila keadaan ini terjadi secara terus-menerus, maka ianya menjadi kebiasaan yang menghunjam dan keadaan yang semakin mantap.

Ia akan naik menuju alam yang lebih tinggi dan menyaksikan wujud yang *Hakiki* dan jernih. Tercetak

baginya gambaran alam *Malakut* dan tersingkap baginya kesucian *lahut.*[37]

Perkara pertama yang tergambar daripada alam ini ialah kewujudan para malaikat, roh para Nabi dan *awlia'* dalam rupa yang indah. Dengan perantaraan itu, terpancar baginya sebahagian hakikat. Itu terjadi pada permulaannya, sehingga naik menuju darjat yang lebih tinggi daripada sekadar gambaran. Kemudian ia menemui hakikat kebenaran yang jelas dalam segala sesuatu.

Apabila ia kembali ke alam semua ini yang seperti bayangan, dia memandang makhluk dengan pandangan kasihan kepadanya kerana terhalang mereka dari memandang keindahan tempat yang suci. Dia juga hairan kepada mereka yang cukup puas hanya dengan bayangan, dan keterpedayaan mereka dengan alam *ghurur* dan alam khayal. Bayangannya hadir bersama mereka, namun hatinya tidak bersama mereka. Ia hairan dengan kewujudan mereka. Sebaliknya, mereka hairan dengan keghaibannya.

Ini merupakan hasil usaha daripada isi zikir. Permulaannya adalah zikir lisan, kemudian zikir hati dengan segala kepayahannya menghadirkan hati,

---

[37] *Lahut* bermakna uluhiyyah iaitu ketuhanan. Pengetahuan mengenai *Lahut* ialah pengetahuan tentang pengkajian terhadap perkara-perkara aqidah yang berkaitan dengan Allah Taala.

kemudian zikir hati dengan kebiasaan (setelah hilang segala kepayahan dengan kebiasaan) kemudian penguasaan objek zikir dan terhapusnya zikir.

Perkara ini merupakan rahsia sabda Nabi S.A.W.. :

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يَرْتَعَ فِي رِيَاضِ الْجَنَّةِ فَلْيُكْثِرْ ذِكْرَ اللهِ عز وجل

Barangsiapa yang menginginkan hidup mewah di taman-taman syurga, maka hendaklah ia memperbanyakkan berzikir kepada Allah S.W.T.. Dikeluarkan oleh Ibn Abi Syaibah dan At-Tabaraniy daripada hadis Muaz. Namun ada hadis yang hampir sama yang diriwayatkan oleh At-Tirmizi dengan taraf hadisnya Hasan Gharib.

Bahkan rahsia sabdanya;

يُفَضِّلُ الذِّكْرُ الْخَفِيُّ عَلَى الذِّكْرِ الذي تَسْمَعُهُ الْحَفَظَةُ سَبْعِيْنَ ضِعْفًا

Zikir khafiyy (yang tersembunyi) mengungguli zikir yang didengar oleh Hafazah [38] sebanyak tujuh puluh kali ganda. Hadis ini dikeluarkan oleh Al-Baihaqiy di dalam Syu'ab Al-Iman.

Maka, ketahuilah bahawa setiap zikir yang dirasakan dalam hatimu, didengari pula oleh Hafazah. Sesungguhnya perasaan mereka beriringan dengan perasaanmu. Di dalamnya terdapat rahsia, sehingga saat zikirmu hilang dari perasaanmu dengan

---

[38] Hafazah ialah malaikat Hafazah yang mencatit setiap amalan.

kepergianmu ke dalam objek zikir secara menyeluruh, maka zikirmu hilang daripada perasaan Hafazah. Selama hati merasakan zikir dan menoleh kepadanya, maka ia berpaling dari Allah S.W.T.. Dan tidak terlepas dari syirik *khafiyy* sehingga ia tenggelam dalam (*fana'* kepada) Allah S.W.T. semata-mata.

Itulah tauhid dan pandangan dalam makrifah. Barangsiapa yang mendalami makrifah untuk mendapatkan makrifat, sesungguhnya ia telah berpegang kepada yang kedua. Barangsiapa yang menemuinya, ia seperti tidak menemuinya, tetapi menemui apa yang diketahuinya.

Maka dialah yang mantap dengan hakikat *wisal* (sampai kepada Allah S.W.T.) dan menempati kehidupan yang nikmat di sisi Allah S.W.T.. Apabila kamu menyatakan "mengapa penyingkapan ini dikhususkan pada waktu *fana'* ?". maka, ketahuilah penjelasan akan hal ini panjang dan di dalamnya terdapat banyak pendapat.

Apabila kamu renungi, semua itu tidak terlepas dari keberadaan indera dan godaan nafsu serta syahwatnya, yang menarik ke alam fizik ini. Iaitu alam kepalsuan dan tipudaya. Oleh itu kebenaran *Hakiki* akan tersingkap saat tibanya kematian, disebabkan hilangnya kemampuan pancaindera dan fantasi-fantasi yang cenderung menghadapkan hati ke alam rendah ini.

Apabila dominasi indera hilang saat tidur, maka dinampakkan kepadamu sesuatu yang bersifat *ghaib* sesuai dengan kadar persediaan, penerimaan dan kehendakmu. Akan tetapi, itu dalam bentuk gambaran yang memerlukan ta'bir mimpi.

Menurutku, kamu tidak akan melihat melainkan mimpi yang benar dari jiwamu, yang dengannya kamu boleh menanggapi sesuatu yang akan terjadi. Akan tetapi oleh kerana daya khayal tetap bekerja di dalam tidur meskipun semua indera sedang beristirehat. Kerananya, pandangan menjadi lemah dan tidak terlepas daripada gambaran-gambaran yang kacau.

Adapun *fana'*, ia adalah gambaran dari keadaan di mana inderamu diam dan tidak bekerja. Khayalan tenang di saat itu dan tidak mengacau. Apabila kamu tetap di dalam khayalan yang mendominasi, maka itu tidak akan memberi pengaruh apa-apa, kecuali sekadar pantulan dari apa yang dijelmakan dari alam *Quds* (suci), sehingga tergambar para Anbia', malaikat dan arwah dalam bentuk imaginasi.

Ini adalah perkara-perkara yang perlu kuingatkan kepadamu agar usah kamu rindu untuk menjadi orang yang merasakannya (*fana'*). Apabila kamu tidak dapat merasakannya, maka paling tidak, rindulah kamu untuk termasuk orang-orang yang mengetahuinya. Bila kamu bukan termasuk dikalangan orang yang mengetahuinya,

maka paling tidak kamu termasuk orang yang mempercayainya.

Firman Allah S.W.T.. ;

يَرۡفَعِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمۡ وَٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ دَرَجَٰتٖۚ

Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat.

Surah al-Mujaadilah ayat 11.

Janganlah sekali-kali kamu termasuk di kalangan orang yang mengingkarinya sehingga kamu ditimpa azab yang dahsyat, ketika disingkapkan dengan sebenar-benarnya saat kedatangan sakaratul maut yang kamu selalu lari darinya. Dikatakan kepadamu ;

لَّقَدۡ كُنتَ فِي غَفۡلَةٖ مِّنۡ هَٰذَا فَكَشَفۡنَا عَنكَ غِطَآءَكَ فَبَصَرُكَ

ٱلۡيَوۡمَ حَدِيدٞ ٢٢

(serta dikatakan kepadanya): "Demi sesungguhnya! Engkau di dunia dahulu berada dalam keadaan lalai tentang (perkara hari) ini, maka Kami hapuskan kelalaian yang menyelubungimu itu, lalu pandanganmu pada hari ini menjadi tajam (dapat menyaksikan dengan jelasnya perkara-perkara hari akhirat)".

Surah Qaaf ayat 22.

Ketahuilah bahawa, “percaya”, “mengetahui” dan “merasakan”, merupakan tiga tahap yang saling berjauhan.

Sesungguhnya orang yang “mati pucuk” misalnya, percaya akan adanya nafsu pada lelaki lain untuk melakukan hubungan dengan lawan jenisnya. Ia menerima kenyataan tersebut yang datang daripada orang yang diduga baik dan tidak menuduhnya berdusta. Itulah yang disebut sebagai “percaya”.

Jika dia mengetahui adanya nafsu itu pada lelaki lain berdasarkan bukti, maka ini disebut sebagai “mengetahui”. Kaedah pembuktiannya adalah dengan qiyas, iaitu membandingkan dengan nafsunya terhadap makanan misalnya yang mampu dinikmati berbanding nafsu bersenggama. Semua itu jauh untuk menemui hakikat syahwat pada diri seorang yang mati pucuk.

Begitu juga dengan penyakit, orang biasa yang sihat mengetahuinya dan mempercayainya. Doktor yang sihat mengetahuinya dan mempercayainya. Doktor yang sihat mengetahuinya dengan bukti dan itulah pengetahuan. Sesiapa pun yang belum ditimpa sakit, maka dia belum dapat merasakannya.

Demikianlah dengan ungkapan *fana’* dalam bertauhid. Perasaan adalah penyaksian (*musyahadah*), pengetahuan pula adalah analogi (*qiyas*) dan iman

adalah menerima dengan berbaik sangka serta menjauhi tuduhan.

Maka berusahalah untuk menjadi ahli *musyahadah*. Ini kerana berita tidak sama dengan menyaksikan sendiri dengan mata kepala.

Apabila kamu telah menyatakan “sungguh, aku telah mengagungkan perkara yang melibatkan zikir, akan tetapi, apakah ia lebih utama daripada membaca Al-Quran atau sebaliknya?”
Ketahuilah, bahawa dengan membaca Al-Quran itu lebih utama bagi semua makhluk, kecuali orang yang pergi menuju Allah S.W.T..
Membaca Al-Quran lebih utama bagi orang-orang yang pergi menuju Allah S.W.T.. dalam semua keadaan permulaannya dan sebahagian keadaan akhirnya. Sesungguhnya Al-Quran mencukupi semua bahagian makrifat, keadaan dan petunjuk menuju jalan Allah S.W.T. Selama seseorang memerlukan untuk mendidik akhlak dan meraih pengetahuan-pengetahuan, maka Al-Quran lebih utama baginya.

Apabila seseorang telah melangkaui keadaan itu dan zikir telah menguasai hatinya, sehingga membuatkannya “tenggelam”, maka mengamalkan zikir adalah lebih utama baginya. Ini adalah kerana Al-Quran menarik jiwa dan memudahkannya untuk mendiami taman-taman syurga. Sementara itu, seseorang murid yang sedang pergi menuju Allah S.W.T. tidak layak untuk menoleh ke

syurga dan taman-tamannya. Akan tetapi dia mesti menjadikan cita-citanya itu satu, zikirnya dengan zikir yang satu, sehingga mendapatkan kedudukan *fana'* dan keasyikan.

Allah S.W.T. berfirman ;

وَلَذِكْرُ ٱللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

dan Sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Surah Al-Ankabuut ayat 45.

Begitu juga bagi orang yang berhenti pada kedudukan keasyikan, tidak lalai dan mantap pada kedudukan itu. Maka apabila dia dikembalikan kepada jiwanya sendiri, membaca Al-Quran sungguh bermanfaat buatnya. Ini keadaan yang mulia dan jarang. Bagai belerang merah, banyak dibincangkan namun tidak pernah ditemui. Maka membaca Al-Quran merupakan suatu yang lebih utama secara mutlak. Sesungguhnya ia lebih utama dalam setiap keadaan, kecuali bagi orang yang disibukkan oleh (Allah)Yang Berfirman.

Inti dari Al-Quran adalah pengetahuan Yang Berfirman tentang Al-Quran dan pengetahuan tentang keindahan-Nya serta asyik tenggelam dengan-Nya. Al-Quran menjadi pengemudi dan penunjuk arahnya. Namun

barangsiapa yang mengutamakan tujuan, maka tidak akan menoleh pada jalan.

Apabila kamu bertanya “Zikir apakah yang paling utama?” Maka ketahuilah bahawa yang paling utama, sebagaimana yang telah kami sebutkan, iaitu apabila saat zikir menguasai hati. Ia merupakan sesuatu yang satu, tidak ada yang berbilang di dalamnya, sehingga dipilih sebagai yang paling utama.

Hal ini merupakan inti kepada segala kemajmukan dan tauhid. Perbezaan dan kemajmukan terjadi sebelum itu. Itu terjadi selama kamu masih dalam makam zikir dengan lisan dan hati. Pada saat ini, zikir kadangkala terbahagi kepada yang paling utama dan yang kurang utama. Keutamaannya adalah berdasarkan dengan sifat-sifat yang boleh dipetik dari zikir-zikir itu.

Sifat-sifat dan nama-nama yang berkaitan dengan Allah S.W.T. terbahagi kepada :

1. Sifat yang *Hakiki* pada hamba lalu ditakwilkan terhadap Allah S.W.T., seperti sifat sabar, syukur, penyayang dan pembalas.
2. Sifat yang *Hakiki* pada Allah S.W.T., dan apabila digunakan untuk selain-Nya, maka maksudnya adalah kiasan.

Diantara zikir-zikir yang paling utama adalah :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الحيُّ الْقَيُّوْم

Maksudnya, *Tiada Tuhan kecuali Allah Yang Maha Hidup dan Maha Berdiri Sendiri.*

Sebab di dalamnya terdapat nama Allah Yang Maha Agung.

Nabi S.A.W. Bersabda:

اسْمُ اللَّهِ الأَعْظَمُ فِي أية الكرسي و أول آلِ عِمْرَانَ

Nama Allah Yang Maha Agung terdapat di dalam Ayatul Kursiy dan awal Surah Aali Imran. Hadis riwayat Ibnu Majah dan At-Tirmizi.

Namun ia tidak bergandingan kecuali di dalam zikir ini. Ianya juga mengandungi rahsia yang penyebutannya samar dari pemahamanmu. Ukuran yang mungkin merumuskannya adalah perkataanmu ;

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

La ilaha illallah,- tiada tuhan melainkan Allah.

Perkataan ini menyedarkanmu tentang tauhid. Makna keEsaan dalam zat dan ketuhanan adalah *Hakiki* bagi Allah S.W.T. dan bukan hasil pentakwilan. Akan tetapi, untuk selain-Nya ia merupakan kiasan dan ditakwilkan.

Demikian pula dengan erti *Al-Hayy* (Yang Maha Hidup) iaitu yang merasakan dan mengetahui Diri-Nya Sendiri. Sedangkan yang mati adalah yang menyedari zatnya.

Makna ini adalah *Hakiki* bagi Allah S.W.T. dan tidak ditakwilkan.

Yang Maha Berdiri Sendiri (*Al-Qayyum*), yang merasakan kewujudan-Nya berdiri sendiri dengan zatnya. Dan segala sesuatu berdiri tegak. Dan segala sesuatu tegak kerana-Nya. Inipun *Hakiki* bagi Allah S.W.T.., tidak ditakwilkan serta tidak ditemui terhadap lainnya.

Adapun sifat-sifat yang lain berupa nama-nama yang menunjukkan kepada perbuatan, seperti Maha Penyayang, Maha Adil dan yang lainnya, maka hal ini tidak menunjukkan pada sifat-sifat, sebab sumber perbuatan adalah sifat. Sifat itu yang asal, sedangkan perbuatan adalah mengikut.

Sifat-sifat lain yang menunjukkan kuasa, ilmu, kehendak, berfirman, mendengar dan melihat, maka hal itu termasuk yang dipandang bahawa yang mutlak ada pada Allah S.W.T. dan difahami dari zahirnya.

Betapa jauhnya! Sesungguhnya yang difahami dari zahirnya adalah perkara yang berhubung dengan sifat-sifat, ucapan, kemampuan, pengetahuan, pendengaran dan pandangan manusia. Padahal sifat-sifat itu memiliki hakikat-hakikat yang mustahil ada pada manusia. Maka diambil kesimpulan daripada nama ini dalam bentuk takwil.

Ini mengingatkanmu akan kekhususan kalimat ini yang dimuatkan oleh pemahamanmu terhadap kedudukannya sebagai nama ”yang paling agung” dan mendekatkan perkataanmu :

سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُلِلهِ وَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَ اللهُ اَكْبَرْ

Pada hakikatnya, kalimah “*Subhanallah*” adalah untuk menyucikan dan hal ini bersifat *Hakiki* bagi-Nya. Sebab kesucian yang *Hakiki* hanyalah milik Allah S.W.T.

Perkataanmu “*Alhamdulillah*” menyandarkanmu bahawa segala kenikmatan berasal dari-Nya. Inipun *Hakiki*. Sebab, Dia-lah semata-mata Yang Esa dalam perbuatan dengan keesaan yang *Hakiki* tanpa takwil. Dia semata-mata – Maha Suci dan Maha Tinggi – yang berhak mendapat pujian, kerana tidak ada satupun sekutu bersama-Nya dalam perbuataan-Nya, sebagaimana tiada sekutu bagi pena bersama penulis dalam hak untuk mendapat pujian saat bagusnya tulisan.

Ketahuilah bahawa segala sesuatu selain-Nya yang kamu anggap sebagai sumber kenikmatan, maka Dialah yang menundukkannya, seperti pena. Hal ini merupakan perumpamaan yang menyandarkanmu atas kesendirianNya dalam hak untuk mendapat pujian.

Perkataanmu “*La Ilaha Illallah*” maksudnya Tiada Tuhan Melainkan Allah. Sungguh telah kamu ketahui ia merupakan tauhid yang *Hakiki*.

Perkataanmu “*Allahu Akbar*” – Allah Maha Besar, maknanya bukanlah Dia lebih besar dari selain-Nya, sebab tiada yang bersama-Nya selain-Nya sehingga dikatakan lebih besar daripadanya. Bahkan, segala sesuatu selain-Nya adalah cahaya dari cahaya-cahaya kekuasaan-Nya. Namun cahaya matahari bersama matahari tidaklah dalam kedudukan bersamanya. Namun dikatakan: “Sesungguhnya ia lebih besar darinya” akan tetapi, ia berkedudukan sebagai akibat.

Maknanya ialah Allah S.W.T. lebih besar untuk dapat dicapai dengan pancaindera atau ditangkap keagungannya dengan akal dan analogi. Bahkan ia lebih besar untuk dicapai hakikat keagunganNya oleh yang lain. Ianya lebih besar untuk diketahui oleh yang selain-Nya. Sesungguhnya tidaklah mengetahui Allah melainkan Allah.
Sesungguhnya puncak pengetahuan hamba-Nya adalah saat mereka menyedari bahawa mustahil bagi mereka mengetahui hakikat Allah. Juga tidak akan mengetahui kesempurnaan-Nya, kecuali para *Anbia’* dan *Siddiqin*.

Adapun bagi Nabi, maka Baginda mengungkapkan dengan sabdanya:

لَا أُحْصِى ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَماَ أَثْنَيْتَ عَلىَ نَفْسِكَ

“Engkau tidak akan dapat mencapai pujian kepada-Mu. Engkau sebagaimana engkau memuji terhadap diri-Mu.” Hadis riwayat Muslim.

Adapun *Siddiqin*, dia berkata, “Kesedaran akan tidak mampu untuk mencapai pemahaman, adalah pemahaman itu sendiri”.

Apabila kamu menginginkan penjelasan lebih lanjut tentang makna ini dan kamu mengingkari perkataanku. “Tidak ada yang mengetahui tentang Allah melainkan Allah” maka carilah pengetahuan hakikatnya dengan penjelasan daripada kitab a*l-Maqsad al-Asna fi Ma’ani Asma’illah al-Husna.* [39] Maka dengan ini cukuplah pengantar kepada rahsia-rahsia dan keutamaan zikir.

.

[39] Al-Ghazali membahaskan al-Asma’ al-Husna dengan menulis kitab *al-Maqsad al-Asna fi Ma’ani Asma’illah al-Husna* yang membicarakan sifat rububiyyah Allah S.W.T. Al-Ghazali menulis kitab ini ketika beliau berada dalam fasa pengasingan diri setelah selesai menulis kitab *Ihya’* dan sebelum beliau menulis kitab *al-Munqidh min al-Dalal.* Kitab ini sebagai karya ilmiah yang ditulis dalam tempoh masa pengasingan diri al-Ghazali iaitu di antara tahun 488H -499H / 1095M -1106M.Kitab ini membahaskan tema aqidah di samping perbahasan akhlak dan tasauf. Perbahasan ilmu akidah merangkumi wacana ketuhanan *(al-ilahiyyat),* kenabian *(al-nabawiyyat)* dan perkara ghaib *(al-sam‘iyyat).* lihat *al-Maqsad al-Asna Sebagai Karya Aqidah al-Ghazali,* Mohd Hasrul Shuhari dan Mohd Fauzi Hamat, Jurnal Afkar 15 (2014), Universiti Malaya.

Asas Ketujuh
MENCARI
YANG HALAL

Asas Ketujuh
MENCARI YANG HALAL

Usul Ketujuh : Mencari Yang Halal

Firman Allah S.W.T. :

كُلُوا۟ مِنَ ٱلطَّيِّبَـٰتِ وَٱعْمَلُوا۟ صَـٰلِحًا ۖ

Maksudnya : "*Makanlah makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amal yang soleh*."

surah al-Mu'minun ayat 51

Dan haram itu adalah suatu yang kotor dan tidak baik. Sesungguhnya Allah mengiringi perintah makan makanan yang baik-baik dengan perintah melakukan ibadat.

Dan Nabi S.A.W. bersabda :

طَلَبُ الْحَلاَلِ فَرِيضَةٌ عَلَىَ كُلِّ مُسْلِمٍ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ

Maksudnya : "*Mencari yang halal adalah suatu kewajipan ke atas setiap orang Islam selepas kewajipan*

yang lain.” Hadis dikeluarkan oleh al-Tabarani dan Baihaqi daripada hadis Ibnu Mas’ud. Berkata al-Haithami : sanadnya hasan. Maksud selepas kewajipan yang lain itu ialah selepas kewajipan iman dan solat.

Sabda Rasulullah S.A.W.;

مَنْ اَكَلَ الْحَلاَل أَرْبَعِيْنَ يَوْمًا نَوَّرَ اللهُ قَلْبَهُ, وَ أَجْرَى يَنَابِيْعَ الْحِكْمَةَ مِنْ قَلْبِهِ عَلَى لِسَانِهِ

Sesiapa yang memakan makanan halal selama 40 hari, maka Allah akan memberikan cahaya ke atas hatinya. Dan akan mengalirkan sumber-sumber hikmah dari hati ke lidahnya. Hadis yang hampir sama diriwayatkan oleh Abu Nu’im di dalam *Hilyatul Awlia’*.

Terdapat juga di dalam riwayat yang lain yang menyatakan “Allah S.W.T. akan membuatnya zuhud terhadap dunia”.

Begitu juga dengan hadis yang lain “Sesungguhnya Allah S.W.T. menugaskan malaikat di Baitul Maqdis, dia menyeru pada setiap malam, *Sesiapa yang makan makanan yang haram, maka tidak akan pernah diterima darinya ibadah-ibadah fardhu dan ibadah-ibadah sunat*”.

Nabi S.A.W. bersabda ;

مَنِ اشْتَرَى ثَوْبًا بِعَشَرَةِ دَرَاهِمَ وَفِي ثَوْبِهِ دِرْهَمٌ مِنْ حَرَامٍ لَا يَقْبَلُ اللهُ لَهُ صَلَاةً مَا دَامَ عَلَيْهِ مِنْهُ شَيْءٌ

Orang yang membeli baju dengan harga sepuluh dirham yang di antara sejumlah wang tersebut terdapat satu dirham yang haram, maka Allah tidak akan menerima solatnya selama dia memakainya untuk solat” hadis riwayat Imam Ahmad dari Ibn Umar.

Abdullah bin Umar berkata “*sekiranya kamu bersolat sehingga menjadi bongkok seperti busur dan berpuasa sehingga kurus seperti tali busur, maka Allah tidak akan menerima semua itu dari kamu, kecuali dengan kewarakan yang menjadi pemisah*”

Beliau juga menyatakan “*setiap ibadah dengan diiringi dengan memakan makanan yang haram, seumpama bangunan yang berada di atas kotoran binatang*”.

Makanan Yang Baik Berkait Dengan Hati Yang Bersih

Ketahuilah bahawa makanan yang baik mempunyai keistimewaan yang besar dalam membersihkan dan menerangi hati, serta menguatkan persediaan untuk menerima cahaya makrifat. Ia juga memiliki rahsia yang tidak muat untuk dijelaskan oleh buku ini. Namun, kamu mesti mengetahui bahawa tahap *warak* itu ada empat ;

Pertama ; Ketiadaan *warak* menyebabkan kefasikan
Iaitu *warak* yang apabila ia hancur menyebabkan kefasikan. Apabila ia tiada, keadilan akan hilang. Inilah

warak terhadap perkara-perkara yang diharamkan oleh fatwa para ahli fiqh.

Kedua ; *Warak*nya orang-orang soleh.
Iaitu berhati-hati terhadap sesuatu perkara yang mengandungi keharaman. Meskipun difatwakan hal tersebut halal berdasarkan *lahiriah*-nya. Inilah yang dimaksudkan oleh Rasulullah S.A.W.

دَعْ مَا يُرِيْبُكَ اِلَى مَا لاَ يُرِيبُكَ

"*Tinggalkanlah perkara yang membuatkanmu ragu-ragu dan beralihlah kepada perkara yang tidak membuatkanmu ragu*". Hadis riwayat Ahmad, Ibn Hibban dan Tirmizi serta menghukumkannya sahih.

Ketiga; *Warak* orang-orang yang bertaqwa.
Nabi S.A.W. bersabda

لاَ يَبْلُغُ عَبْدُ دَرَجَةَ الْمُتَّقِيَنَ حَتَّى يُتْرَكَ مَا لاَ بَأْسَ بِهِ حَذْرًا وَمُخَافَةً مِمَّا بِهِ بَأْسَ

"*Seorang hamba belumlah mencapai tahap taqwa sehinggalah dia meninggalkan sesuatu yang dibenarkan kerana kewaspadaan dan kekhuatiran terhadap perkara yang dilarang".* Hadis riwayat Al-Hakim dan Tirmizi serta beliau menyatakan hadis ini Hasan Gharieb.

Saidina Umar R.A. berkata "*Kami biasa meninggalkan sembilan persepuluh perkara yang halal kerana khuatir jatuh kepada perkara yang haram*"

Berdasarkan hal ini, saya bukan sebahagian mereka, jika memiliki seratus *dirham*, maka berasa cukup puas dengan Sembilan puluh Sembilan *dirham*. Satu *dirham* ditinggalkan sebagai penghalang antara dia dan neraka kerana takut berlebihan.

Saya juga bukan sebahagian mereka, yang mengambil bahagiannya dengan jumlah yang dikurangkan dan memberi sesuatu dengan jumlah yang ditambah.

Oleh kerana itu, Umar Bin Abdul Aziz R.A. menutup hidungnya kerana khuatir mencium minyak wangi milik Baitul Mal yang sedang ditukar di hadapannya, seraya berkata, “*Bukankah minyak wangi hanya dimanfaatkan baunya*?”.

Dengan demikian, seseorang mestilah bersikap *warak* terhadap perhiasan dan terhadap makanan yang disukai kerana khuatir jiwa akan kalah dan akan menyeretnya pada nafsu yang terlarang. Oleh itu, tinggalkanlah melihat kemewahan pencinta dunia kerana hal hal itu dapat menggerakkan faktor-faktor kecintaan pada dunia.

Allah S.W.T. berfirman ;

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيۡنَيۡكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعۡنَا بِهِۦٓ أَزۡوَٰجٗا مِّنۡهُمۡ زَهۡرَةَ ٱلۡحَيَوٰةِ

ٱلدُّنۡيَا لِنَفۡتِنَهُمۡ فِيهِۚ

Dan janganlah Engkau menujukan pandangan kedua matamu dengan keinginan kepada apa yang telah Kami berikan kepada beberapa golongan dari mereka yang kafir itu menikmatinya, yang merupakan keindahan kehidupan dunia ini, untuk Kami menguji mereka padanya.

Surah Tahaa ayat 131.

Dengan demikian, Nabi Isa a.s. berkata : "*Janganlah kamu memandang kepada harta-harta pencinta dunia, kerana gemerlapan kilauan harta mereka akan menghilangkan kemanisan iman kamu*!"

Demikian juga pesanan para salaf : "*Siapa yang bajunya halus, maka agamanya nipis!*".

Maka, yang halal itu adalah suatu pencegahan dari orang yang baik terhadap setiap yang harta yang halal sehingga dapat menjauhkanmu daripada apa yang dikhuatirkan ini, padahal sebenarnya apa yang ditakutkan(dari perkara haram) itu tidak ada.

Keempat ; *Warak* orang-orang yang *Siddiq*.

Iaitu kekhuatiran terhadap segala makanan yang apabila dimakan tidak mendatangkan kekuatan untuk taat kepada Allah S.W.T.. Sebab, ia kadangkala mendatangkan sebahagian maksiat.

Mengenai hal ini dikisahkan bahawa Zun Nun Al-Misri pernah dipenjara dalam keadaan lapar. Kemudian

seorang wanita solehah mengirimkan makanan dari hartanya yang paling baik melalui pengawal penjara. Akan tetapi ia tidak mahu menjamah makanan tersebut. Dia mengemukakan alasannya, “Makanan itu mendatangiku melalui piring orang zalim” iaitu tangan si pengawal penjara.

Begitu juga dengan Bisyril Khafiy, beliau tidak mahu minum air dari sungai yang digali oleh para penguasa. Meskipun sebahagian(penguasa yang baik) mereka memadamkan pelita yang dinyalakan oleh pembantunya yang minyaknya diambil dari rumah orang yang zalim.[40] Diantara mereka, ada pula yang meminum suatu ubat, lalu berjalan mundar-mandir menuju ke arah isterinya, maka Bisyril berkata “*Jalan seperti ini tidak aku fahami arahnya, sementara aku perlu memuhasabah diri sendiri terhadap seluruh gerakanku(daripada mengikut keadaan kebanyakan penguasa*)”.

Darjat mereka yang diceritakan sebelum inilah yang paling lurus. Mereka merujuk firman Allah S.W.T. :

قُلِ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ ذَرۡهُمۡ فِي خَوۡضِهِمۡ يَلۡعَبُونَ ﴿٩١﴾

Katakanlah (kepada mereka yang ingkar): "Allah jualah (yang menurunkannya)", Kemudian, biarkanlah mereka leka bermain-main dalam kesesatannya.

Surah al-An’am ayat 91.

---

[40] Manakala sebahagian penguasa yang lain tidak mengambil kira perkara ini.

Mereka menganggap bahawa segala yang bukan untuk Allah S.W.T. adalah haram. Ini bukanlah yang kamu cari (ditakuti ketidakmampuan kita). Carilah penasihatmu. Maka bertahaplah dan bersungguh-sungguhlah untuk menghindari hal yang difatwakan keharusannya oleh para ahli fiqh dengan ke*warak*an yang seimbang.

Betul, kamu perlu menambah dua hal terhadap hal di atas.

Pertamanya, kamu mesti berhati-hati terhadap tempat-tempat penipuan mereka, dan janganlah pula kamu leka dari memerhatikan kata-kata mereka (ahli fiqh, contohnya) :
Siapa yang memberikan hartanya kepada isterinya pada akhir tahun (sebagai helah mengelak zakat), kemudian dia meminta kepada isterinya agar memberikan kembali hartanya tersebut, maka gugurlah kewajipan zakat dari keduanya.
Bahkan mereka sanggup memberikan fatwa bahawa penguasa tidak wajib berzakat kerana zahir penilaian ialah pemilikan, secara asasnya mereka benar. Tahap ahli fiqh dan fatwa mereka yang mengungkapkan sesuatu yang *lahiriah* sehingga kemudian mereka menetapkannya bebas dari zakat kerana gugurnya tuntutan dari petugas zakat.

Mereka juga menetapkan sahnya solat jika menghalang pembunuhan kepada penguasa ketika solat. Sebab,

mereka hanya memiliki undang-undang yang digunakan oleh penguasa dalam politik untuk mengatur masalah kehidupan duniawi yang merupakan salah satu persinggahan dalam perjalanan, seperti yang telah disebutkan.

Adapun kamu, jika kamu memandang hal yang bermanfaat untukmu pada hari esok di sisi Yang Maha Perkasa, Raja bagi segala raja, maka kamu jangan hiraukan ini. Ketahuilah bahawa maksud zakat ialah menghilangkan kotoran dari sifat kedekut kerana ia perosak. Sabda Rasululah S.A.W.:

ثَلَاثٌ مُهْلِكَاتٌ شُحٌّ مُطَاعٌ وَهَوًى مُتَّبَعٌ وَإِعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ

"*Ada tiga perosak iaitu rasa kedekut yang ditaati, keinginan yang dituruti dan rasa kagum seseorang terhadap dirinya sendiri*". Hadis ini dikeluarkan oleh Al-Bazzar, At-Thabraniy, Abu Nu'aim dan Al-Bayhaqi dengan sanad yang *dhaif*.

Sedangkan penghibahan harta zakat untuk menghindari zakat merupakan rasa kedekut yang ditaati, kerana ia ditaati dengan dipenuhi hal yang diinginkannya. Selama belum terjadinya ini, maka ia tidaklah ditaati. Maka, bagaimana hal itu boleh menjadi penyelamat?

Demikian pula orang yang berlaku buruk dalam pergaulan terhadap isteri sehingga isterinya itu membebaskannya dari pembayaran mahar. Maka, tidaklah halal mahar itu baginya antara dirinya dan Allah S.W.T., walaupun ahli fiqh memfatwakan gugurnya

kewajipan mahar dan sahnya ketidakharusan membayar mahar.

Allah S.W.T. berfirman :

وَءَاتُوا۟ ٱلنِّسَآءَ صَدُقَـٰتِهِنَّ نِحْلَةًۭ ۚ فَإِن طِبْنَ لَكُمْ عَن شَىْءٍۢ مِّنْهُ نَفْسًۭا فَكُلُوهُ هَنِيٓـًۭٔا مَّرِيٓـًۭٔا ﴿٤﴾

Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari mas kahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.

Surah an-Nisa' ayat 4.

Ini bukanlah kesenangan jiwa, tetapi kesenangan hati. Sementara ahli fiqh tidak membezakan dua hal tersebut kerana tujuan mereka hanya memutuskan sengketa yang nyata, tidak lain.

Berbekam dan menelan ubat yang tidak sedap rasanya bukanlah untuk mengubati jiwa, tetapi ia menyenangkan hati. Demikian pula segala yang tidak disukai oleh watak, tetapi diinginkan oleh akal yang hujungnya demi kesihatan badan. Ini permasalahan yang panjang. Intinya, kamu jangan menganggap halal kepunyaan

orang lain, kecuali dengan kerelaan yang utuh dan murni.

Semestinya kamu tidak makan dari hasil meminta-minta. Akan tetapi, jika kamu meminta, jangan sampai kamu minta kepada seseorang di hadapan orang ramai. Sebab, mungkin dia memberimu kerana malu. Tentu sahaja hal itu tidak disertai kerelaan. Sebab orang yang berasa malu lebih terpengaruh oleh rasa sedih kehilangan harta daripada pedihnya rasa malu. Tidak ada bezanya, kamu mengambil hartanya dengan memukul belakangnya dengan memakai “rotan fiqh”, atau kamu mengambilnya dengan memukul batinnya dengan rasa malu.

Semua merupakan desakan. Berhati-hati pula apabila dia memberimu hutang. Sebab, dia memberi hutang kepadamu kerana dia menduga bahawa kamu orang yang *warak* dan takwa sehingga kamu dapat makan dengan hutang tersebut.

Yang menjadi syarat kehalalannya ialah tidaklah boleh ada dalam batinmu sesuatu yang jika dinampakkan kepada si pemberi, nescaya dia membatalkan pemberiannya. Maka, tidak ada bezanya antara orang yang mengambil melalui perantaraan tasawuf dan takwa, padahal dia sendiri tidak memiliki batin yang bersifat demikian, dengan orang yang mengaku bahawa dia adalah seorang *Alawiy* (keturunan Rasulullah S.A.W.) untuk boleh diberi, padahal dia dusta. Semuanya haram

bagi orang yang memiliki ilmu, walaupun para ahli fiqh mengatakan halal atas dasar *lahiriah*.

Kedua, kamu mesti bertanya pada hatimu, walaupun mereka para ahli fiqh telah memberimu fatwa. Sebab, dosa itu adalah semua yang menyakitkan hati. Maka, yang membahayakanmu adalah yang bergejolak di hatimu. Rasulullah S.A.W. bersabda :

اسْتَفْتِ قَلْبَكَ وَإِنْ أَفْتَوْكَ

"*Mintalah fatwa pada hatimu, sekalipun orang ramai telah memberi fatwa kepadamu*" Hadis riwayat Bukhari dalam At-Tarikh dan Imam Ahmad.

Rahsia ini panjang sekali perbahasannya. Akan tetapi ketahuilah! Ringkasnya ialah berhati-hatilah atas sesuatu yang haram itu bererti menutupi hati dan mencari yang halal itu akan menerangi hati. Perkara itu muncul dari keyakinanmu, bukan dari sesuatu yang diyakini itu sendiri.

Maka, sesiapa yang menggauli isterinya dengan menyangka bahawa dia adalah wanita lain, lalu dia tahu itu adalah isterinya sendiri, maka akan timbullah kegelapan hati. Namun, jika dia menggauli wanita asing dengan menyangka wanita tersebut isterinya, kegelapan itu tidak akan muncul.

Demikian pula dalam perkara-perkara yang najis dan yang suci. Semuanya memiliki pengaruh dalam

menerangi hati, keinginan dan keyakinan. Kamu tidaklah diperintah untuk bersolat dengan baju yang bersih, tetapi kamu mesti bersolat dengan keyakinan bahawa baju kamu itu bersih. Berasa suci mempengaruhi bersinarnya hati, meskipun tidak sesuai dengan keadaan sebenarnya.

Oleh kerana itu, kami katakan bahawa bagi orang yang telah selesai mengerjakan solat, kemudian dia teringat bahawa ada sesuatu yang najis bersamanya, maka dia tidak wajib mengulanginya, menurut pendapat yang paling sahih. Sebab, Nabi S.A.W. pernah melepaskan kedua alas kakinya di tengah-tengah solat, iaitu ketika Jibril a.s. memberitahu kepada Baginda bahawa pada kedua alas kaki Baginda terdapat kotoran sementara Baginda tetap melanjutkan solat.

Maka, permasalahan ini menjadi berat bagi orang yang berpenyakit was-was kerana hatinya tidak berasa tenang dengan meyakini kesucian, maka dia harus melakukan pemeriksaan dan pengulangan. Mereka ini adalah orang-orang yang memberatkan diri mereka sendiri yang kemudiannya Allah S.W.T.. membuat mereka berat. Mereka binasa oleh was-was mereka. Seperti sabda Nabi S.A.W. :

هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ

"*Binasalah orang yang berlebih-lebihan*" hadis riwayat Muslim.

Demikian pula dalam masalah kehalalan. Kamu hanya beribadah dengan yang hatimu berasa tenang, bukan kerana fatwa seorang mufti. Mintalah fatwa pada hatimu sendiri!

Jangan sampai kamu memberat-beratkan diri sendiri dengan berkata:
"*Semua harta duniawi adalah haram, yang telah dikotori oleh tangan-tangan orang-orang yang zalim, dengan transaksi yang rosak. Oleh kerana itu, cukup bagi saya rumput kering dan kehidupan membujang atau saya boleh memakan semuanya dengan sebanyak-banyaknya. Saya tidak boleh memisahkan antara yang halal dan yang haram*".

Akan tetapi, ketahuilah dengan yakin bahawa yang halal itu sudah jelas dan yang haram itu juga sudah jelas. Yang terdapat antara kedua-duanya merupakan masalah *mutasyabihat* (kesamaran).

Perkara sedemikian pernah terjadi semasa zaman Rasulullah S.A.W. dan tetap akan terjadi sepanjang masa. Ambillah pelajaran daripada rahsia-rahsia yang telah kami ungkapkan. Sebab, kamu tidak menghamba kepada sesuatu yang halal pada dirinya, tetapi kepada yang halal dalam keyakinanmu. Kamu tidak mengenali sebab lahiriah untuk mengharamkannya.

Rasulullah S.A.W. pernah berwuduk dari air yang ada pada kantung bekalan milik orang musyrik dan Umar

R.A. juga pernah berwuduk dari tempayan milik orang Nasrani. Andaikan mereka haus, pasti mereka akan minum air dari bekas tersebut. Padahal, minum air najis itu haram. Akan tetapi, mereka menyertakan keyakinan akan kesuciannya dan mereka tidak meninggalkannya hanya kerana ragu-ragu bila ia najis.

Juga segala yang kamu peroleh dari tangan seseorang yang tidak diketahui keadaannya, maka kamu boleh membeli kepadanya dan memakan setiap jamuannya, atas dasar sangkaan yang baik terhadap seorang muslim. Sebab, pada dasarnya semua yang ada pada tangannya adalah halal, dan apa yang kamu peroleh dari tangan seseorang yang kamu kenali kesolehannya, maka itu lebih layak untuk kamu yakini bahawa itu halal.

Betul, bahawa kamu mesti berhati-hati terhadap sesuatu yang kamu peroleh dari tangan seorang penguasa yang zalim dan dari seseorang yang tanpa pengetahuanmu berhubung dengan riba atau menjual minuman keras. Maka, kamu harus bersikap hati-hati terhadap hal ini. Kamu harus bertanya dan minta penjelasan terlebih dahulu sehingga kamu tahu dari mana dia memperolehinya.

Jika telah jelas bagimu dari mana dia memperolehinya dan benar-benar halal, maka kamu boleh menerimanya. Jika tidak, maka kamu tidak layak menerimanya. Panduannya adalah pada tanda-tanda *lahiriah* - iaitu kaitan-kaitan keadaannya - ini, jika memang sebahagian

besar hartanya seperti itu. Sebaliknya, jika sebahagian besar hartanya halal, maka kamu boleh memakannya. Akan tetapi, jika kamu menolaknya, maka itulah *warak*.

Sebahagian wakil Ibnu al-Mubarak pernah menulis surat kepadanya dari Basrah yang berisi pertanyaan kepadanya tentang bergaul dengan seorang yang berhubung dengan penguasa. Ibnu al-Mubarak menjawab “jika dia tidak berhubung dengan selain penguasa, maka kamu jangan bergaul dengannya. Akan tetapi, jika dia juga berhubung dengan selain penguasa, maka bergaullah dengannya “

Ringkasnya, manusia dalam kaitannya dalam hak-mu ada enam jenis :

Pertama : Orang yang tidak dikenali. Makanlah dari sebahagian hartanya, sedangkan berhati-hati bukanlah suatu kewajipan. Akan tetapi, inilah *warak* yang sebenarnya.

Kedua : Kamu tahu tentang dia sebagai orang baik. Makanlah harta yang berasa darinya dan kamu tidak perlu bersikap *warak*. Bahkan, *warak* dalam hal ini adalah bisikan keraguan. Sebab, yang mengandungi sesuatu yang menyakitkan dan ketidak sopanan. Itu merupakan maksiat dan haram kerana di dalamnya terdapat hal menyakitkan dan juga kerana di dalamnya ada buruk sangka kepada seseorang yang soleh.

Ketiga, Kamu mengetahui dia sebagai orang zalim dan terkait dengan riba hingga kamu tahu bahawa semua hartanya atau sebahagian besar hartanya adalah harta haram - seperti para penguasa yang zalim dan yang lain, maka harta mereka haram.

Keempat, kamu tahu bahawa semua hartanya adalah halal, tetapi tidak tertutup kemungkinan adanya yang haram. Seperti seseorang yang memiliki perniagaan dan harta warisan yang pada saat yang sama bekerja pada penguasa. Kamu boleh menerimanya berdasarkan pendapat yang majoriti. Akan tetapi, menolaknya adalah sebahagian dari sikap *warak* yang utama.

Kelima, Orang yang tidak kamu kenali, tetapi kamu melihat pada orang tersebut terdapat tanda-tanda kezaliman, seperti adanya alat-alat untuk melakukan kezaliman dan tanda-tanda kezaliman yang lain. Tanda-tanda nyata ini mewajibkan berhati-hati. Maka, kamu tidak boleh makan daripada hartanya, kecuali setelah adanya penyelidikan.

Keenam, orang yang kamu lihat adanya tanda-tanda kefasikan pada orang tersebut, bukan tanda-tanda kezaliman. Contohnya, memanjangkan misai dan potongan rambut yang dicukur sebahagian sahaja, dan kamu juga melihatnya mencela orang lain atau memandang wanita (yang bukan muhrimnya). Jika kamu tahu bahawa dia memiliki harta wasiat atau perdagangan, maka hartanya tidak menjadi haram

kerana hal tersebut. Akan tetapi, jika keadaannya tidak kamu ketahui, maka di sinilah adanya bahaya. Sebab, tanda-tanda kefasikan itu lebih lemah dibanding tanda-tanda kezaliman. Namun, yang lebih jelas, menurut saya, hartanya itu tidak haram. Sebab, pemilikan yang jelas dan keIslaman menunjukkan kepada kepemilikan dengan lebih jelas dibanding petunjuk kepada keharaman daripada tanda-tanda tersebut.

Antara tanda-tanda tersebut tidaklah lebih kuat dibanding petunjuk kenasranian dan kemajusian atas najisnya air. Rasulullah S.A.W. dan Umar R.A. tidak menghiraukan kedua-duanya.

Adapun tanda-tanda kezaliman itu adalah seperti jika kita melihat seekor kijang betina yang kencing di air. Kemudian kita dapati air tersebut berubah. Adalah sangat mungkin perubahan tersebut kerana air tadi terlalu lama tergenang dan mungkin juga kerana kencing. Maka kita, wajib menghindarinya berdasarkan pada penyebab yang jelas. Kemudian, disebalik itu semua, seseorang mesti bertanya pada hatinya. Jika dia merasakan ketidaksukaan pada hatinya, maka dia harus menghindarinya. Sebab, dosa itu adalah kebencian di hati dan keraguan di dada.

Justeru di sinilah sisi kepelikan yang diabaikan oleh orang-orang yang *warak*. Iaitu, masalah apakah tindakan meninggalkan tersebut berasal daripada *warak*, atau daripada rasa tidak suka pada seseorang. Sebab,

seorang hamba tidak boleh menolak dan bertanyakan kalau itu akan melukakan hati orang lain.

Jika seorang yang tidak kamu kenali datang, membawa makanan, lantas kamu bertanyakan dari mana makanan tersebut, tentu dia akan berasa tidak suka dan berasa sakit hati. Membuat orang sakit hati itu haram. Berburuk sangka pun haram. Jika kamu bertanya kepadanya tentang yang lain yang mungkin dia ketahui, maka itu menambah sakit hati.

Jika kamu bertanya tentang sesuatu yang mungkin dia tidak tahu, maka kamu menyindirnya dan kamupun telah berburuk sangka. Padahal sebahagian dari perangsaka itu dosa. Kamupun telah memudahkan zahirnya fitnah dan celaan. Semua perkara tersebut adalah haram. Padahal meninggalkan *warak* bukanlah perkara haram. Maka, satu-satunya yang boleh kamu lakukan adalah bersikap lemah lembut dalam menolaknya. Jika kamu tidak boleh menolaknya, kecuali dengan sesuatu yang dapat menyakiti hati, maka kamu harus memakannya. Sebab, ketenteraman hati seorang muslim dan memeliharanya daripada perkara yang menyakitinya adalah lebih penting daripada *warak*. Kamu mesti berhati-hati jangan sampai termasuk golongan yang membaca Al-Quran yang tertipu yang tidak mengetahui kedalaman *warak*.

Ketahuilah bahawa Rasulullah S.A.W. pernah makan gandum dari sedekah dan Baginda tidak bertanya

tentang si pemberi sedekah. Seseorang pernah memberi hadiah kepada Rasulullah S.A.W. yang lantas Baginda terima tanpa bertanya.

Betul, Baginda pernah bertanya pada masa awal kedatangan Baginda di Madinah mengenai makanan yang diberikan kepada Baginda, apakah sedekah ataupun hadiah. Sebab, dalam pertanyaan tersebut tidak mengandungi sesuatu yang menyakiti hati dan kerana keadaan yang menunjukkan kemungkinan ia adalah sedekah dan hadiah dengan cara yang sama.

Baginda juga pernah diundang ke beberapa jamuan yang Baginda penuhi, dan jarang sekali Baginda mengajukan pertanyaan kecuali dalam keadaan ragu-ragu.

Kamu bertanya "Jika terdapat makanan haram pada sesuatu pasar, apakah seseorang boleh belanja dari pasar tersebut?"
Saya menjawab : "Jika kamu membuktikan bahawa yang haram tersebut adalah sebahagian besar, maka jangan kamu belanja kecuali setelah adanya penyelidikan. Jika kamu tahu bahawa yang haramnya banyak, tapi bukan sebahagian besar, kamu boleh belanja dan penyelidikan adalah bahagian dari *warak*. Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. dan para sahabat Baginda berbelanja pada sejumlah pasar dalam sejumlah perjalanan mereka, padahal mereka tahu bahawa di pasar tersebut pelaku-

pelaku riba, pencuri dan penipu dalam masalah harta rampasan perang.

Mereka pun tidak menghindari pergaulan bersama mereka. Permasalahan ini memerlukan penjelasan yang panjang. Jika kamu tertarik, maka sila telaah bab al-*Halal wa al- Haram* dalam buku *Ihya'*. Kamu boleh menyaksikan ketika membacanya, bahawa kamu belum pernah disusun dalam masalah ini yang sebanding dengan buku tersebut dalam pembuktian, pengungkapan dan ketercukupan terhadap semua penjelasan.

❋❋❋

Asas Kelapan

MELAKSANAKAN HAK-HAK ORANG ISLAM

Asas Kelapan

MELAKSANAKAN HAK-HAK ORANG ISLAM

Usul Kelapan : Melaksanakan hak-hak orang Islam

Ini adalah merupakan rukun daripada rukun-rukun agama dan agama itu maknanya perjalanan menuju kepada Allah S.W.T. Dan antara rukun-rukun musafir ialah baik dalam pergaulan ketika dalam perjalanan antara orang-orang yang bermusafir. Kesemua manusia berada dalam keadaan bermusafir. Umur mereka berlalu dengan berlalunya bahtera bersama-sama dengan penumpangnya.

Dan ketahuilah, bahawa seseorang di dunia ini sama ada bersendirian atau bersama-sama dengan golongan khusus daripada isteri, anak, kaum kerabat dan jiran ataupun seseorang itu bersama-sama dengan umum di kalangan manusia. Maka ini adalah 3 keadaan dan seseorang itu hendaklah baik dalam pergaulannya dan menunaikan hak-hak pada setiap keadaan tersebut.

Keadaan pertama; orang yang sendirian.

Orang yang seperti ini mesti memahami dirinya sendiri dan menyedari bahawa batinnya terdiri dari sejumlah makhluk yang berbeza watak dan karakter. Jika dia tidak boleh berhubung baik dengan mereka dan tidak dapat menegakkan hak-hak mereka, maka dia akan binasa. Kumpulan tentera batin banyak jumlahnya.
Allah S.W.T.. berfirman ;

وَمَا يَعۡلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَۚ

Dan tiada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dia lah sahaja.

Surah al-Muddatsir ayat 31

Kami sudah menjelaskan sebahagiannya dalam bab *'Aja'ib al-Qulub* (Keajaiban Hati). Sekarang kami sebutkan para pimpinan dan panglima tentera tersebut.

Kami katakan bahawa dalam dirimu terdapat nafsu yang mengarahkan sesuatu yang bermanfaat pada jiwamu. Ada juga amarah yang dengannya kamu boleh menolak ajakan nafsumu yang berbahaya.

Ada akal yang memikirkan segala masalah dan menjaga semua yang berada di bawah perlindungannya. Maka, kamu. Berdasarkan amarahmu. Adalah anjing, berdasarkan nafsumu kamu adalah binatang ternak, seperti kuda dan berdasarkan akalmu kamu adalah

malaikat. Kamu disuruh untuk berlaku adil terhadap semuanya dan menegakkan semua hak mereka. Kamu dapat meminta tolong pada mereka agar kamu dapat mengejar kebahagiaan abadi dengan pertolongan mereka.

Jika kamu boleh menjinakkan kuda, melatih anjing tersebut dan kamu tundukkan kedua-duanya untuk kamu kuasai, maka mudahlah bagimu untuk memperoleh apa yang kamu cari.

Akan tetapi, jika kamu menundukkan akal dalam mengambil kesimpulan hukum untuk menghasilkan yang diinginkan oleh anjing dengan sifat amarah dan keserakahannya, juga kuda dengan keinginan dan keserakahannya, maka kamu telah mendatangkan kerosakan, jauh dari tercapainya tujuan yang diinginkan. Kamu pun berbalik menjadi pendosa dan penuh kezaliman. Sebab, kezaliman itu adalah meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya.

Jika kamu melihat seseorang yang dalam ketaatannya dibuat menjadi malaikat atau anjing atau babi, maka dia sentiasa akan memaksa malaikat untuk sujud kepada babi dan anjing. Bukankah kamu memandangnya sebagai orang zalim yang harus dikutuk? Andaikan kamu dapat menyingkapkan keadaanmu ketika tidur atau ketika kamu *fana'* dari dirimu sendiri – seperti telah kami jelaskan dalam masalah *fana'* dalam mengingati Allah, - maka kamu pasti melihat setiap orang yang mentaati

nafsu dan amarahnya adalah orang yang sujud kepada anjing dan babi. Jika bukan anjing dalam bentuk sebenarnya, maka anjing dalam pengertiannya.

Demikian pula kamu lihat jiwamu setelah mati. Sebab, roh di alam akhirat akan mengikut bentuk-bentuk dan bukan bentuk yang mengikut roh. Maka, segala sesuatu menyerupai bentuk yang memiliki makna serupa. Oleh kerana itu, orang-orang yang sombong dikumpulkan dengan semut-semut kecil yang menggigitnya dari arah depan dan belakang. Sedangkan orang-orang yang tawaduk menjadi orang-orang yang terhormat.

Adapun alam ini adalah alam semua. Kadangkala pengertian babi dan anjing di tempatkan dalam bentuk manusia, maka kamu jangan tertipu dengannya. Sebab, hal itu akan tersingkap pada hari dinampakkannya segala rahsia.

Oleh kerana itu, kamu mesti bergaul dengan baik kepada tiga jenis kawan dekatmu ini. Kamu boleh menghancurkan rakusnya nafsu dengan libasan amarah, dan kamu dapat menekan amarah yang berlebihan dengan tipu nafsu. Kamu pun dapat mencampurkan salah satunya kepada yang lain. Sesungguhnya hal itu merupakan hal yang sangat ampuh untuk meluruskan keduanya hingga kedua-duanya dapat mengikut akal dan syariat.

Akal dapat memanfaatkan kedua-duanya selama ia dapat bermanfaat dengan kedua-duanya. Seperti pemburu yang menggunakan kuda dan anjing ketika dia memerlukannya. Penjelasan tentang latihan pemburuan ini sangat panjang dan telah kami paparkan dalam bab *Riyadhah an-Nafs* (Pelatihan Jiwa)

Keadaan kedua, pergaulan dengan kalangan umum.

Darjat terendah dalam pergaulan yang baik adalah tidak menyakiti hati mereka.
Rasulullah S.A.W. bersabda:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

"*Seseorang muslim adalah yang mampu menjaga orang-orang muslim lain dari gangguan lidah dan tangannya*." Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

Yang lebih tinggi dari hal tadi adalah kamu mesti bermanfaat bagi mereka dan kamu berlaku baik kepada mereka.
Nabi S.A.W. bersabda:

الْخَلْقُ كُلُّهُمْ عِيَالُ اللهِ، وَأَحَبُّهم الى الله أَنْفَعُهُمْ لِعِيَالِهِ

"*Semua manusia adalah keluarga Allah, yang paling dicintai oleh Allah diantara mereka adalah yang paling bermanfaat bagi keluarga-Nya*." Hadis riwayat Abu Ya'la, Bazzar dan Thabraniy.

Yang lebih tinggi lagi adalah kamu menanggung penderitaan yang diakibatkan oleh mereka dan bersamaan dengan hal itu kamu mesti tetap berlaku baik kepada mereka. Itulah tahap para *Siddiqin*.

Rasulullah S.A.W. bersabda kepada Sayidina Ali R.A.:

اِنْ أَرَدْتَ أَنْ تُسْبِقَ الصِّدِّيْقِيْنَ فَصِلْ مَنْ قَطَعَكَ, وَأَعْطِ مَنْ حَرَمَكَ وَاعْفُ عَنْ مَنْ ظَلَمَكَ

"*Jika kamu ingin melampaui para siddiq, maka jalinlah silaturrahim dengan orang yang memutuskanmu, berilah orang yang kedekut kepadamu dan maafkanlah orang yang menzalimimu!*" riwayat Al-Bayhaqi
Ini berupa kalimat perintah.

Penjelasan tentang hakikat-hakikat ini banyak sekali. Kami ringkaskan dari kalimatnya menjadi dua puluh tugas. Kebanyakan perkara ini adalah sesuatu yang diinginkan untuk orang lain, sama seperti yang kamu inginkan untuk dirimu sendiri.

Nabi S.A.W. bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُزَحْزَحَ عَنِ النَّارِ, فَلْتَأْتِهِ مُنِيَّتُهُ وَهُوَ يَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلَهَ اِلاَّ الله , وَ أَنَّ محمدا رسول الله, وَيَأْتِيْ اِلَى النَّاسِ مَا يُحِبُّ أَنْ يُؤْتِيَ اِلَيْهِ

“*Barang siapa yang suka diselamatkan dari neraka, maka hendaklah dia wafat dalam keadaan bersaksi bahawa tidak ada Tuhan kecuali Allah dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah, dan hendaklah dia memperlakukan orang lain, sebagaimana dia suka orang lain memperlakukannya dengan perlakukan itu*.” Lafaz yang hampir serupa dengan hadis ini ada di dalam riwayat Muslim, begitu juga Al-Kharo-itiy di dalam Makarimul Akhlak.

Diantaranya, dia mesti bersikap rendah hati kepada semua orang dan tidak membangga diri di hadapan mereka. Sungguhnya Allah S.W.T. tidak suka kepada orang yang sombong lagi membangga diri. Jika orang lain berlaku sombong kepadanya, maka dia harus menahan diri.

Allah S.W.T. berfirman:

خُذِ ٱلۡعَفۡوَ وَأۡمُرۡ بِٱلۡعُرۡفِ وَأَعۡرِضۡ عَنِ ٱلۡجَٰهِلِينَ ١٩٩

Maksudnya: “*Jadilah kaum pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan yang makruf serta berpalinglah dari orang-orang yang bodoh*.”

Al-A’raf:199.

Di antaranya, dia mesti menghormati orang-orang tua dan menyayangi anak-anak kecil.
Nabi S.A.W. bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيْرَنَا وَلَمْ يُوَقِّرْ كَبِيْرَنَا

"*Tidak termasuk golongan kami orang yang tidak menyayangi anak-anak kacil dan tidak menghormati orang-orang tua*." Hadis riwayat Bukhari di dalam Adabul Mufrad

Baginda juga bersabda:

اِنَّ مِنْ اِجْلاَلِ اللهِ تَعاَلَى اِكْرَامَ ذِي الشَّيْبَةِ الْمُسْلِمِ

"*Termasuk mengagungkan Allah adalah menghormati orang-orang muslim yang beruban*". Riwayat Abi Daud dengan sanad yang hasan.

Nabi S.A.W. bersabda:

مَا وَقَّرَ شَابٌ شَيْخًا لِسِنِّهِ اِلَّا قَيَّضَ اللهُ لَهُ فِي شَيْبَتِهِ مَنْ يُوَقِّرُهُ

"*Siapa sahaja seorang pemuda yang menghormati orang tua kerana usianya, pasti Allah mentakdirkan baginya pada masa tuanya ada orang yang menghormatinya pula*." Hadis riwayat Tirmizi.
Ini merupakan khabar gembira dengan panjang umur bersama mengalirnya pahala.

Di antaranya, kamu mesti bersama-sama semua manusia dengan penuh kegembiraan dan wajah yang berseri-seri. Nabi a.s.w. bersabda:

أَتَدْرُوْنَ عَلَى مَنْ حُرِّمَتِ النَّارُ

"*Tahukah kamu, kepada siapa neraka itu diharamkan*?" Para sahabat menjawab: "Allah dan Rasul-Nya yang lebih tahu. "Nabi S.A.W. berkata:

عَلَى الْهَيِّنِ اللَّيِّنِ السَّهْلِ الْقَرِيْب

"*iaitu kepada orang yang lemah lembut, mudah dalam pergaulan dan persahabatan*."hadis riwayat Tirmizi.

Baginda juga bersabda:

اِنَّ اللّٰهَ يُحِبُّ السَّهَلَ الطَّلَقَ

"*Sesungguhnya Allah senang kepada orang yang mudah dan berwajah manis*." hadis riwayat Bayhaqi.

Di antaranya, mendamaikan orang-orang yang bermusuhan di antara kaum muslim, walaupun dengan kata yang dilebih-lebihkan dan ditambah-tambah. Nabi S.A.W. bersabda:

لَيْسَ بِكَذَّابٍ مَنْ أَصْلَحَ بَيْنَ اْلاِثْنَيْنِ , فَقَالَ خَيْرًا أَوْ نَمَى خَيْرًا

"*Tidaklah termasuk pendusta orang yang mendamaikan antara dua orang dia berkata yang baik-baik atau membuat cerita kebaikan*." Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

Baginda juga bersabda:

اَلَا أُخْبِرُكُمْ بِأَفْضَلَ مِنْ دَرَجَةِ الصِّيَامِ وَالصَّلاَة والصَّدَقَةِ؟

"*Mahukah kamu ku beritahukan tentang yang lebih mulia dari tahajjud, solat dan sedekah*?" Para sahabat menjawab: "Tentu, wahai Rasulullah S.A.W." Baginda menjelaskan:

اِصْلاَحُ ذَاتَ البَينِ , وَفَسَادُ ذَاتُ اْلبَيْنِ هِيَ الحَالقةُ

"*Iaitu, mendamaikan orang-orang yang berselisih. Sedangkan merosak orang-orang yang berselisih adalah kebinasaan*." Hadis riwayat Ahmad, Abi Daud dan Tirmizi dan beliau mensahihkannya.

Di antaranya, janganlah kamu dengar pembicaraan yang berlebih-lebihan tentang orang lain. Jangan pula seseorang menyampaikan apa yang dia dengar dari orang lain. Nabi S.A.W. bersabda:

لاَ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَّات

"*Tidak akan masuk syurga orang yang suka mengadu hal orang lain*." Hadis Muttafaqun 'Alayh.
Juga dikatakan: "Orang yang suka menyampaikan percakapan orang lain kepadamu, dia juga akan menyampaikan percakapanmu kepada orang lain."

Di antaranya juga, janganlah kamu mendiamkan diri dengan saudaramu lebih dari tiga hari. Nabi S.A.W. bersabda:

لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ اَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلاَثٍ

"*Tidak halal bagi orang muslim mendiamkan saudaranya lebih dari tiga hari*.' Hadis Muttafaqun 'Alayh.

Baginda juga bersabda:

مَنْ أَقَالَ مُسْلِمًا عَثْرَتَهُ أَقَالَ اللهُ تَعَالَى عَثْرَتَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

"*Barangsiapa menghilangkan kesusahan seorang muslim (di dunia), maka Allah akan menghilangkan*

kesusahannya pada hari kiamat." Hadis riwayat Abi Daud, Al-Hakim, Ahmad dan Ibnu Hibban dan beliau mensahihkannya.

Di antaranya, kamu mesti berlaku baik kepada setiap orang, samaada dia layak untuk diperlakukan begitu mahupun orang yang tidak layak. Nabi S.A.W. bersabda:

اِصْنَعِ الْمَعْرُوْفَ اِلَى مَنْ هُوَ أَهْلُهُ وَ اِلَى غَيْرَ أَهْلِهِ,

"*Berbuat baiklah kepada orang yang suka berbuat baik, mahupun kepada orang yang tidak suka berbuat baik*." Ad-Dar Al-Qutniy menyebut hadis ini di dalam *Al-'Ilal.*

Kamu juga mesti bergaul dengan setiap kumpulan sesuai dengan akhlak mereka. Kamu jangan mengharap dari orang yang bodoh dan dungu dengan apa yang kamu harap dari orang yang *warak* dan pandai.

Nabi Daud a.s bertanya: "*Tuhanku, bagaimana mungkin orang-orang mencintaiku, sementara aku sudah puas dengan apa yang ada antara aku dan Engkau?*"
Allah S.W.T. mewahyukan kepadanya: "*Bergaullah dengan pecinta dunia dengan akhlak dunia dan pergaulilah pecinta akhirat dengan akhlak akhirat!*"

Demikian pula kamu harus menempatkan manusia sesuai dengan kedudukan mereka masing-masing. Kemudian tambahlah penghormatan setiap pemilik kedudukan, meskipun kedudukannya berada di dunia.

Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. pernah menghamparkan jubahnya untuk mereka dan Baginda pun bersabda:

اِذاَ جَاءَكُمْ كَرِيْمْ قومٍ فَأَكْرِمُوْهُ

“Jika datang suatu kaum yang terhormat, maka hormatilah ia!” Hadis riwayat Ibnu Majah, Abi Daud dan Al-Hakim dan beliau mensahihkan sanadnya.

Kamu juga mesti menutupi aib orang-orang muslim. Nabi S.A.W. bersabda:

لَا يَرَى أَمْرُؤٌ فِيْ أَخِيْهِ عَوْرَةً وَيَسْتَرُهَا عَلَيْهِ اِلاَّ دَخَلَ الجَنَّةَ

“*Setiap orang (muslim) yang melihat aib saudaranya, kemudian dia menutupnya, nescaya dia masuk syurga.*” Hadis riwayat At-Thabraniy di dalam *Al-Ausath* dan *As-Saghir.*

Baginda bersabda:

يَا مَعْشَرَ مَنْ آمَنَ بِلِسَانِهِ، وَلَمْ يَدْخُلِ الْإِيمَانُ قَلْبَهُ: لَا تَغْتَابُوا الْمُسْلِمِينَ، وَلَا تَتَّبِعُوا عَوْرَاتِهِمْ، فَإِنَّهُ مَنِ اتَّبَعَ عَوْرَةَ أخيه المسلم يَتَّبِع اللَّهُ عَوْرَتَهُ، وَمَنْ يَتَّبِعِ اللَّهُ عَوْرَتَهُ يَفْضَحْهُ ولو فِي جوف بَيْتِهِ

“Wahai orang-orang yang beriman dengan lidahnya, sementara iman belum masuk ke dalam hatinya, janganlah kamu mengata orang-orang muslim dan janganlah pula kamu mencari aib mereka. Sesungguhnya sesiapa yang mencari aib saudaranya

yang muslim, maka Allah akan mencari kesalahannya. Sesiapa sahaja yang aibnya dicari oleh Allah, maka Dia akan membuka keburukannya, walaupun dia berada di dalam rumahnya." Hadis riwayat Abi Daud dan Tirmizi dan beliau menarafkannya dengan Hasan.

Di antaranya, kamu harus menjauhi tempat-tempat yang akan menimbulkan tuduhan, demi menjaga hati orang lain dari berburuk sangka dan menjaga lidah mereka dari mengeji. Rasulullah S.A.W. bersabda:

اِتَّقُوْا مَوَاضِعَ التُّهَم

"*Jauhilah tempat-tempat yang dapat menimbulkan tuduhan!*" al-Zabidi menyatakan di dalam *Ithaf* bahawa ianya daripada kata-kata Saidina Umar R.A.

Rasulullah S.A.W. pada suatu ketika pernah berkata-kata kepada salah seorang isterinya, lalu seorang lelaki berselisih dengan Baginda sambil memberi salam. Setelah orang itu berlalu, Rasulullah S.A.W. memanggilnya seraya berkata: "*Hai fulan, wanita ini adalah isteri saya, Safiyah*."

Lelaki tersebut kemudian berkata: "Wahai Rasulullah S.A.W., memangnya seperti yang aku duga? Sesungguhnya aku tidak berprasangka buruk kepada kamu." Rasul pun menjawab:

"*Sesungguhnya syaitan bergerak pada tubuh manusia bersama aliran darah*." Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

Di antaranya, kamu harus berusaha memenuhi keperluan kaum muslim walaupun dengan sekadar memberikan pertolongan. Rasulullah S.A.W. bersabda:

اِشْفَعُوا اِلَيَّ تُؤْجَرُوا, فاني أريد الامرَ فأُؤخَرَهُ كَيْ تَشْفَعُوا اِلَيَّ تُؤْجَرُوْا

“*Tolonglah saya, nescaya kamu akan mendapat pahala. Sesungguhnya saya ingin sesuatu, kemudian aku tangguhkan agar kamu menolong saya dan kamu pun mendapat pahala.*” Hadis Abu Daud dan Nasaie.

Baginda S.A.W. juga bersabda:

مَنْ مَشَى فِيْ حَاجَةِ أَخِيْهِ سَاعَةً مِنَ الْلَيْلِ أَوِ النَّهَارِ قَضَاهَا أَوْ لَمْ يَقْضِهَا كَانَ خَيْراً لَهُ مِنْ اِعْتِكَافِ شَهْرَيْنِ

“*Barang siapa yang berjalan dalam rangka memenuhi keperluan saudaranya, ketika malam atau pun siang, baik mampu memenuhinya atau pun tidak, maka itu lebih baik baginya dibandingkan iktikaf dua bulan*.” Hadis riwayat Al-Hakim dan beliau mensahihkannya.

Sabda Baginda:

قِيَامُكَ مَعَ أَخِيْكَ سَاعَةٌ , خَيْرٌ مِنْ اِعْتِكَافِكَ سَنَةٌ

“*Kamu berdiri bersama saudaramu satu saat lebih baik bagimu daripada kamu beriktikaf selama setahun.*” Hadis riwayat Ad-Dailamiy.

Di antaranya, kamu mendahului pengucapan salam kepada setiap muslim dan menjabat tangannya agar kamu mendapat keutamaan mendahului.

Rasulullah S.A.W. bersabda:

إِذَا الْتَقَى الْمُسْلِمَانِ فَتَصَافَحَا قُسِمَتْ بَيْنَهُمَا سَبْعُوْنَ رَحْمَةً تِسْعَةٌ وَسِتُّوْنَ لِأَحْسَنِهِمَا بِرًّا

"*Jika dua orang muslim bertemu, kemudian kedua-duanya saling berjabat tangan, maka tercurahlah untuk mereka berdua tujuh puluh rahmat. Enam puluh sembilan untuk yang paling bagus kebaikannya*." Hadis riwayat At-Thabraniy.

Demikian juga seseorang mesti membela saudaranya pada saat dia tidak ada, iaitu dengan menjaga nama baik dan hartanya.

Rasulullah S.A.W. bersabda:

"*Sesiapa sahaja seseorang yang membela seorang muslim pada saat nama baiknya dirosakkan dan kehormatannya diinjak-injak, nescaya Allah akan menolongnya pada saat dia mengharapkan pertolongan-Nya. Sesiapa pun yang mengabaikan seorang muslim pada saat kehormatannya terkoyak, nescaya Allah akan mengabaikannya pada saat dia mengharap pertolongan-Nya*." Hadis riwayat Ahmad dan Abi Daud.

Di antaranya, kamu harus memahami pelaku keburukan agar kamu selamat dari mereka. Aisyah R.A. berkata:

“Seorang lelaki minta izin untuk bertemu dengan Rasulullah S.A.W.
Lalu Rasulullah S.A.W. bersabda:
”*Izinkan dia. Dia adalah seburuk-buruk teman*.”
Ketika orang tersebut masuk, Baginda berkata dengan lemah lembut kepadanya hingga aku menyangka orang tersebut memiliki kedudukan di sisi Baginda. Ketika dia keluar, aku menanyakan hal tadi kepada Baginda. Baginda menjawab:
“*Wahai Aisyah, sesungguhnya kedudukan manusia yang paling buruk di sisi Allah pada hari kiamat adalah orang yang disegani orang lain kerana takut akan kejahatannya*.” *Muttafaqun ‘Alayh* dengan lafaz Bukhari.

Baginda S.A.W. juga bersabda: “*Sesuatu yang menjadi penjaga kehormatan seseorang, maka itu menjadi sedekah baginya.*” Hadis riwayat Abi Ya’la dan Ibnu ‘Adiy.

Baginda S.A.W. juga bersabda: *“Bercampurlah dengan orang-orang dalam perbuatan mereka dan berpisahlah dari mereka dengan hati*.” Hadis riwayat At-Thabraniy dengan lafaz yang berbeza.

Di antaranya, kamu harus menjauhi tempat-tempat berkumpulnya orang-orang kaya. Sebaliknya, perbanyaklah berkumpul dengan orang-orang miskin. Nabi S.A.W. bersabda:
“*Janganlah sekali-kali kamu mendatangi tempat berkumpulnya mayat-mayat*!”

Ada yang bertanya: “Siapakah mereka itu (wahai Rasulullah S.A.W.)?” Baginda menjawab:
“*Orang-orang kaya*.” Hadis riwayat Tirmizi dan Al-Hakim serta beliau mensahihkannya.

Baginda S.A.W. juga berdoa:
“*Ya Allah, hidupkanlah aku sebagai orang miskin, matikanlah aku dalam keadaan miskin dan kumpulkanlah aku dalam kumpulan orang-orang miskin.*” Hadis riwayat Ibnu Majah dan Al-Hakim serta beliau mensahihkannya.

Nabi Sulaiman a.s. jika melihat orang miskin di masjid, maka dia duduk mendekatinya seraya berkata: “Orang miskin duduk bersama orang miskin.”

Nabi Musa a.s. pernah bertanya: “Tuhanku, di mana aku mencari-Mu?” Dia menjawab: “Di sisi orang-orang yang luluh hatinya kerana Aku.”

Di antaranya, kamu hanya berteman dengan orang yang memberimu manfaat dalam agama atau orang yang dapat diambil manfaatnya. Adapun terhadap orang yang lalai, kamu harus menghindarinya.
Nabi S.A.W. bersabda: “*Sendirian itu lebih baik daripada duduk bersama teman yang buruk. Duduk bersama teman yang soleh lebih baik daripada sendirian*.” Hadis riwayat Al-Hakim dan Bayhaqi.

Sebab, sering bergaul dengan orang yang lalai dapat mengurangkan agama satu per satu setiap kali bergaul.

Anggaplah setiap orang di antara mereka mengambil satu benang dari bajunya pada setiap kali bergaul atau satu helai rambut dari janggutnya. Jika dia tidak menghindarinya, maka ditakuti dia akan telanjang dalam waktu yang tidak terlalu lama. Oleh itu, menghindar kerana alasan agama itulah yang lebih baik.

Di antaranya juga, kamu harus menziarahi mereka yang sakit, mengiringi jenazah mereka, menziarahi kubur mereka, mendoakan mereka tanpa pengetahuan mereka, mendoakan mereka ketika mereka bersin, menyedarkan manusia atas keadaan dirinya, memberi nasihat jika diminta untuk menasihati, dan lain-lain yang berupa hak-hak yang banyak dimuatkan di dalam hadis. Kami ringkaskan untukmu, iaitu kamu harus melaksanakan hak mereka, sebagaimana kamu suka agar hakmu ditegakkan, seperti perlakuan yang baik, perhatian dan menjaga dari perbuatan yang menyakiti.

Keadaan ketiga, bergaul dengan orang yang terdekat secara khusus, seperti tetangga, kerabat atau hamba.

Nabi S.A.W. bersabda:” *Jika kamu melempar anjing tetanggamu, maka kamu telah menyakitinya*”.
Baginda S.A.W. juga bersabda:
“*Dua orang yang pertama kali bertengkar (dihadapan Allah) pada hari kiamat kelak adalah dua orang yang bertetangga*”. Hadis riwayat Thabarani

Baginda S.A.W. pernah diberitahu bahawa ada seorang wanita yang selalu berpuasa di siang hari dan solat (*tahajjud*) di malam hari, tetapi dia selalu menyakiti tetangganya.
Baginda S.A.W. bersabda :
“ *Dia berada di dalam neraka*”. Hadis riwayat Ahmad dan Al-Hakim serta mensahihkannya.

Baginda S.A.W. bersabda :
“*Tahukah kamu, apakah hak jiran tetangga? Jika dia meminta tolong. Jika dia mengajukan pinjaman (hutang), pinjamkanlah kepada dia. Jika dia melarat, dermalah kepadanya. Jika dia sakit, ziarahlah. Jika dia meninggal dunia, iringilah jenazahnya. Jika dia tertimpa musibah, bertakziahlah. Janganlah kamu membina rumah lebih tinggi daripada rumahnya yang akan menghalang udara masuk ke dalam rumahnya, kecuali dengan izinnya. Jika kamu membeli buah-buahan, berilah dia. Jika kamu tidak boleh melakukan (memberinya), maka bawalah dengan sembunyi–sembunyi dan janganlah membiarkan anakmu yang membawanya keluar yang membuatkan anaknya iri hati. Janganlah kamu menyakitinya dengan bau masakanmu kecuali bila kamu memberinya. Tahukah kamu, apakah hak jiran tetangga? Demi Zat yang menguasai diriku. Tidak ada yang mampu memenuhi hak jiran tetangga, kecuali orang yang dirahmati Allah*.”
Hadis riwayat Ibnu ‘Adiy.

Adapun tentang kerabat, melalui sebuah hadis *qudsi*, Rasulullah S.A.W. bersabda :” Allah S.W.T. berfirman :

"*Aku adalah ar-Rahman, Maha Pengasih. Maha Pengasih ini Aku jadikan salah satu nama dari nama-nama Ku. Barangsiapa yang menyambungkan tali kasih (silaturrahim), maka Aku akan menyambungkannya. Barang siapa yang memutuskannya, maka Aku akan memutusnya.*" Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

Nabi S.A.W. bersabda :*"Silaturrahim menambah us*ia". *Muttafaqun 'Alayh*

Baginda S.A.W. juga bersabda :
"*Bau harum syurga dapat dicium dari jarak perjalanan lima ratus tahun. Dan tidaklah dapat mencium baunya orang yang derhaka kepada orang tuanya dan orang yang memutuskan silaturrahim*". Hadis riwayat Ahmad

Sabda Baginda S.A.W. " *Berbakti kepada kedua orang tua lebih utama daripada solat, puasa, haji, umrah dan berjihad di jalan Allah S.W.T.*." Makna hadis ini sama dengan hadis riwayat Tabraniy dengan sanad yang hasan.

Baginda S.A.W. bersabda :" *Kenaikan orang tua pada anaknya berlipat ganda.*" hadis yang sama maknanya *Muttafaqun 'Alayh*

Baginda bersabda :" *Samaratakan pemberian untuk anak-anak kamu"* hadis riwayat Thabraniy dan Ibnu 'Asakir

Adapun tentang hamba sahaya, Rasulullah S.A.W. telah bersabda tentang mereka:

”Bertaqwalah kamu kepada Allah dalam masalah hamba yang kamu miliki. Beri mereka pakaian seperti yang kamu pakai, dan janganlah kamu bebani mereka dengan pekerjaan yang diluar kemampuan mereka. Sesungguhnya Allahlah yang membuat kamu menguasai mereka. Andaikan Dia mahu, nescaya Dia akan menjadikan mereka menguasai kamu.” Ceraian hadis terdapat di dalam *Adabul Mufrad* secara terpisah

Baginda S.A.W. juga bersabda:
”*Jika salah seorang di antara hamba sahaya kamu memasak makanan, maka ajaklah dia makan bersamamu. Atau ambillah sekadar satu suap, campurkan dengan lauk, kemudian letakkan di atas tangannya seraya katakanlah kepadanya, Makanlah makanan ini.”* *Muttafaqun ‘Alayh* dengan lafaz yang pelbagai.

Nabi S.A.W. pernah ditanya :”Berapa kali kami mestilah memaafkan hamba sahaya selama sehari semalam? Baginda menjawab : ”*Tujuh puluh kali*“ Hadis riwayat Abu Daud dan Tirmizi dan mensahihkannya.

Maka, ringkasannya hak seorang hamba sahaya adalah dia berhak disamakan dalam makanan dan pakaian, tidak boleh diberi tugas diluar kemampuan, dimaafkan kesalahannya, tidak boleh memandang kepadanya dengan penuh kesombongan dan penghinaan serta mengajarnya masalah-masalah agama yang penting.

Sedangkan hak-hak isteri, maka lebih dari yang di atas. Sesungguhnya dia (isteri wajib menerima bersama pemenuhan semua kewajipan terhadapnya – perlakuan yang baik dan menyenangkan”.

Rasulullah S.A.W. bersabda:
“*Yang paling baik di antara kamu adalah yang paling baik terhadap isterinya. Aku adalah orang yang terbaik terhadap isteriku di antara kamu*.” Hadis riwayat Tirmizi dan mensahihkannya.

Nabi S.A.W. adalah manusia yang paling kelakar terhadap isteri Baginda. Berita tentang hal itu terlalu banyak untuk disebutkan.

Bersaudara Kerana Allah

Merupakan sebahagian dari asas agama dalam masalah persahabatan, iaitu mengangkat saudara kerana Allah S.W.T.
Allah S.W.T. berfirman kepada salah seorang NabiNya yang bermaksud:
“*Adapun kezuhudanmu terhadap dunia, maka membuat kamu ingin segera mendapat ketenangan. Sedangkan habisnya semua waktumu untuk beribadah kepada-Ku, maka itu bererti kamu telah mengagungkan-Ku. Akan tetapi, apakah kamu telah mengambil teman kerana-Ku, dan apakah kamu telah mengambil musuh kerana-Ku?”*

Nabi S.A.W. bersabda: “*Pada hari kiamat nanti, Allah akan berfirman, “Mana orang-orang yang saling menyayangi kerana kebesaran-Ku? Pada hari ini, Aku akan memberi mereka naungan-Ku*.” Hadis riwayat Ahmad dan Muslim.

Allah S.W.T. telah mewahyukan kepada Nabi Isa a.s.: “*Seandainya kamu beribadah kepada-Ku, seperti ibadahnya seluruh penghuni langit dan bumi, tetapi tidak menyayangi kerana Aku dan membenci kerana Aku semata-mata, maka semua itu tiadalah berguna bagimu sedikit pun*.”

Nabi S.A.W. bersabda: “*Sesungguhnya sekitar Arasy terdapat mimbar-mimbar yang diperbuat dari cahaya. Di atas mimbar-mimbar itu terdapat orang-orang yang pakaiannya diperbuat dari cahaya. Wajah-wajah mereka adalah cahaya. Mereka bukanlah para Nabi dan orang-orang yang mati syahid.*” Para sahabat berkata: “Wahai Rasulullah S.A.W., jelaskan pada kami, siapakah mereka?” Rasulullah S.A.W. bersabda : ” *Meraka adalah orang-orang yang saling mencintai kerana Allah, saling berteman kerana Allah dan saling mengunjungi kerana Allah S.W.T.*“ Hadis riwayat An-Nasaie dengan *Rijal* yang *tsiqah*.

Ketahuilah bahawa setiap cinta yang hanya bersumber dari iman kepada Allah dan hari akhirat, maka itulah cinta kerana Allah. Akan tetapi, ia memiliki dua tahap.

Pertama, cinta yang kamu berikan kepada seseorang untuk memperoleh sesuatu yang bersifat duniawi darinya yang dapat menghantarkanmu pada akhirat. Seperti cintamu kepada seorang guru dan syeikhmu, termasuk kepada muridmu yang ilmu dapat bertambah kerana mengajarnya.
Bahkan, pembantumu yang membuat hatimu bebas dari keharusan menyapu rumah dan mencuci pakaian, yang kerananya kamu boleh memiliki waktu luang untuk menjalankan ketaatan kepada Allah S.W.T.

Ini termasuk juga orang yang meng*infak*kan hartanya kepadamu, jika tujuanmu terhadap harta *infak* adalah usaha kamu dapat melapangkan hati hanya untuk beribadah kepada Allah S.W.T.

Kedua, dan ini yang tertinggi, iaitu cinta yang kamu berikan kepada seseorang kerana dia dicintai disisi Allah S.W.T. dan dia pun mencintai Allah, meskipun tidak ada kaitan tujuan dengan cinta tersebut untukmu baik di dunia mahupun akhirat, yang berupa ilmu atau pertolongan terhadap masalah agama atau yang lain. Inilah yang lebih sempurna.

Sebab, cinta itu bila sudah menguasai seseorang, maka dia akan menganggap setiap orang yang dicintai itu hanya kerana satu sebab. Dia akan mencintai orang yang mencintai kekasihnya dan orang yang dicintai oleh kekasihnya.

Sesungguhnya bergeraknya cinta itu sesuai dengan kekuatannya. Orang yang lebih senang bertemu dengan Allah, maka tidaklah layak baginya untuk tidak mencintai hamba-hambanya yang soleh yang diredhainya. Akan tetapi, kadangkala hal itu bertambah hingga dia mampu menanggung beban untuk meneruskan perjalanan mereka, bahkan lebih mengutamakan mereka dibandingkan dirinya sendiri. Maka, keutamaan mereka dalam pandangannya terbahagi sesuai dengan tahap dan kekuatannya.

Demikian juga, dia pasti akan membenci orang yang bermaksiat kepada-Nya dan yang menentang perintah-Nya. Hal itu nampak jelas dari penghindaran dan penjauhan dari orang tersebut dan dengan kerutan keningnya ketika berjumpa dengannya.

Nabi S.A.W. bersabda:

اَللَّهُمَّ لاَ تَجْعَلْ لِفَاجِرٍ عَلَيَّ يدًا فيحبه قلبي

"*Janganlah kamu membuat tanganku menyentuh pelaku dosa yang nantinya hatiku akan menyukainya, khuatir akan menodai rasa benci kerana Allah*." Hadis riwayat Ibn Mardawayh dan Ad-Daylami.

Ringkasnya, sesiapa sahaja yang tidak mendapati cinta kerana Allah dalam hatinya dan benci kerana Allah, kerana sebab-sebab ini, maka dia adalah orang yang lemah iman. Terdapat penjelasan dan perincian untuk masalah ini. Silakan cari pada bab *as-Suhbah wa al-*

Ukhuwwah fillahi Ta'ala. (Berkawan dan bersaudara kerana Allah S.W.T.)

❋ ❋ ❋

Asas Kesembilan

MENYERU KEPADA PERKARA YANG MAKRUF

Asas Kesembilan

Menyeru Kepada Yang Makruf

Usul Kesembilan

Menyeru kepada perkara yang makruf dan mencegah daripada perkara yang munkar

Firman Allah S.W.T. :

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۚ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya : "*Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar. Merekalah orang-orang yang beruntung*."

Surah Aali Imran : 104

Firman Allah S.W.T. :

وَٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتُ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ

Maksudnya : "*Dan orang-orang yang beriman, baik lelaki mahupun perempuan, sebahagian mereka adalah penolong bagi sebahagian yang lain*."

Surah at-Taubah : 71.

Firman Allah S.W.T. :

كَانُواْ لَا يَتَنَاهَوۡنَ عَن مُّنكَرٖ فَعَلُوهُۚ لَبِئۡسَ مَا كَانُواْ يَفۡعَلُونَ ٧٩

Maksudnya : "*Mereka (Bani Israil) antara satu sama lain selalu tidak melarang tindakan mungkar yang mereka lakukan. Sesungguhnya amat buruklah apa yang selalu mereka lakukan itu*."

Surah al-Maidah : 79

Berkata Saidina Abu Bakar r.a di dalam khutbahnya : "*Wahai Manusia, sesungguhnya kamu membaca ayat ini dan kamu mentakwilnya bersalahan dengan takwilannya*."

Firman Allah S.W.T. :

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ عَلَيۡكُمۡ أَنفُسَكُمۡۖ لَا يَضُرُّكُم مَّن ضَلَّ إِذَا ٱهۡتَدَيۡتُمۡۚ

Wahai orang-orang yang beriman! jagalah sahaja diri kamu (dari melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah). orang-orang yang sesat tidak akan mendatangkan mudarat kepada kamu apabila kamu sendiri telah mendapat hidayah petunjuk (taat mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya).

Surah al-Maidah : 105.

Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah S.A.W. S.A.W. bersabda :

مَا مِنْ قَوْمٍ يَعْمَلُونَ بِالْمَعَاصِي وَفِيهِمْ رَجُلٌ أَعَزُّ مِنْهُمْ وَأَمْنَعُ لَا يُغَيِّرُونَ إِلَّا عَمَّهُمْ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ بِعِقَابٍ أَوْ قَالَ أَصَابَهُمْ الْعِقَابُ

Maksudnya : "*Apabila terdapatnya satu kaum yang melakukan maksiat sedangkan di kalangan mereka terdapat orang yang mampu mencegah kemungkaran ke atas dia tidak berbuat demikian, sekiranya Allah ingin menurunkan azab maka nescaya akan diumumkan azab (ke atas ahli maksiat dan ahli ibadah) daripada sisiNya*."

Hadis riwayat ashab al-Sunan dan berkata Tirmizi : Hasan Sahih.

Dan berkata 'Aishah r.a, bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda :

عُذْبَ أَهْلُ قَرْيَةٍ ثَمَانِيَّةَ عَشَرَ اَلْفًا, أَعْمَاهُمْ أَعْمَالُ اْلأَنْبِيَاء

Maksudnya : “*Pernah ditimpakan suatu azab kepada satu penduduk negeri yang berjumlah lapan belas ribu orang, padahal amalan mereka adalah amalan para nabi.*

Berkata sahabat : Wahai Rasulullah S.A.W., bagaimana boleh berlaku sedemikian?

Rasulullah S.A.W. berkata :

لَمْ يَكُوْنُوْا يُغْضَبُوْنَ لله عَزَّ وَ جَلَّ, وَ لاَ يَأْمُرُوْنَ بِالْمَعْرُوْفِ وِلاَ يَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرْ

Mereka tidak memarahi kerana Allah, tidak menyuruh kepada yang makruf dan tidak mencegah daripada yang mungkar.” Berkata al-‘Iraqi : Aku tidak menemuinya (hadis) sebagai marfu’ (bersambung sanadnya sehingga Nabi S.A.W., tetapi al-Zabidi berkata di dalam kitabnya *al-Ithaf* : Riwayat ibnu Abi Dunya dan Abu al-Syeikh daripada Ibrahim bin Umar al-San’ani : Allah mewahyukan kepada Yusha’ bin Nun.

Orang yang berdiam diri daripada mencegah kemungkaran adalah bersekongkol dengan pelakunya. Setiap orang yang menyaksikan kemungkaran sedangkan dia tidak mengingkari perbuatan tersebut bahkan berdiam diri daripada mencegahnya, maka dia dianggap bersekongkol dalam perkara mungkar.

Maka, orang yang mendengar cacian bersekongkol dengan orang yang mencaci dan demikianlah berlaku

pada kesemua perkara maksiat sehinggakan seseorang itu termasuk melakukan maksiat sekiranya berdampingan dengan orang lelaki yang memakai sutera, memakai cincin emas, duduk di atas hamparan sutera, duduk di dalam rumah atau bilik air yang dindingnya berukiran ataupun di dalamnya bekas-bekas daripada emas atau perak, atau duduk di dalam masjid yang jemaahnya tidak baik dalam menunaikan solat iaitu mereka tidak menyempurnakan ruku' dan sujud, atau duduk di dalam majlis ilmu yang menyebut perkara *bid'ah*, atau duduk di dalam majlis perbincangan dan perdebatan yang mencerca dan memaki dengan ungkapan bodoh dan cercaan.

Kesimpulannya, sesiapa yang berdampingan dengan golongan tersebut maka banyaklah maksiat yang dilakukannya sekali pun dia pada asalnya adalah orang yang bertaqwa melainkan dia meninggalkannya, tidak peduli dengan cacian dan cercaan orang dan sibuk dengan urusan *hisbah* (menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar).

Hanyasanya gugur kewajipan seseorang daripada kerja-kerja *hisbah* adalah disebabkan dua perkara :

Perkara pertama :
Seseorang itu mengetahui sekiranya dia mencegah perbuatan mungkar itu, pencegahan tersebut tidak dihiraukan dan perbuatan mungkar tidak akan

ditinggalkan sama sekali, bahkan dia akan dipandang dengan pandangan yang mengaibkan.

Perkara ini kebiasaannya adalah kemungkaran yang dilakukan oleh fuqaha’ dan golongan yang menyangka dirinya adalah golongan agamawan. Maka di dalam keadaan ini, harus bagi seseorang itu berdiam diri tetapi disunatkan baginya untuk menyatakan secara lisan bagi menzahirkan *syiar* Islam. Sekiranya dia tidak mampu mencegah selain daripada menyatakan dengan lisan, maka wajib baginya meninggalkan tempat tersebut. Tidak harus baginya menyaksikan perbuatan maksiat tersebut sekalipun dia mempunyai pilihan untuk berbuat demikian.

Barangsiapa yang duduk dalam majlis minum arak maka dia menjadi *fasiq* walaupun dia tidak meminumnya. Barangsiapa yang duduk dalam majlis mengumpat atau bersama-sama dengan orang (lelaki) yang memakai sutera atau memakan harta riba atau haram maka dia menjadi *fasiq*. Oleh itu hendaklah kamu bangun daripada duduk di tempat tersebut.

Kedua : Hendaklah mengetahui bahawa dia berkemampuan untuk menghalang perbuatan mungkar.

Seperti apabila dia melihat botol yang berisi arak maka dia boleh mencampakkan dan memecahkannya. Atau dia boleh merampas alatan hiburan yang melalaikan daripada tangan pelaku maksiat lalu dihempaskan ke

tanah. Namun dia juga perlu mengetahui bahawa sesungguhnya dia akan dipukul dan ditimpa musibah yang tidak disukainya. Oleh itu di sini dituntut akan *hisbah*[41] berdasarkan firman Allah S.W.T. :

وَٱنۡهَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَآ أَصَابَكَۖ

Serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan Bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu.

Surah Luqman : 17

Dan tidaklah wajib (amar makruf dan nahi mungkar) melainkan sekiranya perkara musibah yang tidak disenanginya akan menimpanya. Perkara musibah ini mempunyai tahap-tahapnya yang banyak. Perbahasan mengenainya panjang (dan kami telah sebutkannya dalam kitab *al-Amru bi al-Makruf* daripada kitab *al-Ihya'*).

Kesimpulannya, Tidaklah gugur kewajipan (amar makruf nahi mungkar) melainkan perkara musibah yang tidak

---

[41] *Al-Hisbah* merupakan suatu usaha yang dilakukan semata-mata untuk mendapat pahala di sisi Allah dan bertujuan untuk memelihara hak umum masyarakat, memelihara hak-hak Allah, menerapkan hukum-hukum feqah dengan sebaiknya, memelihara adab Islami serta menjaga peraturan umum. Ketika itu, semuanya dinamakan dengan hak umum dan yang bertugas menegakkannya adalah kebijaksanaan. Takrifnya secara umum adalah menegakkan *amar makruf* setelah ternyata ditinggalkan dan mencegah perbuatan mungkar apabila ternyata telah dikerjakan.

diingininya berlaku pada badannya dengan dipukul atau hartanya akan musnah atau kehormatannya akan diperkecilkan dengan cara yang dapat memburukkan maruahnya.

Adapun ketakutan disebabkan kebencian orang yang melakukan kemungkaran, takut akan ditentang dengan lisan dan berlakunya permusuhan terhadapnya atau keraguan akan disakiti pada masa akan datang atau mereka menjadi penghalang antara dirinya dengan usaha untuk menambahkan kebaikan. Maka kesemua itu hanyalah keraguan dan perkara-perkara yang lemah (tidak kuat) untuk menggugurkan kewajipan untuk menyeru kepada yang makruf dan mencegah daripada mungkar.

Teras *Hisbah* :

Teras kepada *hisbah* adalah dua perkara :

Pertamanya : Bersederhana dan berlembut.
Permulaan bagi nasihat hendaklah dengan cara yang lembut bukannya dengan kekerasan. Sifat sombong dan suka mengarah akan menggantikan kebaikan.
Sesungguhnya hal demikian hanya akan menggalakkan maksiat dan membawa pelaku maksiat kepada perkara mungkar dan menyakiti orang lain. Kemudian apabila dia (pelaku maksiat) menyakitinya(orang yang berdakwah) dan orang yang berdakwah itu tidak berakhlak dengan akhlaq yang baik maka dia akan marah pada dirinya

sendiri di samping mahu meninggalkan keingkaran kerana Allah, dan sibuk mengubatinya dengan rasa dendam dan dengki maka dia akan terus melakukan maksiat. Bahkan sudah tentu dia akan membenci kepada kerja-kerja *hisbah* sedangkan dia mahu untuk meninggalkan maksiat disebabkan kata-kata orang lain.

Sesungguhnya apabila dia (pelaku maksiat) suka untuk menjadi orang yang menentang (kebaikan) adalah disebabkan sifat-sifat yang terdapat dalam dirinya (orang yang berdakwah) yang menghilangkan nilai *hisbah* dan kemuliaannya.

Sabda Nabi S.A.W. : Maksudnya : "*Tidak boleh seseorang itu menyuruh kepada kebaikan dan tidak boleh seseorang itu mencegah daripada kemungkaran melainkan dia berlemah lembut terhadap apa yang disuruhnya dan berlemah lembut terhadap apa yang ditegahnya, bersabar terhadap apa yang disuruhnya dan bersabar terhadap apa yang dilarangnya serta mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap apa yang disuruhnya dan apa yang ditegahnya*."

Seorang pendakwah pernah menasihati Khalifah al-Makmun[42] -moga Allah rahmatinya- dengan cara yang keras. Lalu dia (al-Makmun) berkata :

---

[42] Khalifah Abdullah Abu Abbas Al-Makmun Bin Ar-Rashid (14 September 786 - 9 Ogos 833), merupakan seorang khalifah Kerajaan Bani Abbasiyyah dari 813 sehingga 833 Masihi. Baginda

“Wahai lelaki, berlembutlah (dalam berdakwah) sesungguhnya Allah telah mengutuskan seorang (Nabi Musa a.s) yang lebih baik daripada kamu untuk berdakwah kepada orang (Firaun) yang lebih jahat daripada saya. Allah memerintahkannya (Nabi Musa a.s) agar berlembut dalam berdakwah.
Firman Allah S.W.T. :

فَقُولَا لَهُۥ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُۥ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

"Kemudian hendaklah kamu berkata kepadaNya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".

Surah Taha : 44.

Abu Umamah al-Bahili r.a meriwayatkan bahawa seorang pemuda telah datang kepada Nabi S.A.W. lalu dia bertanya :
“Bolehkah kamu membenarkan saya berzina?”
Maka para sahabat membuat bising disebabkan pertanyaan tersebut. Lalu Nabi S.A.W. berkata : “*Biarkanlah dia, biarkanlah dia bertanya. Datanglah dekat kepadaku*.”

---

merupakan putera kedua kepada Khalifah Harun Al-Rasyid, dan menjadi khalifah bagi menggantikan abangnya, Al-Amin. Dia wafat pada 9 Ogos 833 (umur 46). Mendapat didikan agama dari kecil, dihantar bersama dengan abangnya al-Amin oleh ayahandanya Khalifah Harun al-Rashid ke Madinah untuk berguru dengan Imam Malik. Sangat sukakan ilmu pengetahuan, namun terpengaruh dengan teori al-Quran adalah makhluk bukannya Kalam Allah.

Maka pemuda itu mendekati Nabi S.A.W. Lalu Baginda berkata :

“*Adakah kamu suka perkara itu berlaku kepada ibu kamu*?” Jawab pemuda itu :

“Sudah tentu tidak, semoga Allah menjadikan aku sebagai tebusan kamu.”

Nabi berkata : “*Demikian juga orang lain tidak suka perkara ini terjadi kepada ibu-ibu mereka*.”

Nabi bertanya : “*Adakah kamu suka perkara ini berlaku kepada anak perempuan kamu*?”

Pemuda itu menjawab : “Tidak.”

Nabi berkata : “*Demikian juga orang lain tidak suka perkara ini berlaku kepada anak-anak perempuan mereka*.” Sehinggalah disebutkan kepada pemuda itu tentang saudara perempuannya dan ibu saudaranya sebelah ibu dan ayahnya.

Nabi berkata : “ *Demikianlah orang lain tidak sukakannya*.” Kemudian Baginda Nabi meletakkan tangannya kepada dada pemuda itu lalu berdoa :

اللهُمَّ طَهِّرْ قَلْبَهُ وَاغْفِرْ ذَنْبَهُ وَحَصِّنْ فَرْجَهُ

“*Ya Allah sucikanlah hatinya, ampunkanlah dosanya dan peliharalah kemaluannya.*” Hadis riwayat Imam Ahmad dengan sanad yang baik dan perawinya adalah dikalangan perawi yang sahih.

Maka selepas itu, sesuatu yang paling dibenci oleh pemuda itu ialah zina.

Seseorang pernah berkata kepada Fudhail [43] : “Sesungguhnya Sufian bin ‘Uyainah[44] menerima hadiah daripada sultan. Lalu Fudhail berkata :“Tidaklah dia (Sufian) mengambil pemberian daripada mereka (sultan) melainkan sekadar haknya.” Kemudian Fudhail bersendirian dengan orang itu lalu dia menegurnya dengan lembut dengan berkata : “Sesungguh Sufian pernah berkata : “Wahai Abu ‘Ali, sekiranya kita bukan di kalangan orang yang soleh, maka hendaklah kita mencintai orang soleh.”

Teras kedua :

Hendaklah seorang *muhtasib* (orang yang berdakwah dengan *hisbah* itu) mula berdakwah kepada dirinya dengan mendidik dirinya dan meninggalkan apa yang hendak dia tegah dahulu.

Berkata al-Hasan al-Basri : “Sekiranya kamu menyuruh kepada kebaikan maka hendaklah kamu menjadi orang yang melakukan kebaikan. Sekiranya tidak, kamu akan binasa". Maka ini adalah yang lebih utama sehingga perkataannya dapat memberi manfaat. Sekiranya dia tidak berbuat demikian maka orang akan mencacinya. Syarat ini tidaklah menjadi suatu kemestian namun harus berlakunya *hisbah* di kalangan pelaku maksiat juga.

---

[43] Al-Fudhail bin ‘Iyad merupakan seorang tokoh ahli ibadah dan zuhud, wafat pada 187 H.

[44] Sufian bin ‘Uyainah merupakan tokoh ulamak dalam bidang *feqh* dan hadis serta nama-nama perawi hadis, wafat pada tahun 198 H.

Anas berkata : Kami telah berkata : “Wahai Rasulullah S.A.W., adakah kami tidak boleh menyuruh kepada kebaikan sehinggalah kami melakukan kesemuanya? Adakah kami tidak boleh mencegah daripada kemungkaran sehinggalah kami menjauhi kesemuanya?
Nabi S.A.W. menjawab :
“*Tidak, bahkan suruhlah orang lain melakukan kebaikan sekalipun kamu tidak melakukan kesemuanya dan laranglah daripada kemungkaran sekalipun kamu tidak menjauhi kesemuanya.*” Hadis riwayat Imam al-Tabarani dalam Mu’jam al-Saghir dan al-Awsat.

Berkata al-Hasan al-Basri : “Baginda Nabi S.A.W. mahu agar syaitan tidak mengalahkan kamu dengan bisikan ciri-ciri ini (dalam berdakwah) iaitu janganlah kamu menyuruh kepada kebaikan sehinggalah kamu melakukan kesemuanya. Yakni, sesungguhnya perkara ini akan membawa kepada tertutupnya pintu *hisbah* (amar makruf nahi mungkar). Justeru siapakah (manusia biasa) yang terpelihara daripada maksiat?.

Asas Kesepuluh

MENGIKUT SUNNAH NABI S.A.W.

Asas Kesepuluh
Mengikut Sunnah Nabi S.A.W.

Usul Kesepuluh
Mengikut Sunnah[45] Nabi S.A.W.

Ketahuilah bahawa kunci kepada kebahagiaan ialah dengan mengikut akan sunnah dan mencontohi Rasulullah S.A.W. dalam kesemua (keadaannya) dari aspek rujukannya, dapatannya, pergerakannya, diamnya termasuk juga cara makannya, berdirinya, tidurnya dan percakapannya.

Tidaklah aku berkata demikian (mengikut sunnah nabi) hanya pada adab-adab dalam ibadah sahaja. Hal ini kerana tidak ada alasan untuk mengabaikan sunnah-sunnah yang terdapat dalam perkara tersebut, bahkan termasuk juga mengikut sunnah dalam keseluruhan

---

[45] Sunnah dari segi bahasa bermaksud perjalanan atau cara hidup sama ada baik atau buruk. Dari segi istilah : Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi S.A.W.sama ada percakapan, perbuatan, pengakuan, sifat akhlak dan sifat kejadian. al-Jurjaniy juga meluaskan Sunnah dengan pelbagai jenis seperti Sunan al-Huda dan Sunan al-Zawaid. Lihat *Mu'jam al-Ta'rifat*, al-Jurjaniy,Tahqiq Muhammad Sadiq al-Minsyawiy, Darul Fadilah, halaman 105.

perkara adat kebiasaan. Maka dengan demikian akan tercapailah mengikut sunnah secara mutlak (lengkap).
Firman Allah S.W.T. :

قُلۡ إِن كُنتُمۡ تُحِبُّونَ ٱللَّهَ فَٱتَّبِعُونِي يُحۡبِبۡكُمُ ٱللَّهُ وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡ ذُنُوبَكُمۡۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٣١

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah *Aali Imran* : 31.

Firman Allah S.W.T. :

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمۡ عَنۡهُ فَٱنتَهُواْۚ

Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. (S.A.W.) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya.

Surah al Hasyr : 7.

Maka, kamu hendaklah memakai seluar dalam keadaan duduk, memakai serban dalam keadaan berdiri, memulakan dengan kanan ketika memakai kasut, makan dengan tangan kanan, memotong kuku bermula dengan jari telunjuk dari tangan kanan dan berakhir dengan ibu

jarinya. Memotong kuku kaki dengan bermula pada anak jari kaki kanan dan berakhir pada anak jari kaki kiri. Demikianlah (kamu mengikut sunnah) dalam keseluruhan pergerakan dan diam kamu.

Sesungguhnya Muhammad bin Aslam [46] tidak makan buah tembikai kerana tidak terdapat riwayat yang disampaikan kepadanya tentang cara-cara Rasulullah S.A.W. memakannya.

Sebahagian daripada orang ramai terlupa (akan sunnah-sunnah Nabi) sehinggakan mereka memakai *Khuf* [47] bermula dengan kaki kiri dan membayar *kafarah* [48] dengan nilai satu *kurr*[49] biji gandum.

Maka, tidak harus kamu memandang remeh pada contoh-contoh perkara tersebut dengan kamu berkata :

---

[46] Muhammad bin Aslam bin Salim bin Yazid Abu al-Hasan al-Tusi. Antara ulamak hadis yang hafiz terkenal sebagai orang yang baik. Imam al-Zahabi memberi gelaran padanya sebagai *Syeikh al-Masyriq* (Guru sekalian ulama di Timur). Wafat pada tahun 242 hijrah.

[47] *Khuf* (خف) adalah sejenis stokin kulit tebal yang menutupi kedua-dua kaki hingga ke buku lali. Buku lali adalah tulang yang membonjol antara sendi kaki dan betis. Menyapu *Khuf (خف)* bermaksud menyapu di atas sebahagian *Khuf (خف)* ketika berwuduk sebagai menggantikan membasuh kedua-dua belah kaki.

[48] Denda, balasan yang dikenakan akibat sesuatu perlanggaran hukum atau balasan untuk menghapuskan dosa dan kesalahan.

[49] Kurr : Jenis timbangan iaitu satu *kurr* menyamai 40 *Irdab*. Satu *irdab* bersamaan 24 gantang bersamaan 150 kilogram.

Perkara ini adalah berkaitan dengan adat kebiasaan, jadi tidak ada makna dalam mengikutnya. Kerana sesungguhnya dengan (sikap) demikian akan ditutup ke atas kamu satu pintu kemuliaan daripada pintu-pintu kebahagian.

Rahsia dalam mengikut sunnah Nabi

Kemungkinan sekarang kamu ingin mengetahui sebab yang dapat mendorong untuk mengikut akan sunnah Nabi terhadap perbuatan-perbuatan tersebut. Bahkan kamu tidak dapat membayangkan bahawa dengan sebab-sebab itu terdapatnya perkara yang penting sehingga membawa kepada (pegangan) yang kukuh dan kuat daripada menyalahi (akan sunnah).

Maka ketahuilah, bahawa menyebut tentang rahsia bagi salah satu daripada sunnah-sunnah tersebut amatlah panjang yang buku ini tidak dapat menghuraikannya. Namun hendaklah kamu faham bahawa rahsia-rahsia sunnah adalah tertumpu kepada 3 jenis :

Rahsia Pertama :
Sesungguhnya kami telah tegaskan kepada kamu di beberapa bahagian perbahasan tentang hubungan yang berlaku antara alam *al-Mulk* dan alam al-*Malakut*, [50] antara anggota badan dan hati, bagaimana hati akan terkesan dengan amalan anggota badan. Hal ini kerana

---

[50] Lihat huraian pada notakaki di halaman 23 dan 26

hati ibarat seperti cermin iaitu tidak akan terzahir padanya hakikat kebenaran melainkan dengan bersihnya (permukaan cermin iaitu digilap), pencahayaannya (yang cukup) dan lurusnya (permukaan cermin iaitu tidak bengkok).

Adapun **pembersihan hati** ialah dengan menghilangkan kotoran syahwat dan kekerohan akhlak yang tercela.

Manakala **pencahayaan hati** ialah dengan cahaya-cahaya zikir dan makrifah yang dibantu melalui ibadah yang ikhlas apabila dilaksanakan dengan penghambaan yang sempurna serta bertepatan dengan sunnah.

Meluruskan hati ialah dengan menjadikan pada setiap pergerakan anggota badan mengikut akan peraturan keadilan. Yakni, (amalan daripada pergerakan) tangan tidak akan dapat sampai ke dalam hati melainkan kamu telah niatkannya untuk meluruskannya dan bercakap pada hati tentang keadaan yang lurus dan betul serta bukan bengkok. Hanyasanya perubahan dalam hati bergantung kepada perantaraan meluruskan anggota badan dan pergerakannya.

Dan demikian juga, dunia adalah merupakan ladang bagi akhirat. Maka suatu kerugian yang besar bagi mereka yang mati sebelum (sempat) meluruskan (kehidupannya) kerana telah tertutup jalan untuk meluruskannya dengan kematian. Yakni terputusnya hubungan hati dengan anggota badan (disebabkan kematian).

Justeru, pergerakan anggota badan bahkan pergerakan hati akan ditimbang dengan neraca keadilan. Apabila berlaku di dalam hati perihal yang adil dan saksama maka (hati) bersedia untuk menerima hakikat perbuatan yang baik dan istiqamah sebagaimana cermin yang lurus bersedia untuk memantulkan gambaran sahih yang tidak bengkok.

Makna "adil" ialah meletakkan sesuatu kena pada tempatnya, contohnya arah itu ada empat dan dikhususkan arah kiblat daripada keempat-empat arah tersebut kerana kemuliaannya. Maka adil (dalam pergerakan arah) ialah dengan kamu menghadapnya (kiblat) ketika berzikir, melakukan ibadah dan *berwuduk* dan kamu berpaling darinya ketika kamu *qadha* hajat (buang air) dan membuka aurat bagi menzahirkan kemuliaan yang jelas kemuliaannya.

Anggota kanan lebih mulia berbanding anggota kiri -kebiasaannya dari segi kekuatan- maka adil terhadap (anggota)ialah dengan kamu memuliakan anggota kanan berbanding anggota kiri dan menggunakannya (anggota kanan) dalam melakukan perkara-perkara yang mulia seperti mengambil mushaf (al-Quran) dan makanan. Manakala membiarkan tangan kiri untuk melakukan istinja'[51] dan mengambil benda-benda kotor.

---

[51] *Istinjak* (استنجاء) ialah menghilangkan kekotoran pada tempat yang keluar najis dari kesan-kesannya serta membersihkannya. *Istitabah*

Memotong kuku contohnya adalah untuk membersihkan tangan dan perbuatan itu adalah mulia. Maka hendaklah kamu memulakan dengan jari yang paling mulia dan *afdhal*. Dan barangkali akal kamu tidak dapat berfikir tentang kewajaran tertib susunan (untuk memotong kuku) dan cara-cara permulaannya.

Maka ikutlah sunnah Nabi dalam (perbuatan tersebut) dengan memulakan dengan jari telunjuk dari tangan kanan kerana tangan lebih mulia daripada kaki dan tangan kanan lebih mulia daripada tangan kiri. Jari telunjuk -yang digunakan untuk isyarat dalam mengucap *kalimah tauhid*- lebih mulia daripada jari-jari lain. Kemudian selepas itu (jari telunjuk kanan) kamu berpindah ke sebelah kanannya. Dan tapak tangan mempunyai zahir dan mukanya. Muka (tapak tangan) ialah bahagian yang kamu berhadapan dengannya. Sekiranya kamu menjadikan tapak tangan sebagai muka (tangan) maka jari telunjuk kanan berada pada arah kanan jari tengah. Kemudian jadikan tangan kamu dalam keadaan kedua-duanya wajahnya saling berhadapan. Dan jadikan setiap jari sebagai satu *entiti* maka gerakkan pemotong kuku daripada jari telunjuk kanan dan membuat pusingan sehingga berakhir pada ibu jari

---

(استطابة), *istinjak* (استنجاء) dan *istijmar* (استجمار) adalah sama maknanya iaitu menghilangkan najis yang keluar dari dua jalan (qubul dan dubur) dari tempat keluarnya.

Istinjak (استنجاء) dan *istitabah* (استطابة) iaitu membersihkan kekotoran pada jalan keluarnya adalah wajib selepas membuang air kecil atau air besar.

tangan kanan. Demikianlah yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W.[52]

Dan hikmah dalam perkara tersebut telah kami sebutkan. Justeru, apabila kamu membiasakan diri dengan meraikan keadilan dalam setiap pergerakan yang terperinci maka keadilan dan kebenaran akan menjadi suatu keadaan yang kukuh dalam hati kamu. Gambarannya akan menjadi sama dan dengan itu hati dapat menerima gambaran kebahagiaan.

Oleh itu, Allah berfirman :

فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى فَقَعُوا۟ لَهُۥ سَـٰجِدِينَ ﴿٧٢﴾

" kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya ".

Surah Sad : 72.

Maka roh Allah[53] ialah kunci kepada pintu kebahagiaan dan roh tersebut tidak akan dapat ditiupkan melainkan

---

[52] Imam al-Ghazali berkata : “Aku tidak melihat dalam kitab-kitab terdapatnya khabar(hadis) yang meriwayatkan tentang tertib susunan memotong kuku namun aku pernah mendengar bahawa nabi S.A.W.memulakan….” Berkata Imam al-‘Iraqi : “Aku tidak mendapati asal bagi hadis tersebut.”

[53] Disandarkan roh kepada Allah adalah sandaran untuk menunjukkan kemuliaan dan kepunyaan sebagaimana kita menyebut Ka’bah yang mulia sebagai Baitullah. Yakni, setiap sesuatu selain Allah adalah makhluk diciptakan.

setelah (hati) diluruskan. Maksud diluruskan ialah kembali kepada proses mengadilkan (pergerakan hati). Di dalam perkara tersebut terdapat rahsia yang panjang sekiranya hendak dihuraikan. Hanyasanya yang kami mahukan hanyalah mendatangkan rumusan yang mempunyai asasnya sahaja.

Sekiranya kamu tidak kuat untuk memahami hakikatnya maka pengalaman akan memberi manfaat kepada kamu. Justeru lihatlah kepada sesiapa yang kebiasaannya bersifat jujur. Bagaimana kamu boleh selalu mempercayai mimpinya? Sudah tentu kerana sifat jujur telah menghasilkan di dalam hatinya suatu perihal yang benar sehingga perihal itu mendapat gambaran *ghaib* secara jelas di dalam tidur.

Dan lihatlah pula bagaimana kamu mendustakan mimpi orang yang menipu termasuk juga mimpi penyair kerana kebiasaan (hati mereka) dengan khayalan-khayalan yang dusta maka dengan demikian bengkoklah gambaran hatinya.

Sekiranya kamu mahu melihat dengan jelas sesuatu perkara yang suci maka tinggalkanlah dosa zahir dan batinnya dan tinggalkanlah perkara keji sama ada zahir ataupun batin serta tinggalkanlah sifat dusta sekalipun percakapan dalam hati nescaya kamu akan mendapat kejayaan dan kemenangan.

Rahsia kedua :

Hendaklah kamu mengetahui bahawa sesuatu perkara yang memberi kesan kepada badan kamu sebahagiannya dapat difikirkan pengaruhnya dengan jenis yang munasabah seperti panas, sejuk, basah dan kering. Seperti kata-kata kamu : sesungguhnya madu itu *mudharat* bagi orang yang kepanasan tetapi bermanfaat bagi orang yang sedang kesejukan dengan meminum campuran madu.

Dan sebahagiannya (sesuatu perkara yang memberi kesan kepada badan kamu) tidak dapat diketahui dengan qiyas dan hanya dapat difahami oleh golongan khawas (khusus).

Golongan khusus ini tidak bergantung kepada mendapatkan pengetahuan dengan cara qiyas, sebaliknya asas pengetahuannya ialah wahyu atau ilham. Maka magnet boleh menarik besi dan tumbuhan *al-saqmonia*[54] dapat menyedut campuran kuning yang terdapat di dalam urat. Kesemua ini bukanlah hasil daripada qiyas tetapi disebabkan kepakaran yang berasaskan sama ada dengan cara ilham ataupun ujikaji yang benar.

---

[54] Tumbuhan yang daripadanya dibuat ubat untuk penyakit cirit birit dan menghilangkan cacing di dalam perut.

Ramai di kalangan pakar mengetahui sesuatu hasil daripada ilham dan kebanyakan keberkesanan ubatan dan selainnya adalah datang daripada golongan khusus ini.

Justeru dengan demikian, ketahuilah bahawa pengaruh amalan terhadap hati terbahagi kepada sesuatu yang dapat difahami bentuk perkaitannya sepertimana kamu mengetahui bahawa mengikut akan nafsu dunia hanya akan menguatkan hubungannya dengan alam ini. Maka keluarlah daripada alam ini dengan menterbalikkan kepala dengan muka menghadap alam ini dengan melihat padanya apa yang dicintainya.

Dan sepertimana kamu mengetahui bahawa dengan sentiasa berzikir kepada Allah akan mengukuhkan penghambaan kepada Allah dan menghasilkan kecintaan kepadaNya sehinggakan kamu mengagungkan kelazatan cintanya ketika berpisah daripada dunia ini untuk menuju kepada Allah S.W.T. Justeru, tahap kelazatan bergantung kepada kadar kecintaan dan tahap kecintaan bergantung kepada kadar makrifah dan zikir.

Terdapat amalan-amalan yang boleh memberi kesan dalam persiapan untuk mendapat kebahagian akhirat dan terdapat juga amalan yang boleh mendatangkan kecelakaan di hari akhirat yang secara khususnya bukan berdasarkan qiyas. Tidak dapat mengetahui tentangnya melainkan dengan cahaya kenabian.

Justeru, apabila kamu melihat Nabi S.A.W. berpaling daripada salah satu daripada dua perkara yang harus dengan cenderung kepada salah satu yang lain dan Baginda mengutamakannya berbanding yang lain sedangkan Baginda mampu untuk melakukan kedua-duanya, maka ketahuilah bahawa Baginda melihatnya dengan cahaya kenabian terhadap perkara tersebut dengan teliti dan Baginda didedahkan dengan alam *malakut* sebagaimana terdapat dalam hadis :

Maksudnya : "*Wahai manusia, sesungguhnya Allah memerintahkan aku untuk mengajarkan kamu apa-apa yang Dia telah ajarkanku, memberi didikan adab kepada kamu sebagaimana Dia mendidikku,..*
maka janganlah ada di kalangan kamu yang banyak bercakap ketika sedang jimak kerana dengan perbuatan itu boleh menyebabkan kebisuan pada anak.
Janganlah kamu melihat pada kemaluan isteri kamu ketika sedang jimak kerana dengan perbuatan itu boleh menyebabkan kebutaan.
Janganlah kamu mencium isteri kamu ketika sedang jimak kerana dengan perbuatan itu boleh menyebabkan kepekakan pada anak.
Janganlah ada dikalangan kamu yang merenung air terlalu lama kerana perbuatan itu boleh menghilangkan akal." Di dalam kitab Tazkirah al-Maudhu'at menyebut : Di dalam sanadnya terdapat Abdullah bin Uzainah adalah perawi hadis-hadis maudhu'. Ibnu Hibban dan Ibnu al-Jauzi berkata : Maudhu'.

Dan contoh tersebut daripada apa yang telah kami sebutkannya dan mahukan perhatian kamu adalah untuk menunjukkan kemampuan pengetahuan orang tertentu terhadap perkara yang khusus terutama perkara-perkara keduniaan agar kamu dapat membuat perbandingan terhadap kemampuan pengetahuan Nabi S.A.W. terhadap perkara yang mempunyai pengaruh secara khusus dalam mendapat kebahagiaan dan kecelakaan.

Justeru, janganlah kamu berpada terhadap diri kamu dengan membenarkan (di dalam hati) apa yang disebutkan oleh Muhammad bin Zakaria al-Razi seorang tabib tentang kelebihan sesuatu seperti berbekam, perubatan menggunakan batu dan ubat-ubatan.

Demikian juga janganlah berpada dengan hanya membenarkan (di dalam hati) apa yang disebutkan oleh penghulu sekalian manusia iaitu Muhammad bin Abdullah al-Hashimi al-Makki al-Madani-S.A.W.-
Kamu mengetahui bahawa Baginda S.A.W. didedahkan dengan keseluruhan rahsia alam tertinggi. Dan ini memberi peringatan kepada kamu agar mengikut akan sunnah terhadap apa juga perkara yang kamu tidak dapat memahami kaitan hikmah padanya sebagaimana telah kami jelaskan dalam rahsia pertama.

Rahsia ketiga :

Sesungguhnya untuk mencapai kebahagian manusia adalah dengan menyerupai malaikat dari segi membebaskan diri daripada nafsu syahwat, mematahkan nafsu yang mendorong melakukan kejahatan, menjauhkan diri daripada menyerupai binatang ternakan yang terbiar yang dibebas untuk ia mengikut hawa nafsunya melakukan apa yang ia kehendaki berdasarkan tabiatnya tanpa ada sebarang sekatan.

Sekalipun manusia kebiasaannya dalam keseluruhan perkara melakukan sesuatu mengikut kehendaknya tanpa sebarang penghalang, tetap cenderung mengikut kehendaknya dan hawa nafsunya serta sifat kebinatangan menguasai hatinya.

Maka, demi untuk kebaikan manusia hendaklah menjadikan keseluruhan pergerakannya diikat dengan tali yang dapat menyekatnya daripada menuju dari suatu tempat ke tempat yang lain, agar dia tidak lupa dirinya akan perasaan kehambaan dan melazimi jalan yang lurus.

Justeru, kesan kehambaan akan menjadi jelas nyata dalam pergerakannya iaitu dia tidak akan melakukan sesuatu mengikut tabiatnya sebaliknya mengikut perintah (Allah). Tidak terpisah dalam segala perihalnya daripada melawan hawa nafsunya (*mujahadah al-Nafs*)

dengan mengutamakan sebahagian perkara daripada perkara yang lain.

Barangsiapa yang meletakkan tali ikatan kepada anjing contohnya sehinggakan anjing itu tidak dapat bergerak dan mundar-mandir mengikut tabiatnya sebaliknya pergerakannya adalah bergantung kepada keputusan orang lain, maka jiwanya lebih cepat untuk menerima latihan yang sebenarnya, lebih dekat dan kuat daripada seseorang yang membiarkan tali ikatan (anjing) berada pada hawa nafsunya yang membuatkan dia terlepas sepertimana bebasnya binatang yang lain.

Dan di bawah ini terdapat rahsia yang hebat dalam penyucian jiwa. Dan inilah faedah yang dapat dihasilkan dengan meletakkan syariat Nabi S.A.W. sebagaimana yang Baginda laksanakannya.

Dan faedah yang penuh hikmah atau istimewa tidak akan berubah disebabkan perlaksanaannya. Sesungguhnya yang dimaksudkan (meletakkan syariat Nabi S.A.W.) itu ialah hendaklah tidak sunyi (segala pergerakan kamu) dengan mengikut akan sunnah beserta dengan pilihannya. Perkara demikian dapat terhasil dengan menegah salah satu daripada dua perkara. Dan dalam contoh ini tergambar bahawa kamu menyalahi akan syariat kerana syariat ialah buah daripada perlakuan.

Maka, cukuplah bagi kamu akan ketiga-tiga peringatan tentang kelebihan mengikut akan sunnah secara berterusan dalam kesemua pergerakan dan diam.

Mengikut Sunnah dalam Ibadah

Galakan yang telah saya sebutkan sebelum ini adalah dalam perkara adat kebiasaan. Adapun dalam perkara-perkara ibadah tidaklah dikenali terhadap orang yang meninggalkan sunnah Nabi S.A.W. tanpa keuzuran itu melainkan orang yang *kufur* secara tersembunyi atau bodoh yang nyata.

Penjelasan kepada perkara tersebut ialah apabila terdapat sabda Nabi S.A.W. :

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Maksudnya : "*Solat berjemaah lebih baik daripada solat bersendirian sebanyak 27 darjat*." Hadis *Muttafaq 'alaih.*

Justeru, bagaimana jiwa seorang mukmin itu boleh membiarkan dirinya meninggalkannya (sunnah Nabi S.A.W.) tanpa sebarang keuzuran?
Ya, sudah tentu sebab berlaku demikian sama ada bodoh atau lalai kerana tidak berfikir terhadap terlepasnya ganjaran yang besar tersebut.

Seseorang itu akan dianggap bodoh oleh orang lain-apabila mengutamakan satu ganjaran berbanding dua ganjaran -maka bagaimana dia tidak memperbodohkan

dirinya apabila mengutamakan satu ganjaran pahala ke atas 27 ganjaran pahala terutama perkara tersebut (solat) merupakan tiang agama dan kunci kebahagiaan yang abadi.

Adapun *kufur* (terhadap orang yang meninggalkan sunnah), sudah tentu tidak terlintas dalam hatinya boleh berlaku demikian. (Menurut pandangannya) Hanyasanya Nabi S.A.W. menyebut demikian sebagai galakan melakukan solat jamaah. Sekiranya bukan demikian, apakah munasabah antara solat jemaah dengan bilangan (darjat) yang dikhususkan berbanding sekalian bilangan (darjat)? Maka inilah *kufur* yang tersembunyi yang tersebar di dalam dada seseorang sedangkan dia tidak menyedarinya.

Dan tidak ada bodoh yang paling besar daripada seseorang yang mempercayai tukang tilik dan tabib dalam sesuatu perkara yang lebih jauh (tidak dapat difahami oleh akal) daripada perkara tersebut (kelebihan solat jamaah) sedangkan dia tidak mempercayai Nabi S.A.W. yang didedahkan dengan rahsia-rahsia alam *malakut* (*ghaib*).

Sesungguhnya sekiranya tukang tilik berkata kepada kamu :
“sekiranya telah berlalu 27 hari sejak pertama kali berubahnya kemunculan *Zodiak* (bintang kelahiranmu) nescaya kamu akan ditimpa musibah. Maka berhati-hatilah pada hari tersebut dan duduklah di rumah kamu.”

Sudah tentu dalam tempoh tersebut kamu masih lagi menetap di rumah dan meninggalkan segala pekerjaan kamu. Jika kamu bertanya kepada tukang tilik tentang sebabnya lalu dia berkata kepada kamu : “Hanyasanya aku berkata begitu kerana kedudukan bintang zodiak (kelahiranmu) dengan kedudukan bintang zuhal ialah 27 darjah. Maka musibah itu akan terlambat pada setiap darjah satu hari atau sebulan.”

Sekiranya dikatakan kepada kamu :
“Ini adalah suatu kegilaan kerana perkara itu tidak munasabah. Janganlah kamu mempercayainya.”

Lalu tidak sunyi hati kamu daripada merasakannya dan kamu berkata(sebagai alasan) bahawa pada perbuatan Allah adanya keajaiban yang tidak dapat diketahui munasabahnya dan boleh jadi perkara itu tidak diketahui oleh golongan khusus sebaliknya diketahui dengan cara pengalaman bahawa perkara tersebut(tilikan bintang) boleh memberi kesan walaupun tidak diketahui munasabahnya.

Namun, apabila perkara itu disandarkan kepada khabar kenabian tentang perkara ghaib, lalu kamu mengingkarinya seperti mana golongan ini dan kamu meminta pula (penjelasan) yang munasabah dan jelas. Maka bukankah sebab ini tidak lain dan tidak bukan ialah syirik yang tersembunyi. Bukan sekadar itu sahaja bahkan *kufur* yang nyata, sama sahaja tidak ada kebarangkalian yang lain lagi.

Sebab berlakunya kemalasan ini semuanya ialah kerana sesungguhnya kamu tidak mementingkan urusan akhirat kamu. Sesungguhnya urusan dunia yang menjadi perhatian kamu sehingga kehidupan kamu dikelilingi dengan kata-kata tukang tilik dan tabib sekalipun perkara itu hanyalah lintasan hati dan perkara-perkara yang jauh daripada munasabah (di luar jangkauan akal kamu).

Dan kamu berpandu kepada kebarangkalian yang jauh kerana sesungguhnya orang yang bimbang itu sangat waspada dan jahat sangka. Jika kamu berfikir nescaya kamu mengetahui bahawa mengambil langkah waspada terhadap bahaya yang abadi(neraka) adalah lebih utama.

Sekiranya kamu bertanya : “Apakah jenis-jenis amalan yang perlu untuk mengikut akan sunnah?”
Maka aku menjawabnya : Dalam semua perkara yang terdapat sunnah. Terdapat banyak hadis-hadis mengenainya antaranya;
Sabda Baginda Nabi S.A.W. :

مَنْ احْتَجَمَ يَوْمَ السَّبْت والأَرْبِعَاء فَأَصَابَهُ بَرَصٌ فَلَا يَلُومَنَّ إِلاَّ نَفْسَهُ

Maksudnya : “*Barangsiapa yang berbekam pada hari sabtu dan rabu maka dia akan terkena penyakit kusta. Janganlah dia menyalahkan melainkan kepada dirinya sendiri.*”Hadis riwayat Imam Hakim dan Baihaqi.

Sesungguhnya terdapat di kalangan *muhaddithin* (ulamak hadis) telah berbekam pada hari sabtu. Dan dia mengatakan bahawa hadis itu adalah *dhaif*. Kemudian dia terkena penyakit kusta dan menimbulkan kebimbangan kepadanya sehinggalah dia bermimpi bertemu dengan Rasulullah S.A.W. di dalam tidurnya lalu dia mengadu kepada Rasulullah S.A.W.

Maka Baginda bersabda : "Kenapa kamu berbekam pada hari sabtu?".

Dia menjawab : "Kerana perawi hadis tersebut adalah *dhaif*.

Baginda berkata : "Bukankah hadis itu diambil daripada aku?"

Dia berkata : "Wahai Rasulullah S.A.W., aku telah bertaubat."

Lalu Rasulullah S.A.W. mendoakan kesembuhan kepadanya. Apabila dia bangun pagi penyakit itu telah hilang.

Sabda Nabi S.A.W. :

مَنْ احْتَجَمَ يَوْمَ الثُّلَاثَاءِ لِسَبْعَ عَشَرَةَ مِنَ الشَّهْرِ كَانَ لَهُ دَوَاءً مِنْ دَاءِ سَنَةٍ

Maksudnya : "*Barangsiapa yang berbekam pada hari selasa pada 17 haribulan setiap bulan, maka baginya ubat daripada penyakit dalam setahun*" Hadis riwayat al-Tabarani dan Ibnu Hibban. Imam Abu Daud dan Hakim meriwayatkan dalam kitab Mustadrak-nya satu hadis yang dekat

dengan hadis tersebut dan Imam Suyuti menghukumnya sebagai sahih.

Sabda Nabi S.A.W. :

مَنْ نَامَ بَعْدَ العَصْرِ فاخْتُلِسَ عَقْلُهُ فَلَا يَلُومَنَّ إِلاَّ نَفْسَهُ

Maksudnya : *Barangsiapa yang tidur selepas asar akan dirampas akalnya, maka janganlah dia menyalahkan melainkan kepada dirinya*." Abi Ya'la meriwayatkan di dalam *Masnad*nya. al-Suyutiy menyatakan dhaif.

Sabda Nabi S.A.W. :

إِذَا انْقَطَعَ شِسْعِ نَعْلِ أَحَدِكُمْ فَلَا يَمْشِ فِي نَعلٍ وَاحِدٍ حَتَّى يُصْلِحَ شَسْعَهُ

Maksudnya : "*Sekiranya terputus tali sepatu kamu, janganlah kamu berjalan dengan memakai sebelah sepatu sehingga tali sepatu itu dibaiki*." Hadis riwayat Imam Muslim, Nasaie dan Bukhari di dalam kitab al-Adab al-Mufrad.

Sabda Nabi S.A.W. :

إِذَا وَلَدَتِ امْرَأَةٌ فَلْيَكُنْ أَوَّلَ مَا تَأْكُلُ الرُّطَبَ, فَإِن لَمْ يَكُنْ فَتَمرٌ, فَإِنَّهُ لَوْ كَانَ شَيءٌ أَفْضَلَ مِنْهُ لَأَطْعَمَهُ اللّٰهُ عزَّ وَ جَلَّ مَرْيَمَ حِينَ وَلَدَتْ عِيسى عليه السلام

Maksudnya : "*Apabila seorang perempuan itu telah melahirkan anak, maka hendaklah makanan pertama*

yang dia makan ialah buah tamar yang masih basah (rutab). Sesungguhnya sekiranya terdapat sesuatu yang lebih baik daripada itu, nescaya Allah akan memberikannya kepada Maryam ketika melahirkan Isa a.s." Diriwayatkan oleh Uthman al-Darimi dengan lafaz yang bermaksud : "Berikanlah makanan kepada orang perempuan yang keluar darah nifas (melahirkan anak) akan buah tamar yang masih basah sekiranya tidak ada maka berikanlah buah tamar yang kering." Sanadnya dhaif.

Sabda Nabi S.A.W. :

إِذَا أُتِى أَحَدَكُمْ بِالْحَلْوَاءَ فَلْيُصِبْ مِنْهُ, فَإِنْ أُتِى أَحَدَكُمْ بِالطِّيبِ فَلْيَمَسَّ مِنْهُ

"*Apabila seseorang di kalangan kamu didatangkan dengan manisan maka ambillah daripadanya. Dan apabila seseorang itu didatangkan dengan wangian maka dapatkanlah daripadanya*."

Dan contoh-contoh demikian (sunnah Nabi S.A.W.) dalam perkara adat yang banyak dan tidak sunyi sedikit pun sesuatu daripadanya rahsia.

❋❋❋

PENUTUP

Penutup

Mengenai susunan wirid-wirid yang merupakan pecahan daripada 10 asas dalam Ibadah

Ketahuilah bahawa ibadah-ibadah yang telah kami huraikannya ini ada yang boleh dihimpunkan (dalam suatu amalan) di antaranya seperti puasa, solat dan membaca al-Quran. Dan ada di antaranya yang tidak boleh dihimpunkan antaranya seperti membaca al-Quran, zikir dan menunaikan hak-hak orang lain dan solat.

Maka antara perkara yang paling penting bagi kamu ialah mengagihkan waktu-waktu kamu yang terpenting kepada melakukan perkara-perkara kebaikan bermula dari waktu pagi sehinggalah waktu petang dan dari waktu petang hinggalah sampai waktu pagi.

Dan telah diajar bahawa tujuan ibadah itu adalah untuk mengukuhkan manusia dengan ingat kepada Allah kerana akan kembali ke negeri kekal abadi (akhirat) dan menjauhkan diri daripada negeri yang penuh dengan tipu daya (dunia).

Seseorang itu tidak akan bahagia di negeri kekal abadi melainkan dia datang kepada Allah dengan kecintaan kepadaNya. Seseorang itu tidak dapat mencintaNya melainkan dia mengenaliNya (makrifah) dan banyak berzikir kepadaNya.

Seseorang itu tidak akan dapat mencapai makrifah dan kecintaan melainkan dengan berfikir dan zikir yang berterusan. Zikir tidak dapat berterusan di dalam hati melainkan dengan sesuatu peringatan iaitu ibadah-ibadah yang mengisi waktu-waktu secara silih berganti.

Dan dengan perbezaan jenis-jenis ibadah dapat menambahkan lagi pengaruh dalam berzikir, menghalang kebosanan dan memberi kesannya terhadap hati secara berterusan yang akan berakhir sehingga mencapai tahap kebiasaan.

Ya, sekiranya kamu rindu kepada Allah S.W.T. dan tenggelam dalam cintaNya, maka kamu tidak memerlukan penyusunan wirid-wirid. Bahkan wirid kamu adalah satu iaitu sentiasa melazimi zikir. Dan aku tidak melihat kamu menjadi seperti itu sedangkan sesungguhnya perkara itu adalah paling mulia. Sekiranya kamu tidak rindu dan lemah (dalam cinta terhadapNya) maka hendaklah kamu menyusun wirid-wirid kamu.

Maka salah satu daripada wirid-wirid itu ialah pada waktu bangun daripada tidur sehinggalah terbitnya matahari. Kamu hendaklah menghimpunkan di antara waktu-waktu yang mulia ini selepas selesai melakukan solat dengan berzikir, berdoa, membaca al-Quran dan berfikir. Hal ini kerana setiap sesuatu amalan itu mempunyai kesan dalam menerangi hati-hati kamu. Kamu dapat mengetahui tentang cara-caranya dan perinciannya

daripada kitab *Bidayah al-Hidayah,* Kitab *Tartib al-Awrad.*[55]

Demikian juga keadaannya kamu lakukan antara waktu terbitnya matahari sehingga tergelincirnya matahari, antara tergelincir matahari sehingga terbenam matahari dan antara waktu maghrib hingga waktu isyak. Hal ini kerana waktu-waktu tersebut adalah waktu-waktu yang paling mulia kerana (seseorang ketika itu berada dalam keadaan) cergas.

Hanyasanya zikir itu akan sempurna sekiranya dibezakan wirid pada setiap waktu agar pada setiap waktu mempunyai ibadah lain yang dapat kamu beralih daripadanya antara satu sama lain. Ini semua sekiranya kamu di kalangan *al-'ubbad* (ahli ibadah).

Sekiranya kamu sebagai seorang guru atau penuntut ilmu atau pemimpin, maka kesibukan di dalam hal keilmuan pada waktu siang harinya adalah lebih *afdhal* daripada melakukan ibadah menggunakan anggota badan. Hal ini kerana asas kepada agama ialah ilmu yang dengannya dapat mengagungkan perintah Allah S.W.T. dan beroleh manfaat berasaskan kasih sayang kepada makhluk Allah S.W.T..

Dan demikian juga, sekiranya kamu seorang yang menyara keluarga dan bekerja. Maka menunaikan hak-

---

[55]Terdapat di dalam kitab *al-Ihya' Ulum al-Din.*

hak keluarga dengan kerja yang halal adalah lebih *afdhal* daripada ibadat melakukan ibadah anggota badan. Namun janganlah dibiarkan keseluruhan waktu bekerja itu sunyi dan terpisah daripada mengingati Allah. Bahkan hendaklah kamu menjadi seperti orang yang merindui terhadap sesuatu yang dicintainya. (Perasaan itu) mendorongnya walaupun dengan kesibukan disebabkan masanya yang sempit. Maka dia bekerja secara jasmaninya namun hatinya tidak bersama-sama dengan pekerjaannya sebaliknya hatinya berada bersama-sama dengan yang dicintainya.

Dikisahkan daripada Abu al-Hasan al-Jurjani bahawa dia selalu bekerja sebagai tukang sapu dan dia pernah berkata :
"Kita diberikan tangan, lidah dan hati. Maka tangan adalah (digunakan) untuk bekerja, lidah adalah untuk makhluk manakala hati adalah untuk Allah."

Maka, setakat ini sahaja kami bataskan perbahasan pada bahagian amalan-amalan zahir. Semoga padanya mencukupi dengan izin Allah.

❋❋❋

Rujukan

al-'Ajamiy, Dr. Rafiq, *Mausu'ah Mustolahat al-Tasawwuf al-Islamiy,* Pustaka Lubnan, Beirut.

al-Ghazali, Hujjatul Islam Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad at-Tusi, 1999, *Al-Arbain Fi Usuliddin*, Darul Qalam, Beyrut.

al-Humawiy, Yaqut, *Mu'jam Buldan*, Darul Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut

al-Jurjaniy, *Mu'jam al-Ta'rifat*, Tahqiq Muhammad Sadiq al-Minsyawiy, Darul Fadilah, Kaherah.

al-Mawardiy, Abu Al-Hasan Ali Bin Muhammad Bin Habib, 1994, *al-Hawi al-Kabir*, cetakan 1, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Mufti al-Sayyid Muhammad 'Umaym al-Ikhsan al-Mujarradiy al-Barkatiy, *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah,* Darul Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.

al-Zuhayliy, Muhammad Mustafa. 2007. *al-Mu'amad Fi al-Fiqh al-Syafi'i*. Damsyik. Dar al-Qalam.

BAHAN ELEKTRONIK

Al-Quran Word 2010
Maktabah Asy-Syamilah versi 3.2
Mausu'ah Fiqhiyyah, FAZA Publication.